

Jilid IV  
Bil. 1



Hari Selasa  
12hb. April, 1994

MALAYSIA  
**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT  
*House of Representatives*

PARLIMEN KELAPAN  
*Eighth Parliament*

PENGGAL KEEMPAT  
*Fourth Session*

**KANDUNGAN**

**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:**

Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong [Ruangan 29]

Memperkenankan Akta-akta [Ruangan 29]

Perutusan daripada Dewan Negara [Ruangan 31]

Cuti kepada Ahli-ahli—Kebenaran: [Ruangan 32]

Y.B. Dr. V. David (Puchong)

Y.B. Dato' Seri Rafidah Aziz (Kuala Kangsar) [Ruangan 32]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN [Ruangan 33]**

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DIBAWAH PERATURAN MESYUARAT  
18:**

Kerugian dalam urusan tukaran asing Bank Negara

Y.B. Tuan Lim Kit Siang (Tanjong) [Ruangan 70]

Ucapan Takziah kepada balu dan keluarga Allahyarham Datuk Haji Abdul Rashid bin Muhammad, Ahli Parlimen Kuala Nerus [Ruangan 73]

## **KANDUNGAN-(Samb.)**

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT [Ruangan 73]**

### **USUL-USUL:**

**Jalan-jalan Masuk ke Parlimen [Ruangan 75]**

**Ucapan Terima Kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah [Ruangan 76]**

**Kerugian dalam urusan tukaran asing Bank Negara**

**- Y.B. Tuan Lim Kit Siang (Tanjong) [Ruangan 121]**

**Penangguhan Mesyuarat [Ruangan 148]**

#### **PERCETAKAN NATIONAL MALAYSIA BERHAD**

Semua Hak Terpelihara. **Tiada** mami-mana hahagiim jiu diiripado penerbilnn ini biilch diterbilkan scmuh uiiu disimpan **di** dulam bcntuk yang holch dipemlchi semulu auu tliasiarkun dalam Khurang bentuk dengun apnjua<:arac|eklr>nik mctanikd, fntntopi, raiamiin alau schaliknyu tunpa **mendipat** izin daripala Percetakan Ntkslonal Mdayxla Berhad.  
(Pencetak kepada Ker^jun Malaysia y>nj dilantlk).

MALAYSIA

## **DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN**

*Penyata Rasmi Parlimen*

### **PENGGAL YANG KEEMPAT**

#### **AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,  
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR.  
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P.,  
D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

" Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN  
IBRAHIM, S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., D.M.P.N. (Permatang Pauh).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR. LING LIONG SIK, S.P.M.P., D.P.M.S.,  
D.P.M.P., D.G.S.M. (Labis).

" Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P.,  
S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

" Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR. LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,  
D.P.C.M. (Beras).

" Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

" Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH  
Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

" Menteri Pendidikan, DATUK AMAR DR. HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD,  
S.I.M.P., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

" Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K., D.G.S.M.,  
S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

" Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' HAJI  
ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala  
Selangor).

" Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

" Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL  
RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P.  
(Pekan).

Yang Berhormat Menteri Penerangan, DATO' MOHAMEDBINRAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., B S I. (Pulau).

- " Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M S. (Temerloh).
- " Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- " Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR. MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.S.S.A., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T.. P.P.T (Besut).
- " Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.MT., J.P. (Bentong).
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- " Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK LAW HIENG DING, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei).
- " Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR. TING CHEW PEH, D.P.M.P. (Gopeng).
- " Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., PG D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J., S.M.J.. A.M.N. (Kota Tinggi).
- " Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N.. A.M.N. (Kepala Batas).
- " Menteri Belia dan Sukan, DATUK ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- " Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- " Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- " Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S A.P, A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak).
- " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- " Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOLROSLIBIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- " Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).

- " Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR. SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- " Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- " Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY, J.M.N. (Silam).
- " Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- " Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- " Timbalan Menteri Pendidikan, DR. LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- " Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR. ABDULLAH FADZIL BIN CHEWAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DRS. SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- " Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' MOHD. FARID BIN ARIFFIN, D.S.P.N. (Balik Pulau).
- " Timbalan Menteri Belia dan Sukan, DATO' TENG GAIK KWAN, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub).
- " Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- " Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JU MENG, P.I.S. (Bakri).
- " Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim-Bandar Baharu).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).

- ” Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T, K.M.N., P.J.C., J.P, P J K. (Setiu).
- ” Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N, P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- ” Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., P.P.C. (Saratok).
- ” Timbalan Menteri Pendidikan, DATUK DR. FONG CHAN ONN, D.M.S.M (Selandar).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR. HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D S D.K., S.M.J., K.M.N, P.P.T. (Sik).
- ” Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY, D.P.MS (LJpis).
- ” Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM, D.P.M.S., J.M.N..J.P. (Kapar).
- ” Timbalan Menteri Pertanian, DR.T. MARIMUTHU (Telok Kemang).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULAIMAN, D.P.M.P.. P.M.P.. A.M.P., J.P. (Parit Buntar).
- ” Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO' MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P, A.M.P, P.P.T., J.P. (Bagan Datok).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' MOHD. NOH BIN RAJAB, D.S.N.S (Tampin).
- ” Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B S, P.B.S. (Betong).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).

- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P (Tapah).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATUK S. S. SUBRAMANIAM, D.P.M.S., J.S.M., P.J.K., A.M.S. (Segamat).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, DATO' DR. AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- ” TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- ” DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- ” TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- ” TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- ” TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- ” DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- ” TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).
- ” DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S A.P. (Kota Samarahan).
- ” TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- ” TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).
- ” TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- ” TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).
- ” DATO' ALIAS BIN MD. Ali, D.P.M.T., J.S.M., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- ” DATU AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).
- ” TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- ” TUAN HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, B.K.M., P.J.K. (Jerai).
- ” DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).

Yang Berhormat DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).

- " TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- " TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- " TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- " TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- " TUN DAIM ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A P. (Merbok).
- " DR. V. DAVID (Puchong).
- " TUAN FONG KUI LUN (Klang).
- " TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).
- " TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).
- " TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- " TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).
- " TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).
- " TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasar Mas).
- " TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).
- " TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- " TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- " CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- " LT. KOL (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).
- " PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO' HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- " TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).
- " DATO' DR. HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI MOHD JARJIS, D.I.M.P (Rompin).
- " TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- " TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- " TUAN JOSEPH MAUH ANAK IKEH (Selangau).
- " TUAN KANG CHOW OH (Kluang).

Yang Berhormat TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).

- ” TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Panji).
- ” DR. KUA KIA SOONC (Petaling Jaya).
- ” TUAN LAI LUNG TZEE (Sandakan).
- ” TUAN LAUDAK KEE (Ipoh).
- ” TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- ” TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- ” TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- ” TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- ” TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- ” PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- ” DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).
- ” TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- ” DATUK MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- ” TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambangan).
- ” TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).
- ” DATO' HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., P.J.K. (Maran).
- ” TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).
- ” TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).
- ” TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).
- ” DATO' HAJI MOHAMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- ” DATO' HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- ” TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- ” DATO' HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P. (Larut).

Yang Berhormat DATUK MONGGOH OROW, P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).

- ” TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K, S.I. M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S P.M.P., S.P.C.K., K.C.R.L., K.S.T.J., O.B.E. (Limbawang).
- ” TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M. P. (Parit).
- ” DR. NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).
- ” DATUK NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- ” TUAN ONG TIN KIM (Telok Intan).
- ” DR. OSMAN MINUDIN (Kinabalu).
- ” DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- ” TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).
- ” DR. PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- ” DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY, P.G.D.K., A.S.D.K. (Nibong Tebal).
- ” DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K (Bagan Serai).
- ” TUAN RADIN MALLEH (Padas).
- ” DATIN PADUKA HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP, D.S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Shah Alam).

Yang Berhormat Mulia TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., SS A.P., S P.M.S. (Gua Musang).

Yang Berhormat TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).

- ” PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).
- ” TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD (Parit Sulong).
- ” TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).
- ” DR. SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- ” TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- ” TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- ” CIK SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).

Yang Berhormat TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas).

- ” TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).
- ” DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).
- ” TUANTAN KOK WAI (Sungai Besi).
- ” DR. TAN SENG GIAW (Kepong).
- ” TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- ” TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).
- ” WAN HANAFIAH BIN MAT SAMAN (Kota Setar).
- ” WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- ” TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- ” WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh).
- ” TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- ” DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).
- ” TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).
- ” TUAN WONG WING ON (Kampar).
- ” TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A M.N., P.I.S. (Senai).
- ” TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).
- ” TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).
- ” TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).
- ” TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, A.M.N., P.J.K., A M.S., S.M.T,  
A.S.D.K.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Tajjadin bin Saberan.

Penolong Setiausaha Kanan: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha Kanan: Zamani bin Haji Sulaiman.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop.

#### *Pelapor Perbahasan Parlimen:*

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kaisom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

### BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib

MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT****Selasa, 12hb. April, 1994***Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang***DOA**

(Tuan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

**PEMASYHURAN  
TUAN YANG  
DI-PERTUA****TITAH UCAPAN SERI BAGINDA  
YANG DI-PERTUAN AGONG**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan sukacitanya saya memaklumkan kepada Majlis ini iaitu pada pagi semalam 11 hb. April, 1994 Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan menyampaikan Titah Ucapan DiRaja dalam Parlimen. Saya telah menerima salinan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda itu dan seterusnya sekarang saya mengarahkan supaya salinan Titah Ucapan itu dibentangkan di atas Meja Mesyuarat dan seterusnya dicetak dalam Penyata Rasmi Parlimen.

*(Teks Titah Ucapan DiRaja diedarkan)*

**MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenalkan Akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam Penggal yang lalu seperti berikut:

1. Akta Perbekalan 1994;

2. Akta Perbekalan Tambahan (1993) (No.2) 1993;

3. Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja 1994;

4. Akta Perkhidmatan Bomba (Pindaan) 1994;

5. Akta Cap Dagangan (Pindaan) 1994;

6. Akta Lembaga Pembangunan Langkawi (Pindaan) 1994;

7. Akta Saraan Hakim (Pindaan) 1994;

8. Akta Kewangan 1994;

9. Akta Kastam (Pindaan) 1994;

10. Akta Eksais (Pindaan) 1994;

11. Akta Cukai Jualan (Pindaan) 1994;

12. Akta Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 1994;

13. Akta Pengangkutan Jalan (Pindaan) 1994;

14. Akta Tribunal Perkhidmatan Awam (Pindaan) 1994;

15. Akta Perkapalan Saudagar (Pencemaran Minyak) 1994;

16. Akta Perihal Dagangan (Pindaan) 1994; dan

17. Akta Penggalakan Pelaburan (Pindaan) 1994.

**PERUTUSAN DARIPADA  
DEWAN NEGARA**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan Negara yang menyatakan persetujuan Dewan itu kepada Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam sidang Parlimen Penggal yang lalu. Saya menjemput Setiausaha membaca Perutusan itu sekarang.

*(Setiausaha membacakan Perutusan)*

"30 Disember 1993.

**Perutusan Daripada Dewan Negara  
kepada Dewan Rakyat**

Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah memersetujui Rang Undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

1. Rang Undang-undang Perbekalan 1994;
2. Rang Undang-undang Cap Dagangan (Pindaan) 1993;
3. Rang Undang-undang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1993;
4. Rang Undang-undang Perkhidmatan Bomba (Pindaan) 1993;
5. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1993) (No. 2) 1993;
6. Rang Undang-undang Lembaga Pembangunan Langkawi (Pindaan) 1993;
7. Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan) 1993;
8. Rang Undang-undang Kewangan (No. 2) 1993;
9. Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) 1993;

10. Rang Undang-undang Eksais (Pindaan) 1993;
11. Rang Undang-undang Cukai Jualan (Pindaan) 1993;
12. Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 1993;
13. Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 1993;
14. Rang Undang-undang Tribunal Perkhidmatan Awam (Pindaan) 1993;
15. Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pencemaran Minyak) 1993;
16. Rang Undang-undang Perihal Dagangan (Pindaan) 1993; dan
17. Rang Undang-undang Penggalakan Pelaburan (Pindaan) (No.2) 1993.

Yang ikhlas,

t.t.

**YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA"**

**CUTI KEPADA AHLI-AHLI—  
KEBENARAN**

- 1. Y.B. Dr. V. David (Puchong)**
- 2. Y.B. Dato' Seri Rafidah Aziz (Kuala Kangsar)**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada saya mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25hb. April, 1961, saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri mesyuarat di bawah Perkara 52(2) Perlembagaan Persekutuan kepada:

1. Yang Berhormat Dr. V. David, Ahli Parlimen Puchong dari 11 hb. April hingga 5hb. Mei, 1994; dan

2. Yang Berhormat Dato' Seri Rafidah Axiz, Ahli Parlimen Kuala Kangsar dari 1hb. April hingga 14hb. April, 1994.

**JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**SEKOLAH TUNAS BAKTI,  
KUCHING—PENGASINGAN KES  
KESALAHAN BERAT**

**1. Puan Rohani binti Abd. Karim:** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan tentang keadaan penghuni di Sekolah Tunas Bakti di Kuching, yang mempunyai kes-kes juvana yang berbagai-bagai termasuk mengambil mereka yang terlibat dalam kes-kes berat seperti rogol dan kes bunuh. Adakah Kementerian bercadang untuk mengasingkan jenis-jenis kes yang berat dan mereka ini akan dirujuk kepada Sekolah Henry Gurney yang terdekat dengan Sarawak.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Tuan Yong Khoon Seng):** Tuan Yang di-Pertua, penghuni yang diperintahkan ke Sekolah Tunas Bakti, Kuching adalah terdiri dari juvana yang berumur di bawah 18 tahun. Mereka ini diperintahkan oleh mahkamah untuk menjalani pemulihan. Kes yang diperintahkan adalah bersabit dengan kesalahan yang tidak berat. Manakala bagi kes kesalahan berat seperti membunuh, memiliki senjata api atau kerap terlibat dengan kesalahan jenayah akan di hantar ke Sekolah Henry Gurney. Sebagai contoh, pada tahun 1993, bagi seluruh negeri Sarawak, seramai 362 juvana dihadapkan ke mahkamah. Dari jumlah itu, seramai 89 orang diperintah ke Sekolah Tunas Bakti, Kuching; 9 orang ke Sekolah Henry Gurney dan selebihnya didenda atau dibebaskan atau diikat jamin.

**Puan Rohani binti Abd. Karim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya dapati bahawa ada juga kes-kes berat yang dimasukkan ke Sekolah Tunas Bakti, tetapi mungkin itu adalah satu masalah pentadbiran sementara menunggu untuk dihantar ke Sekolah Henry Gurney. Soalan tambahan saya, adakah Kementerian merancang untuk menubuhkan pula Sekolah Henry Gurney di Sarawak dan tidak hanya di Sabah?

**Tuan Yong Khoon Seng:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita ada sebuah Sekolah Tunas Bakti di Kuching. Kita ada rancangan untuk menambah satu lagi di Wilayah Utara Sarawak. Saya tidak mengerti maksud soalan Yang Berhormat.

**Tuan Abdul Malek Munip:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan masalah yang dirujuk dalam soalan ini melibatkan mereka dalam lingkungan belasan tahun iaitu tahap umur persekolahan, saya ingin bertanya sama ada Kementerian Yang Berhormat mempunyai kerjasama dengan Kementerian Pendidikan untuk memonitor sama ada masalah "juvenile delinquency" dan "hooliganism" di kalangan belia-belia itu bertambah buruk, bertambah luas dan "intensity"nya bertambah buruk. Juga sejauh manakah usaha memulihkan golongan yang mempunyai kesempatan hadir dalam kursus-kursus pemulihan itu? Juga saya ingin mendapat tahu sama ada Kementerian mempunyai apa-apa usaha untuk memelihara, menggalak dan mempertingkatkan sifat budi bahasa yang baik bagi membendung berleluasanya "kurang-ajarisme" di kalangan masyarakat belia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, panjang sangat soalan itu!

**Tuan Abdul Malek Munip:** Ini soalan terakhir, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah, Yang Berhormat.

**Tuan Abdul Malek Munip:** Dan adakah usaha seumpama ini dikoordinasikan dengan Kementerian-kementerian lain?

**Tuan Yong Khoon Seng:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kes-kes juvana di sini diperintahkan oleh Mahkamah. Kes-kes yang dikendalikan oleh Sekolah Tunas Bakti memanglah kes-kes daripada mahkamah. Mengenai kes-kes "juvenile delinquency" yang lain di sekolah-sekolah itu seperti Yang Berhormat sebutkan tadi, di dalam pemulihan khususnya Sekolah Tunas Bakti menjalankan banyak aktiviti supaya mereka itu dapat dipulihkan.

### **SURUHANJAYA DIRAJA UNTUK MENYIASAT TUDUHAN KORUPSI—PENUBUHAN**

2. **Tuan Lim Kit Siang** minta Perdana Menteri menyatakan:

(a) mengapa Kerajaan tidak menubuhkan satu Suruhanjaya Penyiasatan DiRaja untuk menyiasat tuduhan-tuduhan mengenai korupsi, sogokan dan ketidaksopanan yang dilaporkan oleh media massa British dalam beberapa bulan yang lepas berkenaan dengan:

- (i) Projek Empangan Hidro-elektrik Pergau bernilai RM1.8 bilion;
- (ii) penswastaaan Tenaga Nasional dan penyenaaraan saham Tenaga;
- (iii) Projek Kerja Air Antah-Biwater yang bernilai berbilion ringgit; dan
- (iv) penyekatan dokumen-dokumen penting di dalam skandal kewangan Bumiputera Malaysia yang melibatkan RM2.5 bilion oleh Kerajaan British sebagai tindakan membantu Kerajaan Malaysia; dan

(b) bagaimanakah Kerajaan bercadang untuk menjelaskan kepada Parlimen dan rakyat Malaysia mengenai persoalan serius yang telah ditimbulkan oleh tuduhan-tuduhan media massa British; dan sama ada Perdana Menteri telah mengambil keputusan untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap *London Sunday Times* atas laporan Wimpeynya yang disiarkan pada 20hb. Februari, 1994.

**Timbalan Perdana Menteri (Dato' Seri Anwar bin Ibrahim):** Tuan Yang

di-Pertua, Kerajaan tidak keberatan menubuhkan Suruhanjaya Penyiasatan DiRaja sekiranya kita berhadapan dengan masalah sebenar dan penubuhan Suruhanjaya tersebut dapat membantu kita mengatasinya. Tetapi Kerajaan tidak akan melatah menubuh Suruhanjaya semata-mata kerana laporan tidak berasas media asing. Agak mendukacitakan kerana Yang Berhormat memilih untuk menjadikan tuduhan liar media asing sebagai asas persoalan yang dibangkitkan. Kita juga mempunyai keyakinan terhadap institusi negara termasuk Badan Pencegah Rasuah untuk menangani masalah-masalah yang timbul. Saya percaya pertanyaan dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Tanjong adalah berasaskan rencana *Sunday Times (London)* yang penuh prasangka dan membuat tuduhan melulu terhadap dasar-dasar Kerajaan.

Saya mengambil kesempatan ini membuat beberapa penjelasan terhadap perkara-perkara yang disentuh dalam soalan tersebut:

- (i) Projek Empangan Pergau dilaksanakan setelah Kerajaan membuat kajian teliti terhadap keperluan elektrik negara dan kesan pelaksanaan projek tersebut terhadap alam sekitar. Kajian tersebut mendapati projek Empangan tersebut adalah "viable". Kontrak pelaksanaan projek tersebut telah diberikan

kepada Syarikat British Balfour Beatty yang mendapat pinjaman £305,443 juta dengan kadar faedah 0.809% setahun dari Kerajaan British;

- (ii) Rencana *Sunday Times* tersebut juga memberikan kritikan melulu terhadap dasar penswastan dan usaha Kerajaan untuk membantu masyarakat perniagaan bumiputera dan juga rakyat bumiputera biasa melalui program tersebut. Penswastan Tenaga Nasional dan penyenaraiannya di Bursa Saham Kuala Lumpur diserang hebat. Ingin saya maklumkan, termasuk kepada Yang Berhormat dari Tanjong, bahawa penswastan TNB dan penyenaraiannya adalah berjalan mengikut proses biasa dan harga saham yang ditawarkan kepada institusi bumiputera ditetapkan oleh Jawatankuasa Terbitan Modal. Institusi Pelaburan Bumiputera termasuk PNB yang disebutkan dalam akhbar tersebut telah diperuntukkan sebanyak 300 juta saham biasa TNB. Rencana *Sunday Times* menuduh PNB dimiliki oleh Tun Ismail Ali iaitu ipar kepada Perdana Menteri. Saya hendak jelaskan bahawa PNB adalah milik seramai 3 juta pelabur bumiputera dari semua lapisan masyarakat dan bukan syarikat persendirian. Kalau Yang Berhormat dari Tanjong belum mengerti perkara ini, ini agak rumit besar.
- (iii) Projek Pembekalan Air Luar Bandar yang dilaksanakan oleh Antah-Biwater juga disentuh dalam rencana tersebut. Suka saya menjelaskan bahawa projek tersebut yang dimulakan dalam

tahun 1986 telah disiapkan pada tahun 1993. Program ini telah meningkatkan jumlah pengguna luar bandar yang dapat menikmati air bersih kepada kira-kira 79%.

- (iv) Berhubung dengan dokumen berkaitan isu BMP, saya ingin menegaskan bahawa Kerajaan Malaysia tidak pernah meminta mana-mana pihak untuk menyekat sebarang dokumen berhubung dengan skandal BMP.
- (b) Pimpinan Kerajaan telah menjawab tuduhan yang dibuat oleh media massa British. Kenyataan Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir dan saya mengenai isu yang dibangkitkan telah disiarkan dengan meluas dan rakyat menyedari bahawa tuduhan dan tohmahan yang dibuat oleh media massa British adalah tidak berasas. Saya ingin mengulangi bahawa projek pembinaan loji untuk melebur aluminium yang dikaitkan dengan Wimpey oleh *Sunday Times (London)* adalah tidak berbangkit sama sekali. Kerajaan berpendapat bahawa tuduhan *Sunday Times London* bukan sekadar bersifat undang-undang, ia adalah persoalan kecenderungan setengah media Britain memandang rendah negara membangun seperti Malaysia, menjadikannya sebagai sasaran sensasi dalam "circulation war" mereka. Kita tidak sekafi-kali mempersoalkan kewibawaan dan integriti Perdana Menteri kita dan yang kita menuntut dari media British semata-mata laporan yang benar dan saksama.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat soalan tambahan. Sebagai memahami niat Pembangkang yang menyoal soalan ini, saya ingin tahu adakah tuduhan yang

dilaporkan oleh media massa Britain ini adalah permintaan ataupun ada kaitan dengan pemimpin-pemimpin Pembangkang di negara ini?

Yang kedua, adakah *Sunday Times (London)* mempunyai "fifth column" ataupun "talibarut" mereka di negara ini?

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu mengenai "fifth column" tetapi nyata sebahagian daripada bahan yang diperolehi ialah dari temuramah dengan beberapa pemimpin Pembangkang termasuk dari DAP dan juga bekas Menteri yang kecewa, pemimpin S. 46. (*Tepuk*)

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini bukan oleh kerana keluaran rencana *Sunday Times (London)* tetapi keluaran mass media UK beberapa bulan lalu dan ini tentu Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tahu. Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberitahu, oleh kerana soalnya adalah kenapa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri enggan mengambil tindakan undang-undang, bukanlah kerana Kerajaan ada kepercayaan atau tidak atas integriti Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Itulah satu soalan personel.

Oleh kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bukan tidak pernah mengambil tindakan undang-undang terhadap akhbar; semacam *Far Eastern Economic Review* mengenai laporan bahawa mahu menyerahkan Wilayah Limbang kepada Brunei. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengambil tindakan undang-undang dan berjaya dapat compensation—tidak tahu berapalah—out of court.

Kenapa dalam kes ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak rela untuk mengambil tindakan undang-undang, sungguhpun Kabinet menaruhkan 100% kepercayaan ke atas integriti Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Masalahnya ialah untuk membersihkan nama bukan sahaja namanya sendiri tetapi nama negara ini, oleh kerana Yang Amat

Berhormat Perdana Menteri pemimpin Malaysia, adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada apa benda-benda yang takut untuk membawa kes ini ke mahkamah?

Adakah ini oleh kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri takut mahkamah UK, bukan mahkamah Malaysia? Dan bolehkah kita mendapat satu jawapan yang jelas, bukan daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri oleh kerana ini bukanlah hal Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tetapi hal secara langsung Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Yang kedua, bolehkah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri memberitahu bahawa sungguhpun ada tuduhan-tuduhan yang tidak berasas dalam akhbar di UK, bukan sahaja dalam *Sunday Times (London)* tetapi yang lain, tetapi kita tidak boleh menolak segala tuduhan-tuduhan yang boleh menimbulkan soalan mengenai integriti, mengenai propriety pemimpin-pemimpin Kerajaan Malaysia. Dan perlulah satu siasatan semacam di mana ada menyebut nama, seperti *Sunday Times (London)* menyebut bahawa anak lelaki sulung Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Mirzan Mahathir adalah di antara beneficiaries daripada MOU senjata api. Itulah perlu satu penjelasan, satu accounting supaya prinsip accountability yang disuarakan oleh Kerajaan Barisan Nasional diikuti. (*Tepuk*)

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, pertama saya ingin jelaskan, ini bukan soal Perdana Menteri atau Timbalan Perdana Menteri. Ini soal Kerajaan, soal negaradan soal rakyat. Sebab itu timbul jawapan kepada soal yang dibangkitkan, mengapa Kerajaan keseluruhannya harus mengambil sikap yang bertanggungjawab, kerana kita menaruh keyakinan dan kepercayaan kepada pimpinan negara kita.

Soal yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong ialah apakah wajar kita "respond" dengan membawa semua

kes yang dibuat tuduhan oleh akhbar dan media asing ke Mahkamah British.

Saya ingin jelaskan tidak ada rakyat Malaysia yang siuman, yang berfikiran waras, yang boleh menerima tuduhan liar yang dilemparkan. Syarikat yang memberi US\$50,000 dalam satu projek yang tidak pernah berbangkit dan dikemukakan di Malaysia. Sebab itu Kerajaan memikirkan tidak munasabah untuk perkara ini dirujuk ke Mahkamah British. Kalau dibandingkan dengan kes *Far Eastern Economic Review*, yang kita rujuk ialah ke mahkamah di Malaysia. Sekiranya perkara ini dibangkitkan ke mahkamah British, saya telah sebutkan tadi, yang akan berbangkit ialah "trial by media"; perkara ini berpanjangan dan ia tidak akan menjamin keadilan yang kita harapkan daripada kes tersebut.

Ahli-ahli Yang Berhormat tahu bahawa soal yang dibangkitkan mengenai satu tuduhan yang tidak berasas. Mengapa Ahli Yang Berhormat dari Tanjong tidak boleh menerima kenyataan bahawa "deal" yang dimaksudkan oleh Whimpey itu tidak pernah timbul sama sekali. Kalau ada asas, saya percaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan rujuk perkara ini kepada mahkamah. Tetapi semata-mata melayan satu kenyataan melulu, saya fikir tidak munasabah sama sekali.

Soal hendak mempertahankan integriti seorang Perdana Menteri semata-mata kerana terpaksa membawa kes ini ke mahkamah, saya fikir integriti ini hanya dipersoalkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, tidak oleh Kerajaan dan tidak oleh rakyat di negara ini. (*Tepuk*)

Mengenai tuduhan atau "deal" yang dibangkitkan, saya kebetulan juga seperti Ahli Yang Berhormat dari Tanjong mungkin mengikuti sebahagian. saya cuba mengikuti hampir keseluruhan laporan dari akhbar-akhbar dan media Inggeris bersabit dengan kes itu. Saya sebut akhbar *Sunday Times*, kerana *Sunday Times*, paling ketara dalam laporan mereka. Dia menyentuh beberapa

isu termasuk Whimpey, termasuk Antah-Water, Pergau—semua ini, dengan izin, "series of innuendos". Tidak ada satu tuduhan yang spesifik. Saya jawab kalau tuduhan itu spesifik, umpamanya "bahawa saya dengan arahan Perdana Menteri telah memberikan saham kepada ipar beliau, Tun Ismail Ali". Saham itu diberikan kepada PNB—apakah perlu PNB membawa kes ini ke mahkamah. Saya jawab—tidak perlu. Kerana rakyat Malaysia tidak pertikaikan sama sekali kerana Tun Ismail atas nama peribadi tidak mendapat satu saham pun—yang diberikan ialah PNB. Dan PNB itu kepunyaan 3 jutabumiputera. Memang Ahli Yang Berhormat dari Tanjong tidak senang hati kalau 3 juta bumiputera dapat faedah.

Dan begitu juga dalam soal MOU. Dalam soal MOU, yang dibangkitkan tidak ada hubungan sama sekali dengan mana-mana kepentingan peribadi termasuk anak-anak Perdana Menteri. Soal tuduhan yang dibangkitkan itu, boleh dan ada asas sekiranya dibawa bukti.

Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak, akan berlaku tidak kurang daripada 30 atau 40 kes saman Malaysia kepada akhbar di Britain, jadi Menteri-menteri Malaysia semua kena mengambil cuti duduk di London, mengambil kes mahkamah di Britain sahaja. Sebab itulah saya tidak akan menerima nasihat—nasibbaiklah kita tidak dapat menerima nasihat Ahli Yang Berhormat dari Tanjong ini kerana tidak wajar untuk kita layan tuduhan-tuduhan yang tidak berasas.

Sekali lagi saya mengulangi, mana-mana tuduhan yang berasas, mesti diambil kira sama ada tuduhan itu di Malaysia atau oleh akhbar di luar negara. Kita tidak menolak hak mana-mana akhbar dalam dan luar negeri untuk memberikan teguran dan kritikan yang membina. Tetapi kalau teguran dan kritikan itu sebagai satu cara untuk menyerang peribadi tokoh-tokoh yang tidak disenangi oleh mereka atau "cemburu" kerana kejayaan Malaysia dan kejayaan negara kita, kita tidak wajar memberi layanan sebegitu rupa dan tindakan

yang kita ambil membatalkan kontrak dan tidak melayani kontrak-kontrak dari syarikat-syarikat industri British, saya kira cukup mencukupi.

### **PENGLIBATAN AGEN PERISIKAN SULIT AUSTRALIA (ASIS)— SIASATAN**

**3. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah langkah susulan yang telah diambil oleh pihak Kerajaan terhadap dakwaan yang telah dibuat dalam akhbar Sunday Telegraph Australia bertarikh 16 Januari, 1994 bahawa Agen Perisikan Sulit Australia (ASIS) membayar berpuluh ribu dolar kepada pemimpin parti pembangkang di Malaysia dan Singapura tanpa kebenaran Canberra.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting):** Tuan Yang di-Pertua, Polis Diraja Malaysia (PDRM) masih meneruskan siasatan berhubung dengan isu ini. Pihak PDRM telah menghubungi Interpol untuk mendapatkan kerjasama bagi membantu penyiasatan ini.

**Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan isu yang sama, gabungan parti-parti Pembangkang telah membentuk satu jawatankuasa untuk menyiasat kebenaran fakta ini.

Dan saya difahamkan Ahli Yang Berhormat Ketua Pembangkang telah menghantar satu jemputan rasmi kepada parti Kerajaan untuk membersihkan maruah Ahli-ahli Parlimen.

Soalan saya, mengapa pihak Kerajaan tidak mahu bekerjasama dengan kita untuk menghantar ahli mereka bagi membersihkan semua Ahli-ahli Parlimen daripada tuduhan yang cukup tidak berasas.

Dan yang kedua, adakah kegagalan pihak Kerajaan menghantar wakil dalam jawatankuasa ini menunjukkan sebenarnya bukan Ahli Pembangkang yang ber-

subahat, tetapi mereka yang berada dalam Kerajaan sebenarnya yang menjadi talibarut kepada mereka dalam hal ini.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, perkara ini telah pun dirujuk kepada pihak Polis Diraja Malaysia dan siasatan masih dijalankan. Jadi, tidak perlulah bagi Kerajaan untuk mengadakan apa-apa jawatankuasa, pada hal ini cuma adalah satu laporan akhbar di Australia.

Tetapi yang saya amat hairan ialah mengapa reaksi begitu berat dan kuat dari pihak Pembangkang pada mulanya kalau sekiranya laporan itu tidak berasas sehinggakan mereka hendak tubuhkan satu jawatankuasa dan hendak jemput Kerajaan, ini adalah satu precedent yang tidak pernah berlaku. Itulah yang menjadi sesuatu yang sangat menghairankan kita. Pembangkang dan juga pihak parti pemerintah keduanya telah pun dilaporkan oleh dua akhbar yang berlainan. Ini perlukan siasatan selanjutnya oleh pihak Polis. Oleh kerana siasatan ini belum tamat, maka saya rasa soalan-soalan yang timbul itu tidak perlulah kita adakan tindakan Kementerian.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Setiausaha Parlimen kalaulah jawatankuasa yang ditubuhkan oleh pihak Pembangkang membuat penyelidikan, bagaimana pendapat Yang Berhormat sama ada mereka mempunyai expertist ataupun kebolehan untuk membuat penyelidikan yang sepatutnya diselidik, oleh kerana soal penyelidikan adalah satu perkara yang boleh dibuat oleh pihak-pihak profesional, terlatih dan mampu menjalankannya. Itu soalan pertama.

Yang kedua, setakat ini sudah hampir sebulan setengah IGP mengatakan yang penyelidikan akan dibuat. Bagaimanakah sambutan daripada pihak Kerajaan Australia ataupun *Australia Sunday Telegraph* dan ASIS dalam usaha penyelidikan Malaysia, sama ada mereka buat kerjasama ataupun tidak.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, tentulah jelas bahawa jawatankuasa yang ditubuhkan oleh pihak Pembangkang itu tidak mempunyai sebarang expertist. Expertist untuk menyasiat itu sebenarnya berada pada Polis negara kita. Itu pun Polis negara kita tidak boleh sewenang-wenangnya pergi ke negara orang lain, kecuali dengan kebenaran dan dengan kerjasama INTERPOL. Jadi, dengan INTERPOL maka cara itu paling sesuai pada masa ini. Setakat ini oleh kerana pihak Kerajaan Australia telah mengumumkan bahawa mereka sudah membentuk satu judicial inquiry dan pihak Polis masih menunggu apa-apa hasilnya dan juga kebenaran daripada INTERPOL dan Kerajaan di sana untuk menemuduga wartawan yang berkenaan. Setakat ini kita masih menunggu kerjasama yang diharapkan.

#### **SYARIKAT AWAM DI SENARAI BSKL—JUMLAH EKUITI BUMIPUTERA**

**4. Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah syarikat-syarikat awam yang telah disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur sehingga 28hb. Februari, 1994; dan
- (b) daripada jumlah tersebut nyatakan:
  - (i) jumlah syarikat-syarikat yang ekuitinya dimiliki oleh bumiputera 100%;
  - (ii) jumlah syarikat-syarikat yang ekuitinya dimiliki oleh bumiputera melebihi 70%;
  - (iii) jumlah syarikat-syarikat yang ekuitinya dimiliki oleh bumiputera melebihi 50%;
  - (iv) jumlah syarikat-syarikat yang ekuiti bumiputera melebihi 30%; dan
  - (v) jumlah syarikat-syarikat yang ekuiti bumiputera kurang daripada 30%.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Mustapa bin Mohamed):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) bilangan syarikat awam yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur pada hari ini adalah sebanyak 424 buah, iaitu 333 di papan utama dan 91 di papan kedua.
- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perangkaan terkini mengenai peratusan ekuiti bumiputeradalam syarikat-syarikat yang disenaraikan tidak dapat diperolehi memandangkan statistik bagi tahun 1993 masih di peringkat pengumpulan data. Mengikut laporan pihak BSKL syarikat-syarikat diberikan tempoh 4 bulan selepas akhir tahun sebelum mereka dikehendaki mengemukakan perangkaan untuk tahun berkenaan. Walau bagaimanapun, pada 31hb. Disember, 1992 kedudukan syarikat mengikut peratusan ekuiti bumiputera adalah seperti berikut. Tiada syarikat yang dimiliki 100% oleh bumiputera. Syarikat 70% dimiliki oleh bumiputera—35 buah. Antara 50% hingga 69%—43 buah dimiliki oleh bumiputera, antara 30% hingga 49%—82 buah, dan kurang daripada 30% dimiliki oleh bumiputera ialah 204 buah.

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya pada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, dalam senarai syarikat yang disenaraikan dalam Bursa Saham Kuala Lumpur ini adakah bagi BSKL sebelum sesebuah syarikat memohon disenaraikan di BSKL, syarikat itu seharusnya mempunyai sedikit-sebanyak partisipasi dari bumiputera. Dan jika ada, apakah peratusannya dalam syarikat itu?

Yang kedua, buat masa ini terdapat berapa buahkah lagi syarikat yang telah memasuki permohonan untuk disenaraikan dalam BSKL sama ada di papan satu atau papan kedua? Adakah Kerajaan mempunyai satu dasar yang mana pada setiap tahun tidak melebihi beberapa syarikat dapat diberi layanan dalam permohonan ini?

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut peraturan yang ditetapkan oleh BSKL, oleh Suruhanjaya Sekuriti, sebuah syarikat sebelum diluluskan permohonan untuk disenaraikan di BSKL hendaklah sekurang-kurangnya mempunyai 30% ekuiti bumiputera, iaitu syarat yang ditetapkan kepada semua syarikat. Bermakna sekiranya sebuah syarikat itu tidak dapat memenuhi syarat tersebut, permohonan tidak akan diluluskan.

Yang kedua, berkaitan dengan bilangan syarikat yang telah pun mengemukakan permohonan dalam pertimbangan, ini merupakan satu, dengan izin, on-going process. Saya tidak ada angka tepat pada masa ini, tetapi boleh saya rujuk secara bertulis kepada Yang Berhormat dan Alor Setar.

Yang akhirnya, sama ada ada dasar untuk menetapkan bilangan maksimum bilangan syarikat yang boleh disenaraikan dalam satu tahun, pihak Suruhanjaya Sekuriti dan juga BSKL tidak ada dasar sedemikian.

#### **AHLI SUKAN WANITA DAN JURULATIH LELAKI—KEJADIAN MENCABUL KEHORMATAN**

**5. Datin Paduka Hajah Rakibah binti Abdul Manap** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah jaminan yang beliau dapat beri supaya perkara-perkara curang di kalangan para ahli sukan wanita dengan jurulatih lelaki mereka seperti mencabul kehormatan dapat dielakkan. Apakah perancangan beliau bagi mengadakan lebih ramai jurulatih wanita untuk ahli sukan wanita. Adakah syarahan

agama akan juga diadakan di samping latihan sukan supaya mereka yang terlibat di dalam latihan sukan akan sentiasa mengingat Allah dan tidak berlaku curang.

**Menteri Belia dan Sukan (Datuk Abdul Ghani bin Othman):** Tuan Yang di-Pertua, untuk menggerakkan sukan di negara ini, ianya memerlukan beberapa pihak yang seharusnya saling berkongsi di antara satu sama lain dan menjadi teras kepada pembangunan sukan pada keseluruhannya. Satu ialah pimpinan daripada pihak Kerajaan; kedua, semangat suadaya, iaitu kesukarelaan yang tulen dari pimpinan kesatuan sukan; ketiga, dokongan tanggungjawab sosial daripada swasta, keempat, pembinaan minat dan sokongan orang ramai; kelima, penanaman komitmen para atlet.

Kementerian Belia dan Sukan secara bersendirinya tidak dapat menjamin mana-mana perbuatan salah laku yang melibatkan mana-mana atlet ataupun siapa jua termasuk atlet wanita. Walau bagaimanapun, Kementerian Belia dan Sukan hanya boleh memberi jaminan bersama dengan pihak-pihak lain yang terlibat dalam sukan supaya nama baik masyarakat sukan terpelihara, tidak ada penyelewengan dan kecurangan dalam apa jua bentuk. Ianya boleh direalisasikan melalui perkara-perkara berikut:

Satu, semua pihak memegang teguh kepada nilai-nilai yang murni dan tulen yang di antaranya ialah perpaduan, keyakinan diri, sikap saling menghormati, moral dan etika yang luhur, fahaman tolak-ansur, peningkatan ilmu, kepakaran, budaya penyayang, amalan keadilan dan saksama dan daya-saing serta daya tahan yang tinggi.

Kedua, bahawa persatuan seharusnya mempunyai mekanismenya sendiri untuk memastikan perjalanan persatuan sentiasa terpilihah dan self-regulatory, dengan izin.

Ketiga, peminat sukan dan masyarakat umum berfungsi sebagai pengawal sosial ataupun, dengan izin, social control yang boleh membanteras amalan yang negatif di kalangan pimpinan dan pentadbir sukan.

Bahagian kedua, untuk makluman Yang Berhormat, 49.56% daripada jumlah penduduk negara kita adalah terdiri daripada kaum wanita. Kementerian sedar bahawa dari segi sumber tenaga manusia dari kaum wanita dalam berbagai bidang, termasuk sukan adalah penting. Kementerian juga sedar bahawa nama baik negara dapat diciptamelalui pencapaian merekadi arena sukan antarabangsa. Oleh yang demikian, Kementerian Belia dan Sukan akan mengambil langkah dalam jangka masa yang munasabah untuk melahirkan tenaga penggerak sukan dari kalangan wanita yang terlatih, berkemahiran teknikal, berkemampuan yang boleh ditonjolkan dalam semua aspek sukan seperti kepimpinan sukan, jurulatih, pegawai teknik dan ahli sains sukan.

Bagi menjawab soalan ketiga, ingin saya maklumkan kepada Yang Berhormat bahawa setiap atlet seharusnya memiliki dua kekuatan di dalam dirinya yang menjadi tunggak bagi menjamin kesempurnaan sebagai seorang individu dan rakyat Malaysia yang berwibawa, iaitu selain dari memiliki kemahiran teknikal, kekuatan jasmani dan kepakaran sukan, seseorang atlet itu mesti juga memiliki akhlak, iman dan budi pekerti yang tinggi di samping taat kepada ajaran agama. Kedua-dua kekuatan dalaman ini adalah merupakan pra-syarat kepada generasi muda Malaysia termasuklah ahli sukan. Bagi memenuhi keperluan ini, Kementerian Belia dan Sukan melalui Majlis Sukan Negara telah memuatkan acara-acara keagamaan dalam mana-mana program latihan untuk menghadapi kejohanan sukan yang bertaraf antarabangsa termasuklah juga kepada atlet-atlet muda melalui program Bakat dan Tunas Cemerlang.

**Tuan Haji Ishak bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pendedahan yang berlaku terhadap atlet kita baru-baru ini dipercayai adalah merupakan satu perkara yang sudah lama berlaku tetapi hanya baru-baru ini sahaja telah didedahkan. Kita percaya ini mungkin

menjadi satu faktor terhadap prestasi yang kurang memuaskan di kalangan atlet kita dan lebih membimbangkan lagi kalau sekiranya masalah ini sedang berlaku kepada pertubuhan-pertubuhan sukan yang lain.

Soalan saya ialah, apakah pihak Kementerian tidak bercadang untuk menubuhkan sebuah jawatankuasa atau sebuah badan yang akan menyiasat atau menerima laporan berhubung dengan perjalanan prestasi badan-badan sukan, terutama sekali dalam saat kita menghadapi Sukan Komanwel yang akan datang?

Soalan kedua, ada ahli-ahli sukan kita yang merasa bimbang untuk mendedahkan penyelewengan yang berlaku dalam badan sukan kerana tidak ada perlindungan terhadap individu ahli-ahli sukan itu sendiri. Apakah satu jaminan boleh diberi oleh pihak Kementerian demi kecemerlangan sukan negara untuk memberi perlindungan kepada ahli-ahli sukan yang berani mendedahkan sebarang penyelewengan yang berlaku dalam badan sukan negara?

**Datuk Abdul Ghani Othman:** Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada cadangan Yang Berhormat dari Kangar mengenai penubuhan jawatankuasa. Ingin saya memaklumkan di sini bahawa untuk bidang olahraga telah pun diwujudkan satu jawatankuasa penyiasat untuk melihat kedudukan yang sebenarnya mengenai pimpinan dan juga kawalselia yang sepatutnya dilaksanakan oleh pihak yang bertanggungjawab secara langsung dalam bidang olahraga.

Tuan Yang di-Pertua, dalam term of reference, dengan izin, untuk jawatankuasa yang telah ditubuhkan, adalah agak mencukupi bidang yang begitu luas dan sebegitu rupa supaya dapat menyorot perkara-perkara yang berlaku pada masa-masa yang lalu hinggalah kepada perkembangan yang terakhir.

Tuan Yang di-Pertua, masyarakat sukan di semua peringkat, sama ada di peringkat pimpinan, keahlian dan juga ahli-ahli sukan,

adalah di bawah naungan persatuan-persatuan yang merupakan persatuan bukan Kerajaan. Di antara ciri amalan yang ada dalam persatuan itu ialah kesukarelaan. Oleh itu, satu cara untuk membetulkan keadaan yang sebegitu rupa supaya dapat diwujudkan kekuatan pimpinan di semua peringkat, sama ada di peringkat induk, peringkat negeri, peringkat daerah ataupun di peringkat mukim. Dengan adanya kekuatan pimpinan yang mahir dan faham, yang ada komitmen dan mempunyai kesukarelaan yang tulen, maka saya percaya kekuatan dalaman dapat diwujudkan untuk membetulkan mana-mana kelemahan dan kecurangan pimpinan di semua peringkat. Pihak Kementerian Belia dan Sukan akan membuat langkah-langkah supaya dapat memperkukuhkan kepimpinan, penyertaan dan kemeriahan sukan di semua peringkat.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai soal khuatir, gentar ataupun takut, Malaysia adalah sebuah negara yang terpelihara dari segi keselamatan untuk semua pihak, maka marilah kita bersama-sama tampil ke hadapan untuk menegakkan kebenaran.

Tuan Yang di-Pertua, saya menganjurkan kepada mana-mana pihak yang mempunyai maklumat, supaya berani ke hadapan untuk memberi bukti-bukti dan saya percaya bahawa negara kita mempunyai segala kekuatan untuk memelihara kebajikan dan keselamatan sesiapa jua.

**Datin Ling Chooi Sieng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin merujuk kepada suatu perkara yang spesifik dan ingin bertanya kepada Yang Berhormat, sama ada siasatan telah dibuat mengenai satu kes di mana seorang atlet perempuan telah melaporkan kepada Polis berhubung dengan sexual harrasment oleh seorang coach dan apakah hasil daripada siasatan itu?

**Datuk Abdul Ghani bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, di antara persoalan yang begitu popular ialah berkaitan dengan

soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Lumut. Saya sekadar mencadangkan kepada Tuan Yang di-Pertua supaya saya menjawab perkara itu daripada soalan yang tepat pada masa-masa yang akan datang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, selain daripada itu, saya rasa perkara ini masih dalam kes mahkamah, tetapi saya tidak pasti. Jikalau sekiranya masih dalam kes mahkamah, kita tidak boleh membawanya keluar pada masa sekarang ini.

**Tuan Abdul Wahab bin Suhaili:** Tuan Yang di-Pertua, ada sedikit pembedaan kepada soalan nombor 6, perenggan (b), *baris* kedua iaitu "daripada firma-firma dari Semenanjung" dan juga soalan nombor 53 hari ini adalah merupakan sambungan daripada soalan nombor 6, kalau mengikut deraf asal soalan saya. Tuan Yang di-Pertua, soalan nombor 6.

## PROJEK HIDRO ELEKTRIK BAKUN—PELAKSANAAN

**6. Tuan Abdul Wahab bin Suhaili** minta Menteri Kewangan menyatakan:

(a) sejauh manakah peranan yang dimainkan oleh:

- (i) Ekran Berhad;
- (ii) Economic Planning Unit (EPU);
- (iii) Kementerian Kewangan;
- (iv) Perbadanan Pembekalan Letrik Sarawak.

dalam pelaksanaan dan penyelenggaraan Hidro Bakun di Sarawak.

(b) adakah benar bahawa projek ini akan menguntungkan bukan sahaja firma-firma profesional tempatan selain daripada firma-firma dari

Semenanjung dan luar negara malah rakyat Sarawak akan mendapat bayaran tarif bagi bekalan elektrik yang lebih rendah.

- (c) (i) di antara cadangan-cadangan dan minat yang ditunjukkan oleh Brazil, Germany dan China, adakah Kerajaan telah mengkaji dengan teliti tentang "faktor keselamatan" dalam rekabentuk-rekabentuk yang dicadangkan itu dan adakah Kerajaan akan mengkaji cadangan bagi rekabentuk Empangan Hidro Bakun dari negara-negara lain seperti Kanada; dan
- (ii) adakah Ekran Berhad atau Kerajaan yang akan bertanggungjawab mengenai segalarisikoyang akan dihadapi dalam pembinaan Empangan Hidro Bakun ini.

**25. Tuan Wong Sing Nang** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) mengapakah tiada "tender terbuka" untuk projek yang dicadangkan untuk membina Empangan Bakun di Sibui;
- (b) mengapakah projek ini diberikan kepada Ekran Berhad tanpa "tender terbuka"; dan
- (c) siapakah pemegang saham pengarah Ekran Berhad.

**42. Tuan Robert Lau Hoi Chew** minta Menteri Kewangan menyatakan fakta-fakta berikut dengan Projek Hidro Elektrik Bakun yang dicadangkan:

- (a) apakah langkah-langkah tertentu yang akan diambil untuk memastikan keselamatan Projek Hidro Elektrik Bakun yang dicadangkan oleh kerana penduduk-penduduk

yang tinggal di sepanjang Rejang Basin amat menitikberatkan terhadap keselamatan Projek ini tambahan lagi parti Pembangkang telah melancarkan kempen Anti Ampangan Bakun dan menanamkan rasa takut di dalam fikiran penduduk tersebut;

- (b) adakah Kerajaan akan memberitahu dan menjelaskan kepada penduduk tentang berbagai kajian kemungkinan "feasibility" bagi semua perkara berkenaan dengan Projek Hidro Elektrik Bakun, seperti taksiran terhadap kesan alam sekitar, penempatan semula penduduk daripada kawasan-kawasan yang terlibat pertukaran paras air di sepanjang Sungai Rajang semasa tempoh pembinaan dan selepas Ampangan Bakun mula digunakan serta kesan imbalan ekologi; dan
- (c) adakah terdapat pakej pelan induk pembangunan ekonomi bagi Rejang Basin sebagai separuh dan sebahagian daripada Projek Ampangan Bakun dan jika ya, bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menghuraikan dengan lebih lanjut lagi pelan induk yang dicadangkan tersebut kerana penduduk yang menetap di sepanjang Rejang Basin berasa bahawa Projek Ampangan Bakun haruslah pertama sekali lebih berfaedah kepada mereka selain daripada membekalkan elektrik kepada bahagian lain negara kita.

**53. Tuan Wahab bin Suhaili** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah tindakan dan persediaan yang sudah dan akan diambil oleh Kerajaan dalam penempatan semula kaum-kaum yang terbahit secara langsung oleh pembinaan Empangan Hidro Bakun.

**57. Tuan Harrison Ngau Laing** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) berapa lamakah jangkamasa projek (*estimated lifespan*) Hidro Bakun yang dirancangkan di Sungai Rejang, Sarawak;

- (b) apakah yang menyebabkan pihak Kerajaan mengambil keputusan untuk menswastakan Hidro Projek ini kepada Ekran Sdn. Bhd. Selepas projek ini siap dilaksanakan, adakah Ekran Sdn. Bhd. akan terus menjadi pemiliknya atau hanya sebagai pengurus sahaja. Jika hanya sebagai pengurus, berapa lamakah jangka masa yang telah ditetapkan oleh Kerajaan kepada Ekran Sdn. Bhd. untuk mengurus projek ini; dan
- (c) berapakah harga yang akan dikenakan bagi seunit elektrik yang dikeluarkan dari hidro projek Bakun untuk kegunaan domestik dan komersil di kawasan Semenanjung Malaysia.

13-4-94

**52. Tuan Wong Sing Nang** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan bersedia untuk mengumumkan 17 laporan mengenai pembinaan Empangan Bakun secara terbuka kepada orang ramai; dan
- (b) sama ada Kerajaan bersedia untuk mengumumkan laporan penyesuaian Empangan Bakun yang dibuat oleh "Sama Consortium".

**62. Tuan Harrison Ngau Laing** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) samaadakahjiankeatas Alam Sekitar (EIA) terhadap Bakun Hidro Projek di Sungai Rejang, Sarawak sudah siap dijalankan. Jika tidak, bila kajian tersebut dijangka siap dan sama ada kajian itu perlu dikemukakan kepada orang awam dan juga kelulusan oleh Jabatan Alam Sekitar sebelum projek tersebut mula dilaksanakan;
- (b) apakah nama firma Juruperunding yang dilantik oleh Ekran Sdn. Bhd. untuk menjalankan kajian Kesan ke atas Alam Sekitar (EIA) terhadap

projek tersebut. Adakah firma Juruperunding berkenaan telah didaftar dengan Jabatan Alam Sekitar, jika ya, bila ia didaftarkan; dan

- (c) adakah benar projek ini telah dibatalkan oleh Kerajaan pada beberapa tahun yang lepas atas sebab kesan negatifnya terhadap alam Sekitar. Adakah perkara perlindungan dan kesan negatif terhadap alam sekeliling masih diberi perhatian yang serius sebelum Kerajaan menghidupkan semula rancangan melaksanakan projek ini.

14-4-94

**11. Tuan Wong Sing Nang** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan akan mempertimbangkan semula cadangan pembinaan Empangan Bakun dan digantikan dengan 3 empangan yang kecil iaitu Empangan Murum, Empangan Balieh dan Empangan Pelagus yang dapat menghasilkan 900 Megawatt, 990 Megawatt dan 750 Megawatt masing-masing; dan
- (c) sama ada Kerajaan ingin mempelawa pakar-pakar empangan dari luar negara dalam projek ini.

**19. Tuan Haji Wan Omar bin Wan Majid** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan apakah benar Ekran Bhd. yang mendapat kontrak membina Projek Hidro Elektrik Bakun bukanlah sebuah syarikat milik Bumiputera. Apakah syarikat ini juga tidak mempunyai sebarang pengalaman dalam sebarang pembinaan projek hidro elektrik sebelum ini. Jika benar, kenapakah Kerajaan tidak menganugerahkan kontrak tersebut kepada mana-mana syarikat bumiputera seperti PNB, Lembaga Urusan Tabung Haji ataupun Lembaga Tabung Angkatan Tentera.

18-4-94

**11. Tuan Haji Wan Omar bin Wan Majid** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan untuk mengurangkan kesan kemusnahan alam sekitar bagi Projek Hidro Elektrik Bakun. Sekiranya banyak pohon-pohon kayu ditebang bagi tujuan projek tersebut, syarikat manakah yang diberikan konsesi untuk menebang pohon-pohon tersebut. Apakah syarikat ini milik bumiputera.

**15. Dr. Kua Kia Soong** minta Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) sama ada kajian kebolehan laksanakan dan EIA atas projek Empangan Bakun yang bam telah disediakan dan bilakah ia akan diumumkan kepada orang awam;
- (b) faedah limpahan yang dapat dinikmati oleh rakyat Sarawak melalui projek Bakun ini; dan
- (c) kos anggaran projek ini.

**57. Tuan Harrison Ngau Laing** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) apakah ada negara-negarajiran yang telah bersetuju untuk mengimport elektrik dari projek tersebut. Berapakah jumlah megawatt elektrik yang telah dipersetujui untuk dieksport kepada setiap negarajiran berkenaan. Berapakah harga seunit elektrik yang akan dieksport kepada setiap negara tersebut dan berapakah harga seunit elektrik (bagi kegunaan domestik dan komersial) di negara-negara berkenaan sekarang;
- (b) apakah jenis perindustrian utama yang dikenalpasti untuk mendapatkan bekalan elektrik dari Bakun Hidro projek. Adakah ini termasuk industri melebur

aluminium seperti yang dicadangkan di Bintulu, Sarawak (*Aluminium Smelting Plant*). Berapakah jumlah megawatt yang akan dibekalkan kepada kilang melebur aluminium tersebut; dan

- (c) berapakah jumlah megawatt elektrik yang akan dibekalkan kepada wilayah Semenanjung Malaysia dari Bakun Hidro Projek. Berapakah jumlah megawatt elektrik dijangka hilang melalui transmisen "under-sea cables" dari Sarawak ke Semenanjung Malaysia.

19-4-94

**6. Tuan Wong Sing Nang** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) sama ada Kementeriannya telah menerima laporan Penilaian terhadap Alam Sekitar (EIA) tentang projek Empangan Bakun; dan
- (b) apakah tindakan yang akan diambil terhadap Syarikat projek tersebut sekiranya tiada laporan EIA dihantar sebelum pembinaan.

25-4-94

**29. Tuan Shahidan bin Kassim** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah sebab-sebab utama yang menyebabkan Kementerian bercadang untuk membina semula projek Bakun yang pernah ditolak pada tahun 1990 kerana memelihara alam sekitar. Apakah Projek Bakun kali ini tidak mengganggu alam sekitar.

**62. Tuan Harrison Ngau Laing** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) berapakah jumlah kajian yang telah siap, sedang dan yang masih perlu dijalankan oleh firma-firma juru perunding dan agensi-agensi, berkenaan dengan projek Hidro Bakun di Sungai Rejang, Sarawak.

- (b) apakah aspek dan hasil dan semua kajian yang telah siap dijalankan setakat ini; dan
- (c) berapakah jumlah "rate of return" dari segi wang tunai yang dijangka diperolehi oleh Ekran Sdn. Bhd. pada tiap-tiap tahun daripada projek hidro ini. Berapa peratuskah yang akan balik kepada Sarawak.

3-5-94

**54. Tuan Harrison Ngau Laing** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan telah bersetuju bahawa kos untuk menempatkan semula penduduk-penduduk tempatan di kawasan Ulu Rejang yang mesti dipindahkan ke tempat lain ialah seperti yang telah ditetapkan oleh Pengerusi Ekran Sdn. Bhd. iaitu RM100 juta. Adakah angka ini termasuk semua yang perlu dibayar dan telah dipersetujui dengan penduduk tempatan yang terlibat;
- (b) adakah pampasan yang perlu dibayar kepada penduduk tempatan akan semuanya dibayar oleh pihak Ekran Sdn. Bhd. dan adakah semua pampasan ini akan dibayar terus kepada setiap mereka sebelum projek ini dilaksanakan; apakah bentuk pampasan yang akan dibayar kepada penduduk yang terlibat (adakah ia termasuk wang tunai, tempat kediaman percuma dan sebagainya); dan
- (c) berapakah jumlah (in acres) tanah yang akan diberi kepada setiap keluarga yang terlibat di tempat mereka akan dipindahkan.

**Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Seri S. Samy Vellu):** Tuan Yang di-Pertua, banyak soalan telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berhubung dengan pelaksanaan projek Hidro Elektrik

Bakundi Persidangan Dewan kali ini. Bagi pihak Kerajaan saya ingin menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan No. 53 yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat yang sama pada hari ini. Di samping itu saya ingin menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Baram pada 12hb. April, 13hb. April, 18hb. April, 25hb. April dan 3hb. Mei. Soalan Yang Berhormat dari Sibu pada 12hb. April. Soalan Yang Berhormat dari Lanang pada 12hb. April, 13hb. April, 14hb. April dan 19hb. April. Juga soalan Yang Berhormat dari Pasir Puteh pada 14hb. April dan 18hb. April. Soalan Yang Berhormat Petaling Jaya pada 18hb. April dan soalan Yang Berhormat dari Arau pada 25hb. April, 1994.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjawab soalan-soalan ini mengikut isu-isu seperti susunan berikut:

- (i) butir-butir projek;
- (ii) faedah projek;
- (iii) impak alam sekitar;
- (iv) penempatan semula penduduk-penduduk dan pampasan;
- (v) tawaran dan penswastaan;
- (vi) peranan Kerajaan dalam pelaksanaan projek ini.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan isu ini Kerajaan telah melaksanakan beberapa kajian untuk menentukan potensi projek-projek hidro elektrik di Lembah Sungai Rejang, Sarawak seperti Bakun, Pelagus dan Murum. Pada masa ini Kerajaan telah memutuskan untuk melaksanakan Projek Hidro Elektrik Bakun lebih dahulu yang didapati berdaya maju tinggi. Menyusul daripada itu sebanyak 11 kajian utama telah dijalankan terhadap

projek Bakun termasuk kajian oleh Sama Consortium dan tidak kurang daripada 8 kajian sosio-ekonomi. Hasil kajian menunjukkan projek Bakun itu adalah viable, dengan izin.

Projek Hidro Bakun mula diberi pertimbangan pada pertengahan tahun 80-an. Oleh kerana negara mengalami kemelesetan ekonomi pada ketika itu, maka Projek Bakun ditangguhkan dan dihidupkan semula pada tahun 1993 dan 1994. ini adalah kerana semua kajian yang dijalankan menentukan bahawa Projek Bakun adalah berdaya maju dari segi ekonomi dan teknikal. Projek ini telah dikaji semula dengan mengambil perhatian keadaan ekonomi, pasaran tenaga dan pertumbuhan kuasa elektrik dan didapati bahawa Projek Bakun merupakan pilihan kos terendah di dalam Rancangan Pembangunan Sektor Kuasa Elektrik di Malaysia selepas tahun 2000.

Projek Bakun ini berkeupayaan menjana elektrik sebanyak 2,400 megawatt. Semua tenaga yang dijanakan dalam negara ini dan akan dieksport ke luar negeri jika berlebihan. Jumlah maksimum yang boleh dibekalkan di Semenanjung Malaysia melalui kabel dasar laut adalah sebanyak 1,200 megawatt dengan kehilangan penghantaran (*transmission loss, dengan izin*) dalam lingkungan 10%.

Mengenai keselamatan Projek Bakun, Kerajaan akan memastikan bahawa projek ini akan menepati langkah-langkah dan garis panduan keselamatan yang lazim diamalkan oleh negara-negara lain dalam pembinaan projek hidro yang besar. Ini termasuk pemilihan reka bentuk Empangan Bakun yang terselamat. Memandangkan projek ini merupakan projek hidro yang terbesar dilaksanakan di negara ini, Kerajaan akan memaklumkan kemajuan pelaksanaan projek melalui saluran-saluran yang tertentu apabila pembinaan projek tersebut dimulakan kelak.

Jangka hayat bagi sesuatu projek hidro elektrik bergantung kepada komponen sistem berkenaan sama ada struktur

empangan atau sistem jana kuasa. Bagi empangan, Jangka hayat boleh mencapai sekurang-kurangnya 60 tahun, manakala sistem jana kuasa pula mempunyai jangka hayat yang lebih pendek.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan faedah Projek Bakun, suka saya menjelaskan Projek Bakun ini dijangka memberi banyak faedah kepada negara ini terutama kepada negeri Sarawak. Firma-firma tempatan dan asing juga mendapat faedah daripada Projek Bakun. Rakyat negeri Sarawak juga akan dapat menikmati faedah limpahan hasil daripada petaksanaan Projek Hidro Elektrik Bakun. Faedah yang ketara sekali ialah bekalan elektrik yang mencukupi untuk negeri Sarawak dengan harga yang kompetitif. Walau bagaimanapun, kadar tarif hanya dapat ditetapkan apabila projek ini siap nanti. Di samping itu, ianya akan dapat menarik pelabur-pelabur asing untuk melabur dalam pembangunan industri di negeri Sarawak. Selain daripada penjanaan kuasa elektrik, kawasan tadahan boleh digunakan untuk bermacam-macam aktiviti yang boleh membangunkan ekonomi di kawasan tersebut seperti pelancongan, perikanan dan pertanian. Aktiviti-aktiviti ini akan membuka kawasan pendalaman untuk memberi peluang yang lebih kepada penduduknya meningkatkan taraf sosio-ekonomi mereka.

Pelaksanaan projek ini juga akan menguntungkan negara dari segi pemindahan teknologi, industri-industri berkaitan dengan pengeluaran kabel, alat-alat bekalan elektrik yang lain dan perkhidmatan boleh dipertingkatkan dan perkembangan keupayaannya. Sarawak akan juga menjadi lebih menarik untuk pertumbuhan industri terutama industri tenaga insentif.

Berkenaan dengan impak alam sekitar, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan akan sentiasa memastikan bahawa perhatian diberikan dalam melindungi dan memelihara alam sekitar. Bagi maksud ini, Kerajaan telah mengarahkan penubuhan satu kumpulan kerja yang akan dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar

untuk mengawasi segala aspek berkaitan dengan alam sekitar di setiap peringkat petaksanaan. Kajian ke atas impak alam sekitar akan diwajibkan seperti dikehendaki di bawah Environmental Quality Act, 1974. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Alam Sekitar mempunyai peruntukan undang-undang untuk mengambil tindakan terhadap mana-mana syarikat ataupun individu yang didapati melanggar peraturan-peraturan yang ditetapkan.

Berhubung dengan penebangan pokok-pokok dalam melaksanakan projek tersebut, ianya akan dilaksanakan oleh syarikat yang diberi konsesi oleh Kerajaan Negeri. Berkenaan dengan penempatan semula penduduk-penduduk dan pampasan, Kerajaan akan memastikan bahawa kerja-kerja penempatan semula penduduk dijalankan dengan memuaskan. Di samping itu, Kerajaan juga telah menubuhkan Jawatankuasa Penempatan Semula Penduduk untuk mengawasi dan menyelaraskan aktiviti penempatan semula penduduk sebelum pembinaan Empangan Hidro Elektrik Bakun dimulakan.

Di samping itu, data-data sosio-ekonomi perlu dikutip bagi membantu usaha penempatan semula serta mewujudkan aktiviti sosio-ekonomi yang sesuai. Ini adalah untuk memastikan supaya penduduk yang ditempatkan semula akan menikmati taraf hidup yang lebih baik. Kos penempatan serta pampasan pada ketika ini belum dapat ditentukan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat panjang lagikah Yang Berhormat?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Satu muka lagi, Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana ini.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masa kita sudah.....

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Ini perkara yang penting, Tuan Yang di-Pertua. Kalau tidak saya jawab, lima harikah atau sepuluh hari pun memakan masa juga.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tahulah. Tetapi dalam soal ini, kita dibenarkan hanya satu jam sahaja. Jadi, sekiranya satu soalan ini memakan masa yang panjang.....

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Saya akan selesai dalam tempoh dua minit lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, bagi melaksanakan Projek Hidro Elektrik Bakun ini, Kerajaan telah melantik sebuah konsortium yang diketuai oleh Syarikat Ekran Berhad yang akan melaksanakan projek tersebut. Konsortium ini telah dipilih berasaskan sebab-sebab berikut:

- (i) Kerajaan Negeri Sarawak mempunyai kepentingan dalam konsortium ini;
- (ii) Kerajaan Negeri Sarawak mempunyai peranan yang penting kerana projek tersebut akan dilaksanakan di negeri Sarawak;
- (iii) konsortium ini telah menawarkan untuk melaksanakan membiayai projek ini dari peringkat permulaan sehingga akhir tanpa sebarang bantuan kewangan daripada Kerajaan.

Walau bagaimanapun, konsortium ini tidak mempunyai pengalaman dalam projek hidro, tetapi konsortium ini akan menggunakan kepakaran daripada syarikat tempatan dan antarabangsa.

Mengenai ekuiti bumiputera dalam Syarikat Ekran, ingin saya memaklumkan bahawa pada masa ini, pegangan ekuiti

bumiputera dalam Syarikat Ekran adalah lebih kurang 14% sahaja. Pengarah-pengarah Syarikat Ekran adalah seperti berikut:

- (i) Datuk Ting Pek Khiing;
- (ii) Encik Ahmad Hisham bin Zainol Abidin;
- (iii) Dr. Ragima Noranbinti Nuruddin; dan
- (iv) Encik Peter Ling Ee Kong.

Tuan Yang di-Pertua, satu Jawatankuasa Khas Kabinet yang mewakili Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri telah ditubuhkan dan saya percaya Jawatankuasa itu boleh menjaga kepentingan pelaksanaan projek ini.

#### **TV—SIARAN PROGRAM CNN, BBC DAN STAR TV**

**7. Tuan Chor Chee Heung** minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) adakah pihak Kerajaan akan bercadang untuk membenarkan program rangkaian daripada Cable News Network (CNN), BBC dan STAR TV disiarkan seperti yang dinyatakan oleh Menteri Penerangan;
- (b) jika ya, bilakah masanya dan jika tidak mengapa; dan
- (c) jika pihak Kerajaan membenarkan rangkaian tambahan seperti tersebut, adakah rangkaian nasional dan TV3 akan menghadapi persaingan yang hebat sehingga akan menjejaskan prestasinya.

**Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Railey bin Haji Jaffery):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Perkara ini sudah pun dilaksanakan melalui siaran morning broadcast atau TV pagi yang mana bahan-

bahan dari stesen-stesen berkenaan telah pun digunakan sebagai sebahagian dari bahan siaran di TV;

- (b) Soalan ini tidak timbul lagi kerana telah pun dijawab bersama di soalan (a);
- (c) pihak RTM dan TV3 masing-masing mempunyai program-programnya yang tertentu, dan pihak RTM tidak menghadapi apa-apa masalah. Dengan adanya program CNN, BBC dan STAR TV, RTM tidak akan terjejas malah akan meningkatkan lagi prestasinya dari masa ke semasa.

**Tuan Robert Lau Hoi Chew:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu dari Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai Cable News Network yang mana siaran akan diterima di negeri Sarawak kerana banyak tempat di negeri Sarawak sampai sekarang tidak lagi menerima siaran RTM dan TV3 dengan jelas.

**Tuan Railey bin Haji Jaffery:** Tuan Yang di-Pertua, dasar berkenaan dengan membenarkan program Cable News Network (CNN), pada masa ini kita belum mempunyai dasar yang membenarkan penerimaan langsung daripada satelit. Ini dasar Kerajaan yang ada sekarang dan pada masa-masa yang akan datang, berdasarkan kenyataan yang pernah dibuat oleh Menteri Penerangan sendiri bahawa memandangkan bahaya-bahaya yang ada, yang terkandung di dalam bahan-bahan siaran dari Barat. Pada setakat ini Kerajaan belum lagi mempunyai sebarang dasar untuk membenarkan penerimaan langsung dari satelit berhubung dengan perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Sarawak sebentar tadi.

#### **SABAH—MENUNAIKAN JANJI PILIHANRAYA**

**8. Datuk Nurnikman bin Abdulah** minta Perdana Menteri menyatakan apakah program rancangan jangka pendek dan

jangka panjang bagi Sabah selepas Barisan Nasional membentuk Kerajaan di Sabah. Berapakah jumlah peruntukan khas yang diberi kepada Sabah untuk menunaikan janji-janji pilihanraya.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Barisan Nasional tetap akan tunaikan janji pilihanraya dan kita sedang mengaturkan tindakan-tindakan supaya ianya dapat disegerakan. Contohnya, masalah-masalah yang berkaitan dengan tanah semasa Kerajaan PBS, sekarang dalam pemerintahan Kerajaan Barisan Nasional akan lebih mudah diuruskan. Penubuhan universiti sepertimana Yang Berhormat telah pun termaklum akan juga disegerakan dan tindakan-tindakan sedang diambil.

Program pembangunan jangka pendek sedang dilaksanakan sekarang, lebih tertumpu kepada projek-projek infrastruktur yang mendesak seperti pembangunan jalan-jalan luar bandar, projek-projek bekalan air dan luar bandar dan projek-projek bekalan elektrik luar bandar.

Bagi Program Rancangan Jangka Panjang pula, ianya adalah termaktub di dalam rancangan yang telah dibuat dari Rancangan Malaysia Keenam yang mana peruntukan sebanyak RM2.2juta telah pun disediakan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Oleh kerana antara janji-janji Barisan Nasional dalam Sabah ialah bahawa Kerajaan Barisan Nasional, termasuk Kerajaan Federal akan meninggikan kadar pendapatan per kapita daripada sekarang sebanyak RM3.600 ke RM10,000 dalam tahun 2000, dalam tempoh 6 tahun, adakah kerajaan sedar bahawa kalau janji ini mahu ditunaikan, ini bererti bahawa pertumbuhan ekonomi di negeri Sabah perlu mencapai suatu tahap lebih kurang 25% satu tahun yang akan

menjadikan pertumbuhan ekonomi yang tertinggi sekali di seluruh dunia, lebih tinggi atau pesatnya daripada negara China yang sekarang number one.

Adakah ini realistik? Adakah ini sebenarnya janji Kerajaan Barisan Nasional yang sebenarnya akan ditunaikan dan adakah satu kajian dibuat dan berapakah amaun peruntukan yang perlu disalurkan kepada Sabah dalam tempoh 6 tahun ini supaya Sabah boleh menjadi sebuah negeri yang mengalami pertumbuhan ekonomi yang tertinggi di dunia dan boleh mencapai per capita income RM10,000 dalam tahun 2000?

**Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:**

Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita maksudkan ialah bahawa di Sabah ini, kerana pembangunannya sudah begitu ditinggalkan, bukan kerana resources tidak ada, tetapi oleh kerana pelaksanaannya agak lembab dan oleh itu kadar pertumbuhan di Sabah agak tertinggal.

Dengan usaha-usaha dan tumpuan yang kita berikan, kita percaya bahawa kadar pertumbuhan akan menjadi lebih tinggi. Saya tak tahulah, macam mana Yang Berhormat sebutkan kadar pertumbuhan 20% ini, tetapi saya percaya ianya akan menjadi lebih tinggi dan sekurang-kurangnya sama rata bagi seluruh negara.

## **GETAH—LANGKAH MENGATASI KEMEROSOTAN PENGELUARAN**

**9. Tuan Shahidan bin Kassim** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi mengatasi kemerosotan dalam pengeluaran getah. Mengikut perangkaan pengeluaran getah Malaysia pada November 1993 telah merosot 15% kepada 80,007 tan metrik daripada 94,095 tan metrik pada bulan sebelumnya; dan

(b) sebab utama kemerosotan ini ialah pengurangan eksport ke Singapura (-17,578 tan metrik), Belanda (-15,311), Perancis (-12,575) dan Jepun (-11,387). Apakah minat pengimport tersebut dan apakah Kerajaan akan memperkembangkan lagi eksport getah kepada negara-negara lain yang memerlukannya.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Date' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor):** Tuan Yang di-Pertua, bagi mengatasi masalah kemerosotan getah negara, berbagai langkah telah diambil oleh agensi-agensi getah di bawah Kementerian saya. Di antaranya ialah mempergiatkan lagi teknologi menjimatkan getah, memperjimatkan tenaga buruh dan membaik-biakan baka klon getah yang berpotensi tinggi.

Selain daripada itu, usaha untuk mempergiatkan pemindahan teknologi juga dilakukan bagi memperkenalkan carapenanaman getah dan pengurusan getah baru kepada industri getah. Tujuan ialah bagi meningkatkan lagi produktiviti industri getah dengan menggunakan sumber-sumber pengeluaran yang terhad.

Berkaitan dengan perangkaan yang dibangkitkan mengenai kemerosotan pengeluaran getah dalam bulan November berbanding dengan bulan sebelumnya, perkara ini memang berlaku dalam keadaan biasa. Hakikat ini dapat dilihat dari kecenderungan atau trend dalam corak pengeluaran pada tahun-tahun yang lepas. Misalnya pada tahun 1991 dan 1992, pengeluaran getah negara dalam bulan November masing-masing telah menunjukkan kemerosotan sebanyak 4.3% dan 6.5% berbanding dengan bulan sebelumnya. Keadaan ini berlaku kerana musim hujan pada tempoh yang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, anggapan Ahli Yang Berhormat bahawa kemerosotan eksport getah telah mengakibatkan kemerosotan pengeluaran adalah tidak tepat dan sebaliknya pengurangan eksport getah negara adalah akibat daripada kemerosotan pengeluaran getah itu sendiri.

Setakat ini, negara tidak menghadapi apa-apa masalah serius dalam menggalakkan eksport getah ke luar negara.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 10 hingga 57 adalah dijilid dalam buku berasingan)*

## USUL

### MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18

#### Kerugian Dalam Urusniaga Tukaran Asing Bank Negara

3.36 ptg.

**Tuan Lim Kit Siang (Tanjong):** Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di bawah Peraturan Mesyuarat 18 untuk mencadang bahawa Dewan ini memberi kebenaran kepada Ketua Pembangkang, Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) untuk menangguhkan Majlis Mesyuarat bagi merundingkan satu perkara tertentu yang mempunyai kepentingan orang ramai, yang perlu dan berkehendak disegerakan, iaitu mengenai kerugian dalam urusniaga tukaran asing Bank Negara sebanyak RM5.7 bilion untuk tahun lepas berdasarkan alasan-alasan yang berikut:

- (i) Parlimen akan gagal dalam tanggungjawab sekiranya ia tidak memandang berat isu kerugian besar dalam urusniaga tukaran asing sebanyak RM5.7 bilion dalam tahun 1993 setelah Bank Negara mengalami kerugian dalam urusniaga tukaran asing sebanyak RM10.1 bilion ke RM14 bilion dalam tahun 1992;

- (ii) perlu segera memastikan takat kerugian urusniaga tukaran asing Bank Negara untuk tahun 1993, yang mungkin melebihi RM10 bilion, menyebabkan jumlah kerugian urusniaga tukaran asing Bank Negara dalam tahun 1992 dan 1993 sebanyak RM20 bilion ke RM25 bilion kerana kunci kira-kira Bank Negara untuk tahun 1993 adalah sama mengelirukan dan tidak mengikut kelaziman seperti kunci kira-kira untuk tahun 1992;
- (iii) Yang Berhormat Menteri Kewangan perlu menjelaskan dengan sepenuhnya kepada Parlimen dan negara sebabnya mengapa Bank Negara telah sekali lagi mengalami kerugian besar dalam urusniaga tukaran asing memandangkan beliau telah memberi jaminan kepada Parlimen pada tahun lepas bahawa beliau sendiri akan meneliti urusniaga tukaran asing Bank Negara;
- (iv) Yang Berhormat Menteri Kewangan harus juga menjelaskan sebab mengapa beliau telah mengelabui Parlimen pada bulan Julai yang lepas apabila beliau menafikan bahawa Bank Negara masih mengalami kerugian besar selanjutnya dalam urusniaga tukaran asingnya, tetapi sebenarnya Bank Negara telah mengalami kerugian urusniaga tukaran asing yang lebih besar daripada apa yang dinyatakan dalam Laporan Tahun 1992;
- (v) untuk mendokong prinsip akauntabiliti awam dan transparensi untuk memastikan bagaimana Bank Negara boleh mengalami kerugian urusniaga tukaran asing yang begitu besar sejak tahun 1992 dengan menghendakkan butir-butir yang sepenuhnya mengenai sebab kerugian yang sebegitu boleh berlaku;
- (vi) untuk memastikan sama ada masih wujudnya kerugian urusniaga tukaran asing lagi selain daripada

RM5.7 bilion yang telah diakui dalam Laporan Bank Negara 1993; dan

- (vii) untuk memastikan pengajaran telah diterima daripada kejadian kerugian besar urusniaga tukaran asing Bank Negara sejak tahun 1992.

Sekian, terima kasih. (*tepu*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Yang Berhormat Ahli dari Kawasan Tanjong pada 11th April, 1994 jam 3.50 petang. Teks Usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat hari ini, saya sebagai Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat. Syarat yang pertama ialah bahawa perkara itu tertentu; syarat yang kedua adalah bagi kepentingan orang ramai dan syarat yang ketiga ialah ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa:

- (a) perkara ini tertentu;
- (b) ia adalah bagi kepentingan orang ramai; dan
- (c) perkara ini perlu disegerakan. (*Tepuk*)

Oleh yang demikian, mengikut Peraturan Mesyuarat 18(3), maka inilah saya dengan izin Dewan ini membenarkan Usul ini dibahaskan dan saya menempohkan Usul ini untuk dibahaskan pada jam 5.30 hingga 6.30 petang hari ini juga. Sebelah Pencadang diberi 30 minit dan sebelah Kerajaan diberi 30 minit untuk berucap. (*Tepuk*)

**UCAPAN TAKZIAH KEPADA  
BALU DAN KELUARGA  
ALLAHYARHAM DATUK HAJI  
ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD,  
AHLI PARLIMEN KUALA NERUS**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan perasaan dukacita dan sedih saya memaklumkan iaitu kita telah kehilangan seorang Ahli Yang Berhormat yang telah kembali ke rahmatullah iaitu Yang Berhormat Allahyarham Datuk Haji Abdul Rashid bin Muhammad, Ahli Parlimen Kuala Nerus pada 29hb. Mac, 1994. Saya bagi pihak Parlimen mengucapkan takziah kepada balu Allahyarham, Datin Rogayah Yusof dan keluarga Allahyarham. Bagi mengingati Allahyarham, saya menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat bangun bersama saya bertafakur selama seminit dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang beragama Islam diharap dapat menghadihkan seberapa yang ikhlas kepada roh Allahyarham.

*(Ahli-ahli Yang Berhormat bertafakur selama seminit)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih.

**RANG UNDANG-UNDANG  
DIBAWA KE DALAM  
MESYUARAT**

**RANG UNDANG-UNDANG  
PERBEKALAN TAMBAHAN  
(1993 dan 1994) 1994**

**Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan 1993 dan 1994 dan bagi memperuntukkan wang itu bagi maksud-maksud yang tertentu bagi tahun-tahun yang

tersebut itu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG  
KAWALAN PADI DAN BERAS 1994**

**Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk membuat peruntukan undang-undang yang berhubungan dengan padi dan beras dan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya dibawa ke dalam mesyuarat oleh Timbalan Menteri Pertanian; dibacakan kali yang pertama, akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG  
LEMBAGA PADI DAN BERAS  
NEGARA (SYARIKAT  
PENGANTI)  
1994**

**Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi perletakan harta, hak dan liabiliti Lembaga Padi dan Beras Negara pada suatu syarikat; untuk membuat peraturan kewangan bagi syarikat itu; untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berhubungan dengan kakitangan dan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam mesyuarat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG  
AKADEMI SAINS MALAYSIA  
1994**

**Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Akademi Sains Malaysia dan

mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Tv Mesyuarat akan datang.

## USUL-USUL

### JALAN-JALAN MASUK KE PARLIMEN

3.49ptg.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama penggal Dewan Rakyat yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menghalang Ahli-ahli yang hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju ke Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini; dan Setiausaha Dewan Rakyat hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara tersebut itu.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri yang telah dibacakan tadi hendaklah dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama penggal Dewan Rakyat yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju

ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menghalang Ahli-ahli yang hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku ke Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini, dan berhampiran dengan bangunan ini; dan Setiausaha Dewan Rakyat hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu.

### UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG SULTAN AZLAN SHAH

3.49 ptg.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis (Rompin):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Usul menjunjung kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana sudi menyampaikan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di Persidangan Parlimen Kelapan ini, Penggal Keempat, pada hari semalam, 11hb. April, 1994. Usul saya adalah seperti berikut, Tuan Yang di-Pertua:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatutnya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong demikian bunyinya:

Ampuan Tuanku,

Patik, Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat dalam Persidangan Parlimen memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan sebanyak-banyak syukur dan terima kasih kerana Titah Ucapan Seri Paduka Baginda semasa membuka Penggal Keempat Parlimen Yang Kelapan.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kerana telah diberi peluang kepada

diri saya untuk membentangkan Usul Terima Kasih Kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Semenjak 5 tahun hingga kini, semasa pemerintahan Seri Paduka Baginda, negara telah mengalami satu reformasi dan satu perubahan struktur yang besar dan jelas. Negara telah mencapai tahap kejayaan bukan sahaja di rantau Asiadan dunia ketiga tetapi juga boleh dibandingkan dengan seluruh dunia sekali. Marilah kita bersamasama menjunjung kasih dan menzahirkan rasa penuh kesyukuran di atas kejayaan dan kesejahteraan yang telah dicapai di bawah naungan pemerintahan Seri Paduka Baginda. Tidak syak lagi kejayaan yang telah dicapai ini adalah kerana kita berada di atas landasan yang mantap dan kukuh yang berasaskan kepada sistem demokrasi berparlimen dan Raja Perlembagaan. Saya percaya sistem yang kita amalkan sepanjang usia kemerdekaan negara kita ini belum dapat dicapai oleh kebanyakan negara-negara lain di dunia.

Dalam alam sejagat hari ini dan pada abad-abad yang akan datang, saya rasa pelaku utama politik dunia adalah nation state, dengan izin, ataupun negara bangsa. Negara bangsalah yang menguruskan antara satu dengan lain dalam sama ada dalam bidang ekonomi, dalam bidang politik, budaya dan sebagainya.

Sejak terbentuknya negara-negara baru pada pertengahan abad ini, berapa negara Asia sahaja berjaya menemukan kembali keperibadian masing-masing, tetapi telah mendorong kepada pemodenan menurut acuan masing-masing. Negara kita juga telah melaksanakan dasar pembinaan negara menurut acuan kita yang tersendiri seperti negara Asia yang lain itu. Malah kita menghadapi lebih banyak masalah daripada mereka kerana terpaksa mewarisi satu negara majmuk dari sejarah kolonial kita. Pada peringkat awal pembangunan negara, Kerajaan telah menerima banyak cemuhan dan kritikan terhadap berbagai dasar pembinaan negara seperti Dasar Ekonomi Baru, Sistem Pendidikan Kebangsaan, Dasar Bahasa Kebangsaan dan dasar Kebudayaan Kebangsaan dan sebagainya.

Hari ini, negara sedang mengalami suasana hidup negara yang stabil. Aman lagi berkembang, terutamanya kerana kejayaan melaksanakan dasar-dasar tersebut. Misalnya, Dasar Bahasa Kebangsaan sekarang telah melahirkan sebuah Bahasa Malaysia yang moden dan canggih yang dapat digunakan sebagai alat perantaraan moden yang berkesan dan bahasa perpaduan yang mantap di sekolah-sekolah. Oleh kerana kejayaan itulah masyarakat kini berani mempunyai sikap yang lebih terbuka kepada penggunaan bahasa Inggeris sebagai alat untuk negara menjadi sebahagian daripada dunia sejagat yang moden.

Pada awal tahun 1970-an, Kerajaan juga pernah dikecam dengan Dasar Ekonomi Baru yang bertujuan untuk membawa golongan bumiputera ke dalam mainstream, dengan izin, kehidupan ekonomi negara ini. Dasar ini dikecam kerana dituduh bersifat perkauman, tidak adil, kejam dan sebagainya. Daripada dasar tersebutlah hari ini, mereka tidak sedar bahawa golongan bumiputera di negara ini dapat rasa lebih selamat dan lebih terlibat dalam kehidupan negara ini. Mereka menjadi yakin akan masa depan mereka di negara ini. Hasilnya golongan bumiputera kini dapat lebih bersifat "liberal", bertolak ansur dan lebih terbuka dalam keadaan mereka di samping memahami etika kerja yang lebih mencabar. Nyatalah bahawa semua dasar keadaan sosial dan pembinaan bangsa negara sejak lama menjadi kecaman dan serangan berbagai golongan politik yang tidak berpandangan jauh dan kefahaman perkauman yang sempit.

Pada hemat saya, kita tidak perlu dengar daripada tohmah omong-omong kosong mereka ini. Kita tidak perlu tunduk kepada kecaman mereka ini. Kita tidak perlu menukar haluan dasar-dasar politik kita, ekonomi kita dan sosial kita yang dari segi jangka panjang akan melahirkan keadaan masyarakat stabil dan sesuai untuk dijadikan asas pembangunan kita yang mampan di masa-masa akan datang. Yang kita lakukan selama ini hanyalah menyesuaikan dasar utama kita dengan keadaan semasa, baik setempat, serantau mahu pun sejagat yang begitu pesat berubah.

Tuan Yang di-Pertua, realiti kepada kejayaan kita adalah jelas hasil daripada kesepakatan dan kerjasama mststitusi yang dipertanggungjawabkan. Lebih-lebih lagi, komponen yang membentuk sistem demokrasi berparlimen dan Raja Perlembagaan negara kita sendiri iaitu institusi Raja, Legislatif, Eksekutif dan Kehakiman. Ini disertai pula dengan kegigihan perkhidmatan awam di samping ketinggian semangat juang dan daya pengorbanan yang murni di kalangan pasukan keselamatan dan pertahanan negara kita.

Hasil daripada kejayaan ini telah menimbulkan dua gambaran, Tuan Yang di-Pertua, yang menjadi reaksi dua kumpulan dalam negara kita. Kumpulan pertama ialah rakyat jelata kita sendiri yang sedang menikmati kemakmuran, kesejahteraan, keselamatan serta murni keyakinan penuh terhadap Kerajaan. Kumpulan yang kedua pula daripada kalangan-kalangan seperti parti Pembangkang yang bersikap "chauvinistic", yang hanya tahu membuat janji-janji kosong sahaja. Mereka tidak mahu mengakui kebenaran dan fakta; sebaliknya memutar-belitkan kenyataan yang sanggup meracuni fikiran rakyat untuk kepentingan politik mereka oleh kerana mereka bersifat iri hati, prasangka dan cemburu terhadap kemajuan negara kita sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak perlu merasa bimbang. Selagi rakyat menikmati kemakmuran, kesejahteraan, keharmonian, keselamatan serta jika hak individu rakyat dalam beragama dan berbudaya tidak dinafikan. Tugas Kerajaan kita ialah membela hidup rakyat dari segenap sudut masa kini dan akan datang. Rakyat yang mahukan kesejahteraan, dahagakan kemakmuran dan mengharapkan diri mereka sentiasa dilindungi oleh keselamatan. Mereka yang memberi mandat dan kepercayaan kepada Kerajaan untuk mentadbirkan negara dan membawa kesejahteraan; sebaliknya nada sumbang-sumbing parti Pembangkang dan anti-anti

belaka ini didorongi oleh semangat "chauvinist" keagamaan dan perkauman yang tidak pernah memberikan sumbangan yang "constructive" kepada negara ini. Biarlah nada sumbang-sumbing parti-parti Pembangkang ini, Tuan Yang di-Pertua, hanya dalam arus peredaran zaman seperti kata pepatah: "Tujuh jong berlalu, anjing tetap bercawat ekor".

Tuan Yang di-Pertua, kita sedar bahawa kejayaan kita capai hari ini, baik dari segi simpanan negara sebanyak RM70 bilion kira-kira, pertumbuhan ekonomi yang baik pada tahap 8%, pendapatan per kapita pada tahun 1994 lebih daripada RM9 bilion, inflasi yang makin menurun seperti yang dititahkan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semalam adalah gambaran kejayaan negara yang luar biasa dan memukau negara-negara maju.

Selama 8 tahun juga berturut-turut selepas tahun kemelesetan pada tahun 1985 dan 1986, kita menikmati pula pertumbuhan melebihi daripada 8% setahun, per kapita juga makin bertambah. Kita juga tentu berbangga dengan pencapaian pembangunan yang seimbang, bukan sekadar hanya kelompok-kelompok tertentu tetapi di mana pertumbuhan pesat diiringi oleh kadar kemiskinan yang terus berkurangan. Kemiskinan yang dahulu hampir 50% dalam tahun 1970, menurun kepada 15% pada masa ini. Di samping itu juga, berbagai rancangan membantu golongan termiskin seperti program ASB dan skim perumahan yang telah diilhamkan oleh Menteri Kewangan dan Timbalan Perdana Menteri kita adalah cukup istimewa sekali. Mungkin di Malaysia sahaja, kita mendapati orang-orang miskin memiliki saham, satu pengalaman yang sekali gus unik dan canggih.

Sesungguhnya Kerajaan Barisan Nasional adalah ikhlas dalam usaha memerangi kemiskinan. Inilah pendekatan Barisan Nasional, apa yang kita katakan kita tetap kotakan. Ini jauh berbeza daripada tindakan politik Pembangkang yang selalu berjanji dan khususnya pernah berjanji

dalam pilihanraya yang dahulu untuk member! elaun RM100 kepada setiap keluarga miskin. Tetapi apa mereka buat selepas pilihanraya. Janji itu tidak ditunaikan dan hanya tinggal janji sahaja bila mereka berkuasa di Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi kemajuan yang "visible", yang kita semua sedari sekarang ialah dari segi pasaran saham atau pembangunan pasaran sekuriti di negara kita. Pembangkang ini amat membanggakan. Jumlah "capitalisation", dengan izin, telah bertambah berlipat kali ganda. Jumlah "turnover", dengan izin, dalam tahun 1993 sahaja telah mengatasi sejumlah keseluruhan "turnover" dalam jangka masa 20 tahun sebelum ini. A very major achievement, dengan izin. Sesungguhnya, pasaran saham kitalah yang paling besar di Asia Tenggara dan di antara yang terbesar di Asia keseluruhannya. Pada hari tertentu. "turnover" di KLSE telah mengatasi "turnover" di New York sekali.

Tuan Yang di-Pertua, prestasi dan kejayaan industri sekuriti ini tidak mungkin akan tercapai dengan tidak ada suasana ekonomi negara yang baik. Kaedah ini sudah semestinya wujud oleh kerana pengurusan kewangan oleh Kerajaan dengan baik dan juga penting bahawa syarikat-syarikat yang disenaraikan itu mendapat sambutan daripada umum dan orang ramai oleh kerana kekuatan syarikat-syarikat itu sendiri dan dari segi fundamental syarikat-syarikat seperti keuntungan dan lain-lain lagi.

Oleh itu, kekuatan dan perkembangan pasaran saham di negara kita ini adalah kerana faktor-faktor dan asas-asas ekonomi., kewangan dan fundamental yang betul dan benar. Mereka bukan memasuki pasaran saham memasuki gelanggang kasino seperti yang sering diandaikan oleh kumpulan-kumpulan yang kecewa yang saya katakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya pencapaian ekonomi di negara kita diakui rata-rata di dunia. Ramai penggubal dasar di negara yang membangun cuba mempelajari pengalaman kita. Keyakinan negara asing juga jelas kelihatan di dalam pefaburan yang berterusan. Pada masa ini masalah yang kita hadapi adalah aliran masuk modal yang berlebihan, bukannya masalah keluaran modal seperti yang dialami oleh banyak negara-negara ketiga yang kita selalu dengar.

Tuan Yang di-Pertua, gambaran ini seperti yang saya cuba terangkan sudah semestinya kita semua sedia maklum adalah satu kejayaan yang luar biasa. Luar biasa kejayaan ini kerana ia tidak pernah dimimpikan oleh kita semua melainkan kepada seorang pemimpin negara kita sahaja iaitu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah bertungkus-lumus dan memerah buah fikirannya untuk membawa kesejahteraan kepada bangsa kita. Tiada siapa dapat menyangkal bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sejak memegang jawatannya telah bekerja dengan gigih, mengharungi cabaran-cabaran negara kerana komitmen beliau untuk membawa perubahan yang besar kepada bangsa dan negaranya sehingga kadangkala mengatasi kesihatan dan kehidupan peribadi keluarga beliau sendiri, dengan mengadakan dasar-dasar seperti Dasar Pandang Ke Timur, Dasar Penswastaan, Dasar Persyarikatan dan lain-lain lagi serta kesungguhan beliau menekankan kepada budaya kerja dan budaya cemerlang beliau, meletakkan harapan yang tinggi untuk mewujudkan suatu rupa bangsa yang baru, yang dinamik dan maju. Masyarakat umumnya barangkali ditembungi oleh satu kejutan dasar yang drastik yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini. Pihak Pembangkang juga tentunya kadangkadangkang tersentak dengan dasar yang di pelopori oleh beliau. Malah sehingga ke hari ini masih ramai di antara mereka yang terpinga-pinga.

(Timbalan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, inilah kenyataan yang ada pada hari ini bahawa segala penat lelah dan jerih payah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bekerja keras membangunkan rakyat dan negara, akhirnya sampai ke satu tahap yang membanggakan kita semua dan kita merasakan masa depan negara dan bangsa kita amat terjamin.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya nyatakan tadi ada golongan yang bersifat iri hati, ada golongan yang cemburu, tidak senang malah sanggup berbuat angkara yang boleh ditafsirkan kadangkala sebagai pengkhianatan. Mereka ini sanggup membohongi rakyat agar membangkitkan perasaan rakyat supaya tidak berpuas hati dan benci kepada Kerajaan. Inilah kerja mereka sebagai orang-orang yang telah bankrap politiknya. Mereka telah berbohong dan mendakwa contohnya, kononnya ekonomi bumiputera telah ketinggalan semenjak tamatnya tempoh Dasar Ekonomi Baru baru-baru ini. Kenyataan ini secara tidak langsung membayangkan perasaan iri hati pihak mereka ini terhadap prestasi dan kejayaan Kerajaan dari segi pembangunan bumiputera.

Statistik terkini menunjukkan bumiputera telah mencatatkan kemajuan dan menikmati banyak faedah sejak pelaksanaan Dasar Pembangunan Nasional (DPN) selepas tamat tempoh DEB. Contohnya, dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keenam menunjukkan kadar pendapatan isi rumah bumiputera meningkat kepada 10% lagi berbanding dengan tahun 1991. Sementara itu, gunatenaga bumiputera dalam semua sektor ekonomi yang utama dengan kadar pertumbuhan dua angka dicatatkan dalam sektor pembinaan, pembuatan dan kewangan. Bumiputera juga mencatatkan kemajuan yang ketara dalam bilangan ahli profesional yang berpendapatan tinggi seperti jurutera, arkitek, akauntan dan doktor. Dari segi ekuiti pula, contohnya dalam tempoh 1990/92, pemilikan bumiputera juga telah meningkat dengan baik. Ini membuktikan bahawa pihak Pembangkang bukan sahaja bermain

dengan mimpi kosong tetapi juga merupakan kumpulan yang tidak berpijak di bumi nyata. Kita anggap sahaja orang-orang yang ketinggalan zaman ini sebagai si Luncai yang tidak mengenal dunia nyata, yang masih mahu terjun dengan labunya ke dalam sungai yang melemaskan diri mereka. "Biarkan luncai-luncai ini terjun dengan labunya."

Tuan Yang di-Pertua, dari segi kejayaan negara di antara negara-negara maju di kalangan peringkat antarabangsa pula, ada negara-negara maju yang tidak dapat menerima kejayaan yang dicapai oleh negara kita. Oleh kerana negara kita kecil dan mempunyai masyarakat majmuk, mereka meramalkan kita akan gagal. Mereka tidak dapat menerima hakikat kebangkitan negara kita di arena antarabangsa baik dari segi politik mahupun ekonomi. Mereka juga tidak dapat menerima peranan kepimpinan kita untuk memperjuangkan kebenaran dan keadilan. Kita memang mahu menjalinkan hubungan yang baik dengan negara-negara lain. Ini kita memang tahu penting kerana pembangunan ekonomi negara kita memerlukan serantau dan dunia yang kukuh.

Namun demikian, negara kita tidak boleh menerima sifat-sifat, dengan izin, double standard yang diamalkan oleh negara-negara antarabangsa. Kita sewajarnya tidak tunduk kepada tekanan-tekanan ini. Mereka menggunakan pendekatan ekonomi dan bukan ekonomi untuk menghalang kemajuan kita. Contohnya, melalui penubuhan blok-blok perdagangan dan penggunaan tarif yang tinggi, cuba menyekat eksport-eksport negara yang baru membangun seperti kita ini. Mereka menggunakan pendekatan bukan ekonomi juga untuk menghalang kemajuan ekonomi kita. Umpamanya, negara maju sekarang ini sedang berusaha mengamalkan peraturan gaji yang minimum kononnya, di peringkat antarabangsa, kononnya memperjuangkan pekerja-pekerja. Tetapi hakikat yang sebenar yang tersirat ialah menyekat pertumbuhan ekonomi negara membangun. Di samping itu, negara maju juga cuba mengeksploikan isu amalan buruk, isu alam

sekitar dan hak asasi manusia yang semuanya ke arah untuk menekankan pertumbuhan ekonomi negara-negara seperti kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum tentang media di Britain baru-baru ini. Kita menerima konsep dengan izin, the freedom of the press. Siapa tidak menerima satu idea yang baik, satu idea yang tetap dengan hati kita. Namun demikian, kita tidak dapat menerima kebebasan untuk berbohong, dengan izin, to fabricate lies. Saya tunjuk *Sunday Times* di front line menuduh dan berbohong, memfitnahkan pemimpin negara kita sebagai menerima rasuah. Tuntutan kita ialah supaya media Britain ini memberikan keadilan dengan menulis kenyataan dan fakta supaya mereka ini tidak berbohong.

Kita menyokong penuh tindakan Kerajaan baru-baru ini. Walau pun di Britain, akhbar-akhbar mereka bebas, kita menerima konsep dan dasar ini. Namun demikian, wajarlah Kerajaan Britain memastikan supaya kebebasan media ini tidak melakukan pembohongan.

Baru-baru ini kita nampak tanda-tanda adanya initiative Kerajaan Britain menegur media negara mereka supaya bertanggungjawab dan tidak melakukan pembohongan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita menghadapi cabaran-cabaran sama ada dalam negara mahu pun negara yang boleh membebaskan negara kita dan masyarakat, tetapi kita tidak merasa bimbang kerana negara kita memiliki kepimpinan politik yang benar-benar berwibawa. Kita bangga dan perlu ditegaskan di sini bahawa usaha-usaha yang baik, yang diusahakan oleh Kerajaan hendaklah diteruskan dan kalau boleh ditingkatkan dimasa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum bahawa peranan yang dimainkan oleh Malaysia di peringkat antarabangsa seperti antara yang saya katakan tadi, telah banyak

memberikan sumbangan kepada Kerajaan negara kita baik dalam bidang politik mahupun ekonomi. Selain dari mempunyai ramai sahabat di kalangan negara-negara dunia ketiga dan Selatan-Selatan, kita terus mengekalkan persahabatan dan setiakawan yang erat dalam Komanwel, Pertubuhan Negara-negara Islam malah kita juga adalah negara anggota Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang sudah banyak diberikan peranan dan pengiktirafan. Baru-baru ini Malaysia diwakili oleh Menteri Pertahanan telah diundang oleh masyarakat Afrika Selatan sebagai pengiktirafan atas semangat setiakawan negara tersebut terhadap negara kita. Begitu juga kita dengar baru-baru ini bahawa Perdana Menteri kita akan turut diundang untuk menghadiri majlis sambutan negara baru Afrika Selatan tidak lama lagi.

Tuan Yang di-Pertua, bagaimanapun, kita mendapat kejayaan ini bukanlah dengan mudah atau seperti bulan jatuh ke riba. Kita mesti ingat bahawa kita memetik buah kejayaan dan kesejahteraan ini di tengah kemelut masalah yang menimpa negara-negara lain, termasuk negara maju. Dengan kata lain, kita meraih kejayaan dalam dunia yang tidak senang, dalam keadaan dunia yang sering berubah hubungan dan isu politik dan ekonomi ini sering tidak menentu. Amatlah penting bagi kita melihat kemungkinan-kemungkinan ini secara realistik dan asalkan jangan sekali-kali kita merasa puas hati dengan hasil yang kita sudah capai. Kejayaan ekonomi kita pada masa kini tidak akan tercapai secara automatik di masa akan datang. Senario ekonomi dunia pasti berubah dan Malaysia perlu peka terhadap angin perubahan dan sanggup menukar gelanggang supaya tidak ketinggalan di belakang. Dan arah aliran baru yang semakin nyata adalah proses liberalisasi dan keterbukaan ekonomi kepada ekonomi dunia semakin meluas. Proses tersebut bukan sahaja jelas di kalangan negara-negara demokrasi baru, tetapi juga di kalangan-kalangan negara lama. Justeru itu, perdagangan antarabangsa dan aliran modal menjadi global dan mempunyai kesan semakin ketara terhadap

perkembangan ekonomi tempatan sesebuah negara.....(lampu *dalam Dewan padam*) Balck-out, Tuan Yang di-Pertua! Bolehkah saya teruskan?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Teruskan!

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis:** Baik, terima kasih. Saya ingat ini....sila semak, Tuan Yang di-Pertua, ini DAPkah yang tutup lampu *ini!*(*Ketawa*) Pada masa yang sama gejala "gejalaisme" semakin ketara dan kesan negatif semakin membimbangkan, tambah-tambah lagi wujudnya blok perdagangan yang bersifat "discriminatory". Pengendalian dasar Kerajaan umpamanya semakin sulit akibat kesan luaran, umpamanya dasar kewangan untuk mengawal bekalan wang semakin sukar dilaksanakan akibat aliran modal asing yang membanjiri pasaran kewangan tempatan. Kemampuan ekonomi sesebuah negara juga bergantung kepada penguasaan teknologi canggih dan teknologi informasi. Kekayaan sumber asli tidak akan menjamin pertumbuhan ekonomi yang tinggi dan berkekalan seperti yang kita lalui sekarang ini dan 10 tahun yang lalu.

Pada masa akan datang peranan "material" dan "labour" semakin kecil secara relatif berbanding dengan keupayaan memproses dan "distribution", dengan izin, yang berlandaskan teknologi tinggi. Mungkin proses industrialisasi sahaja tidak mencukupi untuk menjadi negara betul-betul maju dan moden. Di masa hadapan saya merasakan penguasaan teknologi dan maklumat adalah perlu untuk menjadikan inti dan tunjang kepada proses industrialisasi supaya ia tidak rapuh dan mudah tumbang.

Saya percaya faktor-faktor yang saya sebutkan tadi akan menjadi faktor penting kepada cabaran ekonomi masa depan

kerana ia amat berbeza apa yang kita hadapi pada hari ini dan masa lalu. Cabaran politik juga berbeza. Malah dari segi alam sekitar, budaya, sistem nilai, sikap dan visi masa depan juga berubah. Perubahan ini sudah tentu jauh lebih serius dan cabaran masa depan ini jauh lebih kritikal. Tangan yang menyambut cabaran yang lebih berat di masa hadapan mestilah mereka yang benar-benar bersedia, berilmu, sanggup berlatih, sanggup menjadi profesional, berbudi luhur dan sanggup berakhlak mulia.

Perubahan-perubahan di masa hadapan sebagaimana dihayati oleh seorang pemikir "the futurist", dengan izin, Alfin Toiler mengatakan bahawa dunia moden sekarang ini sedang menempuh gelombang ketiga atau, dengan izin, "the so-called Third Wave". Menurut Tofler, gelombang ketigalah fenomena yang melambangkan kebangkitan baru di kebanyakan negara, terutamanya negara-negara maju. Gelombang ketiga adalah peralihan dari dua gelombang sebelumnya, bermula dengan masyarakat "agrarian" yang kemudiannya beralih kepada masyarakat perindustrian. Hari ini masyarakat dunia responsive kepada perubahan sedang meneliti gelombang ketiga yang dikenali sebagai "information age". Revolusi maklumat dilihat oleh pemikir itu sebagai natijah daripada keupayaan manusia menguasai ilmu. Kekuatan ilmu mengatasi dua kekuatan lain yang dianggap sebagai sumber sosio-ekonomi, iaitu kekuatan ekonomi dan kekuatan ketenteraan. Ilmu dan kuasa mempunyai kekuatan yang erat dan ini menepati kata-kata Francis Bacon, dengan izin, "knowledge itself is power" atau "ilmu adalah kuasa".

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh lari daripada perubahan yang sedang berlaku dan akan berlaku. Senjata utama kita menangani perubahan adalah ilmu yang menjadi kunci segala kuasa. Sehubungan

dengan itu, kita harus mengingati semua pihak bahawa perubahan yang mendadak ini tidak mengizinkan kita untuk bersifat "complacent" dan "decadent". Agama Islam sendiri seringkali menekankan peri pentingnya umat Islam berusaha, bekerja dan meningkatkan ilmu dalam diri masing-masing dan dalam semua bidang.

Tuan Yang di-Pertua, masa 30 tahun yang akan datang kita akan melangkah ke satu dunia yang maju Insya—Allah, seperti yang diilhamkan oleh Perdana Menteri kita. Namun begitu, kita mesti ingat bahawa kemajuan di era Wawasan 2020 bukan semata-mata terletak kepada pencapaian dan kemampuan industri yang kini sedang pesat diusahakan. Pada pengamatan saya, 30 tahun lagi kemajuan hakiki dalam negara kita adalah berasaskan matlamat sejauh mana kita membentuk satu masyarakat baru yang berasaskan kepada "information society" yang saya katakan tadi. Izinkan saya memetik sekali lagi kata-kata Alfin Tofler, "in the Third Wave economy, knowledge is not the only factor of production but the dominant factor of production as it becomes the ultimate substitute for other factors of production".

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan ini usaha-usaha membangunkan sumber pembangunan manusia (human resources development) perlu dikaji semula dengan matlamat sumber manusia ini benar-benar mantap, berilmu dan berkualiti serta dapat menguasai zaman bagi menyahut cabaran yang akan datang. Dengan menggemblengkan pembangunan sumber tenaga manusia ini secara berkesan, ianya akan membolehkan negara meningkatkan lagi daya penggunaan teknologi tinggi dan seterusnya mempertingkatkan kemampuan negara menguasai teknologi. Oleh yang demikian, dasar-dasar perlu ditumpukan kepada usaha tersebut bagi menjamin kecukupan dan kemahiran tenaga mahir di masa-masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan perkara ini, saya ingin menarik perhatian kepada satu fenomena masa kini

yang saya kira kesannya amat penting kepada negara di masa-masa yang akan datang. Perkara yang ingin saya timbulkan ialah masalah ketidakseimbangan keputusan peperiksaan atau prestasi sekolah-sekolah di luar bandar dan dalam bandar. Perbezaan keputusan ini adalah amat ketara dalam tiga matapelajaran, iaitu Matematik, Sains dan Bahasa Inggeris dan ini amat penting asas kepada pembangunan HRD (*Human Resources Development*), iaitu orang yang berilmu dan berteknologi tinggi. Kita tidak mahu jurang perbezaan ini berlaku, kerana ianya sendiri kelak akan mewujudkan perbezaan kualiti dan kepakaran tenaga kerja antara luar bandar dan bandar. Kita sudah berjaya sekarang merapatkan hubungan antara kaum. Kita tidak mahu fenomena ini terus berlaku dan ia akan meningkatkan jurang perbezaan. Kejayaan yang kita laksanakan dan kita usahakan bagi merapatkan sekarang ini, jurang perbezaan ekonomi antara kaum ini "overnight" masa akan datang oleh kerana masalah HRD di sekolah-sekolah luar bandar ini akan melenyapkan pembaharuan kejayaan yang kita telah sama-sama mengusahakan dengan baiknya sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini kita melihat kejayaan negara kita telah banyak disumbangkan oleh pihak swasta. Kita percaya peranan swasta ini amat penting dan kita menyeru digalakkan sumbangan dan peranan mereka. Namun begitu, jika kita mahu peranan swasta yang lebih penting ini ditingkatkan, ia mestilah mendapat dokongan dan sokongan daripada Kerajaan sendiri. Kita tentulah berbangga dengan peranan sektor swasta seperti usaha-usaha membaiki infrastruktur negara, seperti yang dititahkan oleh Kebawah Duli semalam, usaha meningkatkan prasarana dan perkara-perkara lain. Saya percaya usaha ini dapat dicapai dengan memberikan dorongan yang sewajarnya kepada sumbangan kumpulan sektor swasta itu.

Di samping itu, daya saing perusahaan Malaysia juga mesti ditingkatkan. Tahap berdaya saing adalah kritikal pada masa sekarang dan akan datang memandangkan perdagangan dunia lebih ke arah perdagangan serantau. Ini ditambah pula dengan kemunculan pesaing-pesaing baru untuk aliran perdagangan dan pelaburan, seperti negara Indo-China dan juga China sendiri. Persaingan untuk pelaburan asing juga datang dari negara-negara Eropah Timur dan Amerika Latin yang menawarkan tenaga buruh dengan kos yang lebih rendah.

Di dalam memperkatakan prestasi ekonomi yang semakin rancak dan memberangsangkan ini, kita perlu mengaku akan sumbangan sektor-sektor yang saya sebutkan tadi. Namun demikian, kita juga percaya bahawa walaupun sektor korporat, sektor swasta ini penting, namun demikian, tanggungjawab badan-badan ini bukanlah sekadar hanya untuk pembangunan ekonomi sahaja. Ia juga patut meliputi tanggungjawab sosial seperti yang ditegaskan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri baru-baru ini. Maka sudah sampainya pentakrifan tanggungjawab sosial bagi badan-badan swasta dan korporat di negara ini dihuraikan dengan jelas, kerana adalah tidak memadai sumbangan kumpulan sektor korporat ini terhadap pembangunan sosial di negara ini masih berlegar kepada kegiatan yang bersifat "charity" semata-mata. Amat janggal rasanya jika badan-badan korporat yang mengaut untung ratusan juta ini hanya menghulurkan derma sekadar kerusi roda untuk pesakit atau menderma sejadahan dan permaidani kepada madrasah dan masjid tiga tahun sekali.

Apa yang penting ialah bagaimana sebahagian peratusan daripada keuntungan mereka ini diperuntukkan kepada tanggungjawab sosial yang lebih berat dan penting, di samping relevan kepada

kegiatan perniagaan mereka. Umpamanya, badan korporat yang terlibat dalam industri air sewajarnya mengambil tanggungjawab dalam pembersihan sungai yang tercemar sekarang ini kita lihat rata-rata dalam negarakita. Syarikat yang melibatkan dalam dunia perniagaan perumahan, mereka patut diminta atau kita pastikan mereka ini menyumbangkan peruntukan untuk pembinaan rumah kos rendah untuk rakyat yang miskin dan kumpulan-kumpulan yang memerlukannya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pembangunan ekonomi negara di masa akan datang, agenda usahawan sudah semestinya menjadi satu usaha menyusun masyarakat dan sudah semestinya terus menjadi penting. Dalam ekonomi yang sering berubah seperti yang digambarkan di awal tadi para usahawan negara ini perlu berurusan di peringkat antarabangsa untuk mencapai kejayaan. Mereka tidak wajar lagi menjadi sekadar jaguh kampung, atau dengan izin, "inward looking" sahaja. Para usahawan kita mesti sanggup menembusi pasaran antarabangsa dan berani menangani perusahaan secara global melalui pemasaran dan eksport baik dari segi barangan ataupun perkhidmatan, malah juga dari segi eksport modal dan yang lebih penting kemampuan untuk bersaing di peringkat antarabangsa. Satu fakta yang penting dalam pembangunan masyarakat usahawan dan industri tempatan ialah menyediakan kemudahan-kemudahan dan sumber-sumber lain yang penting untuk membangunkan mereka seperti modal, pasaran dan lain-lain. Perkara ini hendaklah terus disedia dan diusahakan oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya ingin sentuh sedikit ialah tentang teknologi. Adakah kita sedar bahawa teknologi yang kita miliki hari ini sudah banyak yang jauh tertinggal di belakang negara asal datangnya teknologi tersebut?

Peti televisyen di rumah kita, enjin kereta yang kita pandu di jalan raya adalah sebagai contoh bukan lagi teknologi terkini. Justera itu, kata Ishara dalam bukunya "Excess Capitalism", kemajuan ekonomi kita sebenarnya masih bergantung kepada teknologi asing. Ini sesungguhnya bukan kekuatan tulen sebaliknya kekuatan ini sekadar kelompong kerana dari segi isi, teknologi kita masih bergantung kepada orang lain. Tanpa penguasaan terhadap teknologi, usahaserta proses industrialisasi negara kita sudah tentu menjadi tempang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam membentuk masyarakat usahawan global di kalangan rakyat kita, kita juga perlu mengingatkan badan-badan yang diamanahkan untuk membela dan membimbing para usahawan negara kita supaya mereka juga berfikir secara global di samping menanamkan sifat akauntabiliti di kalangan mereka. Dengan akauntabiliti ini, bermakna mereka yang menerima amanah mestilah bertanggungjawab ke atas sesuatu kegagalan yang berlaku terutama sekali amanah membela dan membimbing para usahawan negara yang tidak dapat disempurnakan. Sifat akauntabiliti ini telah pun ditunjukkan oleh Gabenor Bank Negara yang mengambil sikap yang baik untuk memikul tanggungjawab kerugian yang berlaku di Bank Negara tersebut. Inilah contoh akauntabiliti pimpinan yang sebelumnya mempunyai perkhidmatan yang cemerlang. Sebagaimana yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di dalam kenyataan berhubung dengan perletakan jawatan Gabenor Bank Negara baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, adalah penting bagi Kerajaan untuk terus menerajui perkembangan industri perkhidmatan untuk meneruskan proses pemodenan ekonomi. Kekurangan kecekapan dalam

bidang ini menyebabkan import perkhidmatan begitu ketara dan mewujudkan defisit dalam akaun semasa imbalan pembayaran. Oleh itu, bidang-bidang seperti telekomunikasi kewangan, perkhidmatan profesional serta pelancongan perlulah dimajukan lagi agar ekonomi negara terus kukuh dan berdaya maju.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kita membangunkan ekonomi negara, kita jangan sekali-kali lupa mereka yang tinggal di luar bandar yang masih lagi dalam era "agro-based industry". Dalam mengejar pembangunan, kita tidak boleh melupakan sektor tradisional ini khususnya yang saya katakan yang masih ada bibit-bibit kemiskinan dan pendapatan yang rendah. Sektor ini perlu diberi perhatian dasar untuk membuat transformasi agar ianya dapat dimajukan lagi, seperti membangunkan teknologi canggih, amalan pengeluaran berasaskan sistem komersil dan pendekatan industri yang boleh mengatasi masalah-masalah saiz kecil yang kecil dan usaha yang tidak berdaya maju.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan usaha yang sedang dan akan kita laksanakan, kita mempunyai keyakinan yang amat penuh untuk menjadi sebuah negara maju dalam tahun 2020. Sumbangan berdasarkan pembangunan ekonomi telah juga disokong oleh keupayaan Pasukan Keselamatan dan Pertahanan yang telah dan sedang mencurahkan khidmat bakti mereka dengan penuh kecemerlangan. Bukan sahaja Pasukan Keselamatan ini dapat menjaga negara kita di dalam keadaan aman dan tenteram tetapi sepanjang 30 tahun yang lampau sehingga ke hari ini melalui penyer-taan Misi Pengaman PBB telah memberikan sumbangan yang besar ertinya kepada maruah dan nama baik negara. Ini terbukti dengan kepercayaan PBB melantik anak watan negara ini buat pertama kalinya

menerajui kepimpinan Misi Pengaman sebagai dengan izin "Force Commander UNOSOM" di Somalia. Negara kita juga berbangga kerana buat pertama kalinya seorang pegawai tinggi Angkatan Tentera kita telah dipelawa mengisi perjawatan sebagai staff kepada Penasihat Ketenteraan kepada Setiausaha Agung PBB.

Tuan Yang di-Pertua, kejayaan yang saya gambarkan lebih awal tadi dapat kita wujudkan kerana kita mempunyai dasar keselamatan yang dapat menjamin keamanan negara. Dengan pendekatan yang dijalankan, kita telah dapat membentuk anggota keselamatan yang cukup terlatih, berkebolehan di samping mendapatkan senjata dan kelengkapan pertahanan yang moden dan canggih. Sewajarnya dalam proses melengkapkan angkatan tentera kita, dasar pembelian senjata mengambil kira dan seiring dengan dasar laut negara dan prinsip membela golongan yang tertindas.

Dalam hubungan ini, saya menarik perhatian kepada hasrat Kerajaan untuk membeli jet-jet pejuang Mig-29 daripada Russia sebagai usaha melengkap dan memodenkan lagi pasukan keselamatan kita. Memandangkan nampaknya pihak Russia seolah-olah memihak kepada puak Serb terhadap penganiayaan rakyat Islam di Bosnia dan pada awal minggu ini kita dengar pula pihak Serb telah kembali menyerang Wilayah Gorazde yang diisytiharkan oleh PBB sebagai kawasan selamat. Apa yang selamat kalau masih diserbu oleh pihak Serbia? Kita amat menyesali sikap dan pendirian Russia yang begitu ketara mendokong keganasan yang tidak berperikemanusiaan yang dilakukan oleh pihak Serb. Oleh keranaitu, pendirian Russia ini jelas bertentangan dengan prinsip dan moral negara kita yang mahukan keamanan untuk semua manusia di dunia, maka amatlah wajar bagi Kerajaan mengkaji semula rancangan membeli jet-jet pejuang Mig-29 buatan Russia ini.

Tuan Yang di-Pertua, arus pembaruan yang saya cuba pamerkan tadi akan berlaku semakin nyata berasaskan kepada perubahan-perubahan dan maklumat yang

terkini. Fenomena baru ini membawa perubahan yang pesat atau dengan izin, satu paradigm of change, dan akan memungkinkan sebahagian daripada masyarakat kita tidak mampu bergantung semata-mata kepada usaha mereka tersendiri. Mereka perlu dibimbang untuk memiliki daya pemikiran yang matang menerusi kebijaksanaan yang ada pada kita dan mengizinkan masyarakat menilai suatu yang bermanfaat kepada mereka.

Sehubungan dengan ini sistem nilai yang luhur dan murni yang memberikan penekanan kepada ciri-ciri budaya, moral, semangat dan nilai kekeluargaan perlu dipertahankan di dalam masyarakat kita kerana ianya adalah pengimbang yang amat berkesan kepada bangsa kita untuk membangun sebagai negara-negara yang bertamadun menurut acuan bangsa kita yang tersendiri. Adalah satu kebenaran bahawa kita tidak boleh membuat andaian bahawa semua rakyat mampu mengikut arus perubahan ini sama ada menurut kaum mahupun wilayah. Bagi mereka yang tidak berupaya ini, mereka memerlukan bimbingan dan naungan Kerajaan yang sudah pun diletakkan harapan dan kepercayaan oleh mereka sepanjang masa.

Adalah satu tragedi jika dalam arus kemajuan pembangunan ini ada kumpulan-kumpulan masyarakat mahupun bumiputera ataupun bukan bumiputera yang akan tersisih dari perubahan yang hakikatnya kita lakukan untuk kesejahteraan mereka yang tersendiri.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya kejayaan yang kita nikmati ini adalah satu rentetan peristiwa yang panjang semenjak kita merdeka. Tetapi apa yang dapat kita lakukan pada lima tahun kebelakangan ini adalah sesuatu yang benar-benar kita rasai komitmennya oleh semua pihak. Ini adalah sesuatu yang sangat kita banggakan. Lebih-lebih lagi negara amat bertuah kerana pada tempoh lima tahun terakhir ini, kita mempunyai tunggak negara Kebawah Duli Yang

di-Pertuan Agong yang benar-benar terkenal dari segi kebolehnya sebagai seorang "Agong", seorang scholar dan juga seorang ahli undang-undang dan diplomat. Dengan kebolehan dan sikap mulia yang ada pada Ke bawah Duli ini, rakyat semua mendapat naungan yang membuat kita mendapat kesejahteraan dan kemajuan sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan penuh takzim, saya dengan segala rendah hatinya mengemukakan Usul Menjunjung Kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana sudi menyampaikan Titah Baginda di Persidangan Parlimen Kelapan, Penggal Keempat. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Hulu Selangor.

*4.31 ptg.*

**Tuan G. Palanivel (Hulu Selangor):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Usul Menjunjung Kasih atas Titah Ucapan Baginda Yang di-Pertuan Agong yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Rompin.

Titah Ucapan Baginda ialah Titah ucapan yang membayangkan penglibatan Kerajaan untuk terus membangunkan negara ini dan menjadikannya sebuah negara yang sungguh-sungguh maju.

Titah Ucapan Baginda memberi penekanan kepada semua aspek pembangunan termasuk kemajuan tenaga manusia, perlindungan kepada kanak-kanak, orang-orang cacat dan orang-orang tua.

Sukacita saya merakamkan bahawa pihak Kerajaan sentiasa menekankan tentang kepentingan pertanian kepada negara ini. Dalam hubungan ini, pihak Kerajaan janganlah lupa akan pentingnya sektor perladangan. Mengikut perangkaan sektor ini mempunyai lebih 269,000 pekerja dalam tahun 1990 dan telah membantu sejumlah 500,000 petani kecil serta 188,000 keluarga dalam tahun 1991.

Tiga hasil utama pertanian telah menyumbangkan lebih kurang RM8.3 bilion dalam pendapatan kasar eksport negara. Walaupun penekanan utama ialah dalam sektor perindustrian, Kerajaan haruslah memastikan tentang pentingnya sektor pertanian dan perladangan supaya sektor-sektor ini tidak dilupakan oleh pelabur-pelabur, pemilik-pemilik tanah, penternak-penternak, petani-petani dan pekerja-pekerja ladang yang ada sekarang. Sebarang kurang keyakinan terhadap masa depan sektor pertanian dan perladangan akan mengakibatkan penjualan ladang-ladang besar dan ladang-ladang kecil secara besaran-besaran demi untuk mencari kemajuan dalam lain-lain sektor. Langkah seperti ini akan mengubah cara hidup masyarakat kita dari cara hidup biasa mereka. Terdapat satu Peribahasa Melayu yang mengatakan jangan kita membuang tongkat selepas kita menyeberangi sungai.

Sektor pertanian dan perladangan telah memainkan peranan yang besar dalam kemajuan dan pendapatan negara ini. Kejayaan kita dalam sektor pertanian, bahan komoditi utama yang mendatangkan hasil telah juga menjayakan skim-skim pembangunan kampung dan program-program sosio-ekonomi bagi meningkatkan taraf hidup masyarakat kampung dari belunggu kemiskinan.

Apa yang membimbangkan saya ialah kepercayaan masyarakat yang mengatakan bahawa pertanian ialah satu industri yang telah lapuk dan tidak mendatangkan hasil atau dengan izin "sunset industry". Ini amatlah menyedihkan kerana strategi dan pilihan masih lagi boleh dibuat. Sektor ini masih lagi boleh meneraju masyarakat kita yang berbilang kaum untuk menjadi pengeluar hasil pertanian moden dan menerokai bidang pengedaran dan pemasaran hasil pertanian bermutu tinggi.

Ini akan dapat membantu dan memajukan syarikat-syarikat perdagangan kita. Ingin juga saya menekankan bahawa Malaysia amat terkenal di seluruh dunia kerana memiliki pengetahuan yang luas berkaitan dengan pengetahuan saintifik,

teknologi, pengurusan dan pemasaran getah asli. Bakat ini boleh digunakan dalam kegiatan-kegiatan penanaman, pemerosesan, pengeluaran dan pemasaran dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan di luar negara.

Aspek yang menyedihkan ialah walaupun hasil yang diperolehi dalam bidang industri perladangan ini amat besar pada masa-masa yang lalu, tetapi kebanyakan syarikat perladangan membayar gaji yang rendah kepada pekerja-pekerjanya. Pekerja-pekerja terus menerus menerima gaji kecil dan serba kekurangan dalam kehidupan mereka. Mereka kurang menerima bantuan pendidikan rendah dan menengah untuk anak-anak mereka daripada syarikat-syarikat perladangan.

Sebenarnya, kekurangan tenaga buruh yang dihadapi sekarang dalam bidang ini tidaklah menggambarkan kekurangan tenaga buruh yang sebenarnya, ianya menggambarkan kurangnya minat yang ditunjukkan oleh belia-belia Malaysia dalam sektor ini.

Pihak Kerajaan sepatutnya mengambil perhatian terhadap keadaan tempat kerja yang tidak memuaskan di ladang-ladang. Ini termasuk kekurangan kemudahan-kemudahan seperti pengangkutan, kesihatan, pendidikan, rekreasi dan kemudahan perumahan.

Program-program segera harus dilaksanakan untuk mengatasi masalah ini. Kerajaan telah mengambil langkah sewajarnya untuk mengadakan kemudahan-kemudahan perumahan dengan menawarkan rumah-rumah harga rendah kepada rakyat. Perhatian dan tindakan yang diambil oleh Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri menunjukkan pandangan serius pihak Kerajaan dalam sektor ini.

Walau bagaimanapun, perhatian yang lebih patut diberikan bagi memastikan tindakan membina rumah-rumah harga rendah ini tidak diabaikan oleh sektor

swasta. Pihak Kerajaan mestilah menetapkan "target" dan masa kepada pemaju-pemaju. Masalahnya, bukanlah dalam bidang pembinaan rumah harga rendah sahaja tetapi menentukan supaya wujud satu mekanisma yang adil di dalam memperuntukkan rumah kepada mereka yang belum mempunyai rumah.

Kerajaan juga mesti memastikan supaya pembeli-pembeli mampu membuat bayaran ansuran dan sewa serta menghapuskan bayaran pendahuluan. Untuk tujuan ini, pihak Kerajaan patut mempercepatkan pembentukan "Lembaga Perumahan Harga Rendah" yang boleh mengawasi program-program perumahan harga rendah dan juga bertanggungjawab dalam pengagihan rumah-rumah tersebut.

Langkah Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebuah pusat pendidikan antarabangsa haruslah dipuji. Penglibatan Kerajaan untuk memperbaiki kualiti dan mengwujudkan peluang-peluang belajar di seluruh negara dapat dilihat dari jumlah wang yang dibelanjakan dalam bidang ini sejak bertahun-tahun lalu. Matlamat Wawasan 2020 hanya dapat dicapai jika kita mempunyai peluang-peluang dan sistem pendidikan yang betul. Penglibatan dan perhatian Kerajaan dalam bidang ini juga melibatkan semua pemimpin dalam Kerajaan. Pihak Kerajaan mestilah memberikan lebih perhatian pendidikan rendah kerana pendidikan rendah menjadi asas bagi masa depan dan pendidikan sepanjang hayat seseorang itu. Di sinilah Kerajaan harus memberi lebih perhatian yang segera terhadap pendidikan rendah yang perlu dipertingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan harus juga memberikan peruntukan yang lebih bagi memperbaiki kemudahan-kemudahan fizikal dan kemudahan-kemudahan pendidikan kepada sekolah-sekolah Tamil di seluruh negara.

Sehubungan dengan perkara ini, saya ingin menarik perhatian Kementerian Pendidikan ke atas Sistem Pendidikan

SRJK(T) dalam negara kita ini. Jumlah sekolah SRJK(T) dalam negara ini cuma 540 buah sahaja. Saya difahamkan hampir 100,000 murid sedang mengikuti pendidikan di sekolah-sekolah tersebut.

Berdasarkan keputusan UPSR setiap tahun, pencapaian penguasaan Bahasa Malaysia dan Matematik di kalangan murid-murid SRJK(T) adalah amat mendukacitakan.

Cuma 50% murid sahaja lulus dalam Matematik dan 23% murid sahaja lulus dalam Bahasa Malaysia pada tahun 1993. Kedua-dua matapelajaran ini adalah asas dan penting bagi pendidikan dalam negara kita ini. Kegagalan dalam kedua matapelajaran ini akan menggelapkan masa depan mereka. Jika hampir separuh daripada 100,000 murid dari sekolah SRJK(T) mendakwa tanpa kemahiran Matematik dan Bahasa Malaysia, sebagai warganegara yang kurang berkualiti, ianya akan menjejaskan produktiviti ekonomi negara kita pada masa-masa akan datang dan juga menjadi satu beban kepada negara.

Oleh itu, saya mencadangkan kepada Kementerian Pendidikan untuk mengadakan program-program khas bagi murid-murid SRJK(T) supaya murid-murid ini juga dapat menikmati kemudahan-kemudahan pendidikan yang bermutu tinggi. Di samping itu, saya juga mencadangkan kepada Kementerian Pendidikan untuk mencari jalan yang praktikal untuk menambah masa pembelajaran Bahasa Malaysia bagi murid-murid SRJK(T). Kementerian Pendidikan harus mengambil satu tindakan yang positif dan segera ke arah meningkatkan penguasaan Bahasa Malaysia di kalangan murid-murid SRJK(T).

Ucapan Baginda juga menunjukkan penglibatan Kerajaan dalam program-program yang bertujuan untuk mengurangkan kemiskinan. Kerajaan harus dipuji kerana telah dapat mengurangkan kadar kemiskinan di kalangan masyarakat di negara ini. Program-program untuk mengurangkan kemiskinan, terutamanya di-

kalangan bumiputera telah mencapai kejayaan. Pihak Kerajaan harus memperkenalkan program-program serupa untuk kumpulan-kumpulan sasaran yang lain, seperti golongan-golongan miskin dalam masyarakat India Malaysia yang tinggal di desa-desa, ladang-ladang dan kawasan-kawasan ketinggalan.

Walaupun saya ingin bercakap mengenai lain-lain isu dalam hubungan Ucapan Baginda, tetapi saya fikir adalah tidak adil untuk saya meneruskan kerana ramai lagi Ahli-ahli Yang Berhormat menunggu berucap. Dengan itu, sekali lagi saya menyokong Usul menjunjung kasih atas Titah Ucapan Baginda Yang di-Pertuan Agong yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Rompin.

Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Tanjong.

4.04 p/g.

**Tuan Lim Kit Siang (Tanjong):** Tuan Yang di-Pertua, perbincangan ini akan merupakan perbincangan yang kedua atas kerugian besar Bank Negara dalam urusan niaga matawang asing bagi tahun kedua berturut-turut, dan adalah tepat sama sekali kita bermula dengan cerita yang disampaikan oleh Tan Sri Jaffar Hussein dalam satu syarahan di New Delhi pada bulan Disember, 1988 atas tajuk "Central Banking in an Era of Change" yang juga telah digunakan sebagai tajuk untuk buku Bank Negara yang mengandungi ucapan-ucapan penting dari 1959 ke 1988. Cerita yang diceritakan oleh Tan Sri Jaffar Hussein ini ialah, dengan izin, mengenai satu story seorang captain of a super oil tanker at the ridge was called up in the middle of the night by his number 2, who said, "Captain, captain, I have bad news and good news for you". The Captain said, "you might as well tell me the bad news first." "Well", the officer reported, "we have struck a reef and are taking in lots of water." "And what is the good news?", asked the Captain. "Captain, sir, the hole is at the other end of the ship."

Tuan Yang di-Pertua, kerugian besar Bank Negara dalam urusan matawang asing semenjak dua tahun kebelakangan ini bukan sahaja telah melubangi Bank Negara dengan menjadikan bukan sahaja tidak "solvent", tetapi juga telah memusnahkan credibility dan authority sebagai banker dan guardian of banks di Malaysia.

Apabila Laporan Bank Negara bagi tahun 1992 diumumkan tahun lepas, Tan Sri Jaffar Hussein yang disokong oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan telah menafikan terdapat apa-apa lubang atau hole, dengan izin, di dalam Bank Negara. Dan beliau menegaskan bahawa kerugian sebanyak RM9.3 bilion dalam urusan matawang asing yang ia bersedia mengakui merupakan hanya "paper losses" dan bahawa kerugian Bank Negara itu adalah keuntungan buat negara atau pun "the Bank Negara's loss is the nations gain." Kita semua ingat lagi.

Apabila Laporan Bank Negara bagi tahun 1993 diumumkan dua minggu lalu, satu lagi usaha telah dilancarkan untuk menafikan bahawa lubang yang sedia ada di dalam Bank Negara telah menjadi lebih besar, malah menafikan sama sekali terdapat lubang sedemikian dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan bahawa kerugian sebanyak RM5.7 bilion dalam urusan matawang asing pada tahun lepas datangnya daripada keuntungan yang diperolehi dalam urusan matawang asing dalam tahun-tahun yang sebelumnya.

Sebenarnya terdapat satu conspiracy membekal penerangan yang salah dan maklumat yang mengelirukan—"misinformation dan disinformation"—untuk menutup sifat, sebab-musabab dan keseriusan sebenar kerugian tukaran asing Bank Negara dalam dua tahun yang lalu yang akan saya tunjukkan dalam ucapan saya selanjutnya, di mana jumlah kerugian mungkin mencapai sebanyak RM30 bilion

dalam dua tahun. Ia bukan sahaja adalah skandal kewangan terbesar di Malaysia, malah ia mencapai tahap skandal kewangan kelas dunia. (*Tepuk*)

Dalam usul khas saya atas kerugian tukaran asing Bank Negara di Parlimen pada April tahun lepas, Yang Berhormat Menteri Kewangan dengan sungguh-sungguh telah menafikan bahawa Bank Negara telah menjalankan spekulasi atau berjudi dalam tukaran matawang asing. Beliau telah berkata bahawa sebagai Menteri Kewangan, beliau cukup berpuas hati dengan alasan-alasan yang diberikan oleh Tan Sri Jaffar Hussein di atas kerugian matawang asing yang dialami oleh Bank Negara.

Walau bagaimanapun, kebenaran tidak boleh disembunyikan buat selama-lamanya kerana ia sentiasa mencari jalan untuk menjelma dirinya. Kali ini, Penasihat Ekonomi Kerajaan, Tun Daim Zainuddin yang mendedahkan kebenaran. Pada hari Isnin, 4hb. April, Tun Daim telah dilaporkan dalam akhbar sebagai menyatakan bahawa bank pusat tidak boleh bermain api dengan melibatkan diri dalam pasaran wang spekulatif, di mana risiko atau kerugian adalah besar—"main api".

Tun Daim berkata bahawa sementara mereka yang bertanggungjawab atas kerugian matawang asing yang dialami oleh Bank Negara telah meletakkan jawatan, namun bank pusat seharusnya tidak harus menceburkan diri dalam menanggung risiko sedemikian. Beliau berkata dan saya quote, dengan izin:

"It is wrong to think that you cannot lose when you play in money markets. You see, if you make some one else has to lose. When you have limited funds, you do not speculate. You must not go into this. It is different if you are pursuing long-term investment, but if you are speculating, do not go into this unless you are prepared to face

losses. Central Banks have a role to play, and this (speculative venture) is a dangerous area where the risks are high. You should not play with fire. But now that the Central Bank has suspended such trading, I think it is all right."

Apa pengakuan yang lebih authoritative, admission yang lebih authoritative, yang boleh diperolehi oleh Parlimen, oleh negara bahawa kerugian besar Bank Negara adalah disebabkan oleh spekulasi dalam matawang asing yang tidak prudent.

Kerana Tun Daim tidak boleh dituduh, seperti Pembangkang dituduh sebagai membuat spekulasi. Tuduhan liar tentang sebab kerugian matawang asing dalam Bank Negara. Itulah authoritative admission oleh Tun Daim bahawa kerugian Bank Negara adalah disebabkan main api—spekulatif—dalam pasaran forex.

Selain daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri Kewangan, tidak ada orang lain dalam negara ini yang boleh bercakap dengan pengetahuan dan authority yang lebih besar tentang sebab sebenar kerugian besar matawang asing oleh Bank Negara. Sebenarnya mungkin Tun Daim lebih tahu daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan kerana sewaktu tempoh jawatan beliau sebagai Menteri Kewangan itulah Bank Negara menanggung risiko dan mula melibatkan diri dalam urusan matawang asing secara spekulatif. Masa itu Bank Negara mula "bermain api" yang pada ketika itu terdapat sedikit kejayaan.

Amatlah malang sekali bahawa apabila beliau menjadi Menteri Kewangan, Tun Naim tidak memberi amaran dan mengarahkan Bank Negara supaya berhenti "bermain api" dan oleh sebab itu beliau juga mesti bertanggungjawab dalam kerugian besar matawang Bank Negara pada masa sekarang. Tun Daim ada memuji Tan Sri Jaffar Hussein kerana meletakkan jawatan sebagai Gabenor Bank dan memuji budaya "accountability" sedemikian.

Adakah beliau bersedia untuk menerima budaya "accountability" bagi dirinya kerana kegagalan beliau memberhentikan urusan matawang asing yang bersifat spekulatif sedemikian oleh Bank Negara apabila beliau menjadi Menteri Kewangan kerana urusan matawang asing yang sedemikian telah dimulakan semasa tempoh beliau memegang jawatan. Walau bagaimanapun, sampai sekarang orang yang mesti bertanggungjawab dalam kerugian besar tukaran matawang asing Bank Negara, selain dari Tan Sri Jaffar Hussein, tentulah bukan orang lain, selain dari Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan.

Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan telah memberi jaminan kepada Parlimen pada bulan April tahun lepas bahawa beliau berpuas hati (*fully satisfied*) dengan penjelasan Tan Sri Jaffar tentang kerugian pertukaran matawang asing Bank Negara. Jika demikian, mengapakah Tan Sri Jaffar telah bertindak secara berlainan dalam tahun 1993 berkenaan dengan kerugian tukaran matawang asing Bank Negara yang menghendaki beliau meletakkan jawatan? Bukanlah langkahnya sama dengan tahun 1992? Tujuannya, tindakannya dan keputusannya sama dengan tahun 1992 yang mana Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan kata, beliau puas hati dengan "explanation" yang diberi.

Kalau begitu kenapa sekarang beliau perlu letak jawatan? Buat apa yang dia buat sama seperti pada tahun 1992, dimana Yang Berhormat Menteri Kewangan kata, dia puas hati. Sebenarnya jika Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah betul bahawa kerugian besar pertukaran matawang asing adalah sebanyak RM5.7 bilion pada tahun lepas adalah daripada keuntungan dalam urusan tukaran matawang asing dalam tahun-tahun sebelumnya, yang bererti bahawa akhirnya di "bottom line" ada keuntungan, maka tidak perlu bagi Tan Sri Jaffar Hussein meletakkan jawatan jika ia dapat mem-

buktikan bahawa sejak ia melibatkan diri dalam perniagaan spekulasi matawang asing di bawah pimpinannya, Bank Negara telah memperolehi lebih keuntungan daripada spekulasi pertukaran asing hadapan, walaupun dengan kerugian besar dalam tempoh dua tahun yang lalu, maka Tan Sri Jaffar Hussein harus dianugerahkan gelaran "Tun" dan bukan terpaksa meletakkan jawatan dalam keadaan yang memalukan.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkata pada tahun lalu bahawa beliau tidak perlu mengambil tindakan terhadap sesiapa pun pegawai Bank Negara dan adalah tidak adil jika tidak ada orang yang diberi penghargaan (compliment) apabila Bank Negara memperolehi keuntungan besar dengan membuat serbuan ke dalam pasaran tukaran asing pada masa yang lebih awal. Sebenarnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri tidak adil kerana ada rakyat Malaysia yang masih belum tahu bahawa Bank Negara telah bergiat secara aktif dalam spekulasi tukaran matawang asing. Ini ada sebabnya.

Kita pernah menggesa Kerajaan membentang "Kertas Putih" untuk memberi maklumat secara terpeci tentang keuntungan atau kerugian tahunan dalam urusniaga tukaran matawang asing pada tahun lalu supaya rakyat Malaysia dapat tahu sama ada keuntungan terkumpul dari urusniaga tukaran matawang asing hadapan Bank Negara boleh menyerap (*absorb*) kerugian sebanyak RM5.7 bilion tukaran matawang asing. Apatah lagi RM30 bilion yang mungkin keseluruhan kerugian pertukaran matawang asing pada tahun yang lalu.

Ada dua faktor lain mengapa Yang Berhormat Menteri Kewangan patut memikul tanggungjawab secara persendirian bagi kerugian tukaran matawang asing Bank Negara. Pada minggu yang lalu Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan mengatakan beliau telah mengarahkan Bank Negara supaya menghentikan perniagaan tukaran matawang asing hadapan ketika ia mengetahui tentang

kerugian matawang asing 18 bulan yang lalu. Jika Bank Negara telah mengikut arahan beliau supaya menghentikan urusniaga tukaran matawang asing hadapan pada tahun 1992, jadi, bagaimana Bank Negara boleh mengalami kerugian sebanyak RM5.7 bilion dalam tahun 1993 selain daripada kerugian antara RM10.1 bilion hingga RM13.1 bilion pada tahun 1992?

Tambahan pula, Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan telah mengelirukan Parlimen pada bulan Julai tahun lalu ketika saya bertanya beliau sama ada Bank Negara telah mengalami lebih kerugian dalam tukaran matawang asing. Beliau berkata bahawa ini adalah tidak benar kerana ia telah menyelia urusniaga tukaran asing Bank Negara setiap minggu. Itulah jawapan pada 19hb. Julai, 1993 di mana saya ada kemukakan satu soalan tambahan semasa Soal Jawab. "sama ada pada ketika itu peruntukan Bank Negara sebanyak RM2.7 bilion sebagai "contingent liability" untuk urusniaga tukaran asing hadapan dafam tahun 1992 Bank Negara bukan sahaja disahkan, malah lebih banyak kerugian dalam tukaran matawang asing telah dialami. Pada 19hb. Julai, inilah jawapan Yang Berhormat Menteri yang saya petik daripada Penyata Rasmi Parlimen, muka surat 28—iaitu Dato' Seri Anwar bin Ibrahim .....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, jangan sebut nama.

**Tuan Lim Kit Siang:** Itu, saya baca dari *Hansard*.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Jangan sebut nama.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bukan, saya baca itu dari *Hansard*, Saya tidak sebut nama, saya baca *Hansard*:

"Tuan Yang di-Pertua, dukacita saya memaklumkan bahawa ini adalah satu berita yang kurang baik bagi Yang Berhormat dari Tanjong. Kerugian yang

dimaksudkan itu tidak berlaku dan tidak bertambah. Yang Berhormat mahu percaya atau tidak, tetapi saya ada maklumat yang sebenar tentang keadaan tersebut. Saya juga meneliti tiap-tiap minggu perkembangan-perkembangan, kerana masalah yang dihadapi sebelum ini".

Itulah—tidak tambah, tidak berlaku. Julai 1993, tiap-tiap minggu ditelitikan. Dia teruskan:

"Saya ingin memberi jaminan kepada Yang Berhormat dari Tanjong bahawa perkara ini kita teliti lebih dekat dan kita lebih waspada kerana pengalaman yang lalu."

Selepas penelitian yang lebih dekat, lebih waspada—RM2.7 bilion contingent liability menjadi RM5.7 bilion kerugian yang sebenar dan sebelum kira kerugian-kerugian lain yang mungkin sudah berlaku dan sekarang disembunyikan di lain-lain tempat.

Dalam jawapan Yang Berhormat Menteri Kewangan tadi, beliau telah mengelirukan Parlimen dan seluruh negara dalam tiga perkara:

- (i) Bahawa menjelang Julai 1993, peruntukan dalam akaun Bank Negara sebanyak RM2.7 bilion sebagai contingent liability untuk urusan tukaran matawang asing hadapan masih belum disahkan. Saya tanya sama ada contingent liability sudah menjadi liability yang sebenar, di kata, "tidak benar"—itu pada bulan Julai.
- (ii) Bahawa Bank Negara tidak mengalami lebih banyak kerugian dalam tukaran matawang asing. Julai—tidak tambah, tidak berlaku.
- (iii) bahawa penelitian mingguan beliau ke atas urusan tukaran matawang asing Bank Negara akan mencegah

kerugian besar daripada berlaku akibat urusan tukaran matawang asing hadapan Bank Negara.

Jika Yang Berhormat Menteri mendakwa bahawa beliau telah mengarahkan Bank Negara untuk menghentikan urusan tukaran asing hadapan pada 18 bulan yang lalu dan bahawa tiada aturan urusan yang baru pada tahun lepas kerana Bank Pusat telah menyelesaikan kedudukan urusan hadapan dalam pasaran wang pada tahun lepas, maka Bank Negara tidak seharusnya mengalami kerugian RM5.7 bilion kerana peruntukan contingent liability untuk urusan tukaran asing sedemikian pada akhir tahun 1992 adalah RM2.7 bilion. Kalau sudah di "wound-up" tiada sebab apabila dalam bulan Julai tidak berlaku kerugian, tidak bertambah di mana akhir tahun 1993 kerugian sebenar ialah RM5.7 bilion. Tambahan lagi, ia tidak seharusnya terdapat peruntukan sebanyak RM1.4 bilion sebagai contingent liability yang baru untuk tahun 1994—tahun ini—untuk urusan tukaran matawang asing bagi tahun ini dalam akaun yang berakhir pada tahun 1993.

Oleh kerana urusan tukaran asing biasanya adalah untuk 3 hingga 6 bulan, ini semestinya bererti bahawa Bank Negara masih terlibat dalam urusan matawang tukaran asing hadapan sekurang-kurangnya sehingga Jun 1993. Selain daripada Bank Negara, kita ada trading forex satu tahun, dua tahun—saya tidak tahulah. Kalau tidak, ini bererti bahawa sekurang-kurangnya sehingga Jun 1993 masih ada trading.

Dakwaan Yang Berhormat Menteri bahawa tiada urusan tukaran asing hadapan yang baru yang dijalankan oleh Bank Negara pada tahun 1993 tidak benar. Kalau begitu, itu tidak benar dan sebenarnya telah disangkal oleh Tan Sri Jaffar Hussein yang berlaku dalam sidang

akhbar pada 31hb. Mac dan juga dalam berkata beliau kepada Laporan Bank Negara 1993 yang berikut:

"Dalam akaun tahun 1993, kekurangan bersih sebanyak RM5.7 bilion dalam urusan pertukaran matawang asing telah dilaporkan. Satu amaun yang akan dihapuskan kira terhadap keuntungan Bank pada tahun-tahun yang akan datang. Kerugian ini mencerminkan salah perkiraan yang melibatkan komitmen yang telah dibuat dengan tujuan yang baik untuk melindungi kepentingan negara sebelum akaun Bank Negara bagi tahun 1992 diterbitkan pada penghujung bulan Mac 1993. Apabila urusan hadapan ini diselesaikan, kerugian mulai muncul dalam tahun 1993. Sehubungan dengan ini, perkembangan global pada tahun lepas telah menyulitkan pada Bank Negara untuk menyelesaikan kedudukan itu tanpa menanggung kerugian. Punca utama ialah masa yang tidak menyebelahi Bank Negara. Namun kini, urusan itu telah selesai dan pada masa ini tidak ada lagi tanggungan luar jangka dalam urusan hadapan pertukaran matawang asing Bank Negara dalam perkara ini. Satu peristiwa malang dalam sejarah Bank Negara kini sudah berakhir".

Ini adalah satu pengakuan bahawa sehingga penghujung Mac 1993, Bank Negara masih bermain dalam urusan matawang asing hadapan yang baru dengan cadangan bahawa selepas Mac, semua urusan hadapan akan diselesaikan tetapi peruntukan contingent liability sebanyak RM1.4 bilion untuk urusan tukaran matawang asing dalam akaun pada penghujung 1993 (*iaitu Nota 12*) menunjukkan bahawa urusan tukaran asing masih dijalankan selepas Mac 1993.

Jelas sekali bahawa Yang Berhormat Menteri Kewangan dan Tan Sri Jaffar tidak memberitahu apa yang benar tentang bilakah Bank Negara memberhentikan urusan matawang asing hadapan yang baru. Hanya satu siasatan yang penuh dan bebas ke dalam kerugian besar tukaran matawang asing Bank Negara dapat

menentukan kebenaran tentang aktiviti tukaran matawang asingnya dan juga lain-lain aspek penting skandal kerugian tukaran matawang asing Bank Negara.

Bank Negara telah menggunakan perakaunan yang curang dan tidak beretika untuk memanipulasikan kunci kira-kira 1993 bagi menyembunyikan kerugian tukaran asing sebanyak RM5.7 bilion supaya kerugian tersebut tidak dicerminkan dengan sepenuhnya dalam akaun. Ini telah dibuat dengan memasukkan kerugian tukaran asing sebanyak RM5.7 bilion sebagai satu butiran aset di bawah perbelanjaan tertanggung. Pengendalian kerugian tukaran asing luar biasa sedemikian sebagai satu butiran aset amatlah mengejutkan, tidak boleh diterima dan melanggar prinsip perakaunan yang diterima umum.

Di bawah mana-mana standard perakaunan antarabangsa termasuk Malaysia, kerugian tukaran asing yang begitu besar seharusnya dimasukkan sebagai butiran kerugian luar biasa dalam Akaun Untung Rugi. Dalam keadaan apa sekali pun, kerugian tukaran asing sedemikian harus dijadikan modal dan dikendalikan sebagai satu butiran aset dalam Kunci Kira-kira. Bagaimanakah kerugian sedemikian boleh dianggap sebagai satu butiran aset apabila ia bukanlah satu aset yang menguntungkan Bank Negara tetapi merupakan satu kerugian besar kepada Bank Negara?

Sebagai seorang akauntan, Tan Sri Jaffar Hussein seharusnya mengetahui bahawa adalah tidak beretika dan tidak jujur untuk menganggap kerugian asing besar sedemikian sebagai satu aset kepada Bank Negara. Adalah amat memalukan bukan sahaja kepada Bank Negara bahkan kepada semua rakyat Malaysia kerana Bank Negara cuba menyembunyikan dakwat merah tersebut dengan menggunakan kaedah yang begitu bodoh yang mana-mana pelajar perakaunan akan mengesannya dengan serta-merta.

Adalah jelas bahawa di sebalik amalan-amalan curang sedemikian adalah untuk menyembunyikan fakta bahawa Bank

Negara berada di dalam keadaan ketidakmampuan bayar (insolvent) atau bankrap secara teknikal.

Dalam istilah perakaunan, aset bersih adalah digunakan sebagai petunjuk kasar tentang kemampuan nilai dan persembahan kewangan jangka panjang sesebuah syarikat.

Menurut Laporan Tahunan Bank Negara, nilai bersih atau aset bersihnya sejak tahun 1990 adalah seperti berikut:

	1990 (RM juta)	1991 (RM juta)	1992 (RM juta)	1993 (RM juta)
Modal dibayar	100	100	100	100
Kum- pulan Wang Rizab Am	3,258	3,458	3,556	3,556
Rizab- nzab lain	8,749	10,053	753	41
Aset Bersih	12,107	13,611	4,409	3,679

Nilai bersih Bank Negara hanya jatuh sebanyak RM712 juta pada tahun 1993 kepada RM3,679 juta kerana ia hanya mengambilkira kerugian kos operasi sebanyak RM712 juta yang dialami oleh Bank Negara dan tidak mengambilkira kerugian tukaran asing RM5.7 bilion. Jika kerugian tukaran asing sebanyak RM5.7 bilion diambilkira, Bank Negara akan mempunyai nilai bersih negatif atau negative net worth sebanyak RM2,010 juta, atau secara teknikal, dalam keadaan insolvent Bank Negara. Bank Negara is in solvent di mana liabilities exceed assets.

Oleh yang demikian, Bank Negara adalah dalam keadaan insolvent yang bererti tanggungannya melebihi aset-asetnya sebanyak RM2,010 juta atau RM2.01 bilion dan jika ia adalah sebuah bank perdagangan, maka Gabenor dan Lembaga akan digantung kerjadan bank

tersebut akan diambialih, kalau commercial bank —takeover, (*Tepuk*) (*Ketawa*) tidak ada kerugian.

Jika Bank Negara bankrap, jadi manakah kewibawaannya dari segi moral dan etika untuk mengawal bank-bank kewangan dan saudagar supaya memastikan mereka mempunyai kesanggupan membayar hutang seperti dapat mengekalkan "capital adequacy ratio" yang mencukupi dan lain-lain? Kini, apakah perbezaan di antara Bank Negara dan sebagai contoh, Rakyat Merchant Bankers Berhad (RMB) yang diambialih olehnya pada 3hb. Mac kerana RMB telah melanggar peruntukan "capital adequacy ratio" dan seterusnya kehilangan keupayaan membayar hutang daripada segi teknikal.

Sebenarnya kini, apakah perbezaan di antara Bank Negara dengan 24 Kopertif Pengambilan Deposit (DTC) yang jatuh pada tahun 1986—Thanks, MCA (*Ketawa*) (*Tepuk*)—atau lain-lain bankserta syarikat kewangan yang jatuh yang diambialih olehnya pada masa yang lampau. Bank Negara sudah menjadi satu DTC No. 25! (*Ketawa*) Bank Negara sentiasa bertindak sebagai peminjam yang muktamad dan penyelamat kepada institusi perniagaan yang mengalami kesulitan.

Kini, siapakah yang akan menyelamatkan "penyelamat" yang sekarang dibelenggui oleh kesulitan dari segi kewangan? Dan mengapa Bank Negara tidak mengakui dengan sikap yang jujur dan terbuka bahawa kerugian tukaran asing sebanyak RM5.7 bilion adalah kerugian dalam akaun kewangan tetapi cuba menghiasi "dress" kerugian itu sebagai aset dan seterusnya memalukan diri mereka sendiri?

(Timbalan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

Pada satu ketika, Bank Negara sentiasa disanjung tinggi oleh masyarakat perbankan antarabangsa—bukan "Pembanggang"! (*Ketawa*) Tetapi kewibawaan telah lenyap akibat kerugian besar yang dialami dalam

pertukaran matawang asing pada tahun 1992. Saya difahamkan dalam satu mesyuarat International Monetary Fund (IMF) baru-baru ini.....

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:**  
(*Bangun*)

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Ketua Pembangkang kata, bila bank-bank atau institusi kewangan lain jatuh bankrap, Bank Negara menyelamatkan. Apakah Yang Berhormat Ketua Pembangkang sedar, di Malaysia ada lagi satu institusi yang cukup kaya, iaitu PETRONAS? Apakah PETRONAS pula akan disuruh untuk menyelamatkan Bank Negara sekarang? (*Ketawa*).

**Tuan Lim Kit Siang:** Itu satu kemungkinan—macam PETRONAS menyelamatkan Bank Bumiputera. Tetapi tak tahulah, satu hari mungkin PETRONAS perlu menyelamatkan Kerajaan—Treasury (*Perbendaharaan*) (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya kata, saya difahami bahawa dalam satu mesyuarat Tabung Kewangan Antarabangsa atau International Monetary Fund baru-baru ini, pegawai-pegawai Bank Negara telah dilayani sebagai "paria" oleh ahli-ahli bank-bank pusat yang lain oleh kerana darjat sudah jatuh, pengalaman kerugian forex tahun 1992 sebelum kerugian 1993.

Jika Bank Negara tidak berkeupayaan untuk membayar hutang sekarang (*insolvent*)—Central Bank Insolvent—maka bagaimana Gabenor yang baru iaitu Ahmad Mohd. Don dapat menegakkan kewibawaannya dalam mesyuarat-mesyuarat bank antarabangsa yang dihadiri oleh ahli-ahli Bank Pusat dari negara-negara yang lain—pergi

menghadiri, ini Gabenor bank yang insolvent? Malu!

Kerajaan patutlah mengisikan kekurangan nilai bersih supaya Ahmad Mohd. Don tidak dihina sebagai seorang Gabenor sebuah Bank Negara yang kehilangan keupayaan membayar hutang dalam masyarakat kewangan antarabangsa. Biarlah kita ingat bahawa penghinaan Gabenor Bank Negara juga merupakan penghinaan terhadap kesemua rakyat Malaysia. Perkara yang wajar yang patut dilakukan oleh Kerajaan adalah untuk mengakui kehilangan keupayaan untuk membayar hutang Bank Negara dan inject modal sebanyak lebih kurang RM3 bilion ke dalam Bank Negara untuk mengatasi kekurangan nilai bersih sebanyak RM2.01 bilion demi membekalkan tabung modal yang mencukupi supaya Bank Negara boleh beroperasi dan memulihkan kewibawaan dan imej Gabenor dan pegawai-pegawai lain Bank Negara di kalangan rakan-rakan sejawat mereka dalam mesyuarat-mesyuarat antarabangsa. Atau adakah Kementerian Kewangan sendiri kekurangan wang dan tidak mampu mengisikan kekurangan nilai bersih Bank Negara? Kalau begitu, mahu cari PETRONAS! (*Ketawa*).

Ini bukanlah satu-satu perakaunan curang yang didapati dalam akaun Bank Negara 1993. Penilaian semula Bank Negara dalam pelaburan yang disenaraikan juga tidak diambilkira yang mengakibatkan kemungkinan keuntungan penilaian semula ini telah pun digunakan untuk menyembunyikan kerugian tukaran asing yang lebih besar daripada RM5.7 bilion pada tahun lepas sebagaimana yang diakui.

Di bawah Nota 1(a) dalam akaun 1993, adalah dinyatakan bahawa Bank Negara sekarang telah menggunakan dengan konsisten kaedah perakaunan kos semasa untuk semua pelaburan yang disenaraikan, melanjutkan perubahan penilaian emas 1992 kepada asas "mark- to-market."

Biasanya dalam usaha penilaian semula sedemikian terdapat keuntungan penilaian semula kerana pelaburan ini telah dinilai pada kos asal apabila mereka dibeli pada beberapa tahun yang lalu yang mana adalah amat rendah berbanding dengan harga semasa. Ini dapat dilihat daripada aset-aset lain (*other assets*) yang melambung sebanyak RM6.1 bilion pada RM3.64 bilion pada tahun 1992 kepada RM9.75 bilion pada tahun 1993 kerana usaha penilaian semula (*revaluation*).

Walau bagaimanapun, keuntungan penilaian semula sebanyak RM6.1 bilion ini tidak diakui atau diambil dalam Kunci Kira-kira 1993 sepertimana yang dikehendaki di bawah prinsip perakaunan umum. Tidak terdapat kenaikan sebanyak RM6.1 bilion sama ada dalam Akaun Rizab Lain-lain atau Am atau dalam keuntungan Nilai Bersih Bank sebanyak RM6.1 bilion. Adalah mungkin bahawa keuntungan revaluation sebanyak RM6.1 bilion telah pun di"offset" sepenuhnya oleh kerugian tukaran asing yang lebih tersembunyi dalam rahsia. Dalam perkataan lain, kalau ini benar, kerugian tukaran asing 1993 bukanlah hanya RM5.7 bilion tetapi mungkin setinggi RM11.8 bilion. Ini adalah suatu bidang lagi yang perlu disiasat dengan sepenuh dan bebas untuk menentukan sama ada Bank Negara telah menyembunyikan kerugian tukaran asing sebanyak RM6.1 bilion dengan revaluation, *pelaburan* yang disenaraikan seperti MAS, MISC dan lain-lain.

Dalam ucapan saya ke atas kerugian tukaran asing Bank Negara di Parlimen pada tahun lepas, saya telah menarik perhatian ke atas berbagai kecurangan perakaunan dalam kunci kira-kira 1992 Bank Negara yang mengelirukan orang awam tentang setakat mana sebenarnya kerugian tukaran asing Bank Negara. Misalnya, Bank Negara dan Kerajaan telah

cuba mengelirukan orang awam dengan mendakwa bahawa Bank Negara telah mengalami kerugian muka (*paper losses*) sebanyak RM9.3 bilion apabila ia telah mengalami kerugian RM10.1 bilion.

Menurut Kunci Kira-kira—dan ini ada dinafikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada masa itu dan saya tidak tahu sama ada beliau ada balik dan dapat lagi satu taklimat sama ada beliau benar atau dia salah atau silap—menurut Kunci Kira-kira 1992 Bank Negara sendiri, kerugian bukanlah RM9.3 bilion tetapi adalah RM10.1 bilion sebagaimana yang dicerminkan oleh kejatuhan dalam Akaun Rizab Lain-lain sebanyak RM9.3 bilion selepas memindahkan RM800 juta ke dalamnya. Jumlah kerugian RM 10.1 bilion ini juga boleh diperiksa pasti lagi dan disahkan dengan mengira kejatuhan sebenar dalam nilai bersihnya (*net worth*).

Dalam istilah perakaunan, keuntungan yang dikekalkan akan menaikkan nilai bersih sesebuah syarikat dan mengurangkan nilai bersihnya jika ia mengalami kerugian. Bank Negara mencatatkan keuntungan sebanyak RM 1,398 juta pada tahun 1992 yang mana hanya RM898 juta sahaja yang dikekalkan kerana RM600 juta yang selainnya telah dibayar kepada Kerajaan. Ini boleh diperhatikan seperti berikut:

*Akaun Pengagihan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31hb. Disember.*

- (i) Keuntungan operasi bersih 1992—RM1,398 juta dan ini juga bersama dengan Pindahan kepada Kumpulan Wang Rizab Am RM898 juta dengan tambahan amaun yang akan dibayar kepada Kerajaan Persekutuan iaitu RM500 juta. Jumlah besar ialah RM1,398 juta.
- (ii) Pada akhir tahun 1991, keuntungan operasi bersih ialah RM1,200 juta dan bersama

dengan pindaan kepada Kumpulan Wang Rizab Am ialah RM200 juta ditambah amaun yang akan dibayar kepada Kerajaan Persekutuan ialah RM1,000 juta—jumlah RM1,200 juta.

- (iii) Pada akhir tahun 1990, keuntungan operasi bersih ialah RM1,074 juta dan bersama dengan pindaan kepada Kumpulan Wang Rizab Am RM274 juta, ditambah dengan amaun yang akan dibayar kepada Kerajaan Persekutuan RM800 juta—ialah RM1,074 juta.

Dengan perkataan lain, katakan bahawa sekiranya tiada kerugian atau keuntungan tukaran asing. Bank Negara harusnya meningkatkan nilai bersihnya sebanyak RM898 juta tetapi walaupun telah mengekalkan RM898 juta dalam keuntungannya, nilai bersihnya jatuh sebanyak RM9.202 juta kerana kerugian tukaran asing dan bukannya meningkat. Ini bererti bahawa kejatuhan sebenar dalam kedudukan nilai bersih adalah apabila kedua-dua angka ini ditambah ialah RM 10.1 bilion, yang diakibatkan oleh kerugian tukaran asing sebanyak RM10.1 bilion. Ini adalah satu contoh di mana Yang Berhormat Menteri dan Tan Sri Jaffar telah cuba mengelirukan orang awam dengan meletakkan angka yang lebih rendah dengan menyatakan bahawa kerugian Bank Negara pada tahun 1992 adalah RM9.3 bilion apabila ia haruslah dianggap sebagai RM10.1 bilion.

Selain daripada itu, terdapat juga kegagalan akauntan Bank Negara 1992 untuk mengambil kira penilaian semula atau revaluation untuk keuntungan emas. Bank Negara Malaysia telah menukarkan amalan perakaunan pada tahun 1992 dengan nilai semula emas yang mereka beli pada harga rendah pada 20 tahun yang

lepas pada harga semasa. Oleh kerana harga semasa adalah lebih tinggi daripada harga beli, amaun yang diperolehi sepatutnya dimasukkan di dalam Akaun Rizab Lain-lain.

Adalah dianggarkan bahawa emas berharga US\$100 satu aun dalam tahun 1984 sejurus sebelum Tan Sri Jaffar menjadi Gabenor Bank Negara, tetapi menjelang penghujung tahun 1992, harganya telah meningkat kepada lebih daripada US\$300 seoun. Dengan anggaran bahawa Bank Negara memiliki emas bernilai RM1.5 bilion pada ketika itu dan emas bernilai RM1.5 bilion itu masih disimpan, emas berkenaan akan ditaksir pada harga semasa, akan berharga lebih daripada RM4.5 bilion. Keuntungan yang melebihi RM3 bilion ini, daripada penilaian semula emas mestilah dicerminkan dalam Kunci Kira-kira tahun 1992 dan diletakkan dalam Akaun Rizab Lain-lain.

Hakikat bahawa keuntungan RM3 bilion daripada penilaian semula emas tersebut tidak diambil kira menunjukkan bahawa keuntungan penilaian semula emas juga sudah hilang, seperti kehilangan RM6.1 bilion dalam revaluation pelaburan yang disenaraikan pada tahun 1993.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat minta berhenti, sekejapya. Ahli-ahli Yang Berhormat, jam sekarang ini 5.30 petang dan kita hentikan perbincangan Usul menjunjung kasih untuk membolehkan perbincangan Usul yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dan Tanjong mengikut Peraturan Mesyuarat 18. Sepertimana yang dinyatakan oleh Tuan Yang di-Pertua awal-awal tadi, bahawa masa diperuntukkan satu jam dan diberikan 30 minit kepada pencadang dan penyokong dan 30 minit untuk Kerajaan. Saya minta Ahli Yang Berhormat dari Tanjong untuk memulakan perbincangan ini.

## USUL

### KERUGIAN DALAM URUSNIAGA TUKARAN ASING BANK NEGARA

5.30 ptg.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, tadi saya sebut bahawa ada "revaluation on quoted investments" pada tahun 1993. "revaluation" nampaknya tidak diambilkira, dan untuk tahun 1992 ada "revaluation on gold holdings"—mungkin RM3 bilion—dan ini pun tidak diambilkira dalam Kunci Kira-kira. Ini bererti ada kemungkinan bahawa penilaian semula emas lagi di "offset" oleh kerugian tukaran asing rahsia yang selanjutnya dan satu "revaluation exercise" pada tahun 1992 iaitu RM3 bilion. Ada lagi satu "revaluation exercise on quoted investments" pada tahun 1993 iaitu RM6.1 bilion. Adakah mereka adalah alat untuk menyembunyikan kerugian forex yang Bank Negara tidak mahu mengakui?

Dengan kata-katalain, kerugian tukaran matawang asing yang dialami oleh Bank Negara pada tahun 1992 tidak cuma sekadar RM10.1 bilion tetapi mungkin mencapai tahap RM 13.1 bilion. Pada tahun 1993, Bank Negara mengalami kerugian bukan sahaja RM5.7 bilion oleh kerana tukaran asing tetapi ada lagi satu item kerugian iaitu RM711 juta dalam kerugian bersih operasi. Apabila kita mengambilkira angka RM6.1 bilion daripada penilaian semula "quoted investments" yang mungkin juga menunjukkan kerugian daripada forex trading yang disembunyikan, maka kerugian Bank Negara boleh jadi dalam lingkungan antara RM6.4 bilion ke RM 12.5 bilion untuk tahun 1993.

Mengira dua tahun sama sekali, Bank Negara boleh jadi sudah mengalami kerugian dalam lingkungan antara RM 16.5 bilion ke RM25.6 bilion (*Disampuk*)—tidak? Jawab nanti.

Dalam satu kenyataan yang diberikan oleh Tan Sri Jaffar kepada para wartawan pada 20hb. April, 1993, beliau menafikan bahawa Bank Negara mengalami kerugian sebanyak RM9.3 bilion dalam tukaran asing dan menegaskan bahawa ianya cuma merupakan kerugian muka atau "paper losses". Malah Tan Sri Jaffar mengatakan bahawa kerugian "paper losses" demikian mungkin boleh menjadi keuntungan dan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan di Parlimen pada 27hb. April, 1993 memberi sokongan yang penuh kepada pendirian ini. Adalah menakjubkan bahawa Ketua Audit Negara masih boleh mengesahkan akaun-akaun Bank Negara sebagai bayangan yang benar dan munasabah, pada hal ianya mengelirukan dan tidak jujur sehingga reputasi antarabangsa kita akan terjejas.

Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan tidak sepatutnya dikelirukan oleh pegawai-pegawai Bank Negara mampu menanggung kerugian sebanyak RM25.6 bilion dalam tempoh dua tahun kerana asetnya lebih daripada RM100 bilion. Nasihat yang salah sedemikian yang menyebabkan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan berkata dengan terbuka bahawa pada tahun yang lalu kerugian RM10.1 bilion dalam tukaran asing yang dialami oleh Bank Negara pada tahun 1992 merupakan kerugian muka.

Kerugian tambahan sebanyak RM6.4 bilion di antara RM2.5 bilion yang dialami oleh Bank Negara pada tahun 1993 telah membuktikan kesalahan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan yang menganggap kerugian pada tahun 1992 ialah "paper losses". Sebenarnya kerugian itu kerugian sebenar. Beliau sepatutnya jangan mengulangi kesilapan yang mengatakan bahawa kedudukan kewangan-negara tidak akan terjejas kerana kekuatan rizab Bank Negara serta aset yang melebihi RM100 bilion. Adalah benar bahawa Bank Negara mempunyai rizab dan aset sebanyak RM100 bilion sebagaimana yang dinyatakan dalam Kunci Kira-kira pada tahun 1993. Tetapi jika hanya menumpukan perhatian kepada bahagian aset kunci kira-

kira, sudah tentu kita akan salah tafsir kedudukan sebenarnya. Ini adalah kerana Kunci Kira-kira juga mengandungi bahagian tanggungan (*liability*) yang juga melebihi RM100billion.

Untuk memahami dengan menyeluruh Kunci Kira-kira bagi mengetahui kesihatan kewangan sesebuah institusi adalah untuk membuat pengiraan ringkas ke atas nilai bersih atau aset bersih. Kita sudah lihat tadi kedudukan sebenar Bank Negara tidaklah sebaik sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan kerana ia tidak mempunyai aset yang melebihi RM100 bilion tetapi sebenarnya "insolvent" dalam keadaan ketidakmampuan bayar dengan nilai bersih negatif sebanyak RM2,010juta. Oleh yang demikian, adalah juga salah bagi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan bahawa kedudukan kewangan negara tidaklah terjejas kerana kerugian tukaran asing adalah daripada keuntungan dalam urusniaga tukaran asing yang lalu. Ekonomi negara ASEAN yang manakah dapat mengelakkan daripada mengalami kerugian dalam lingkungan RM6.4 bilion hingga RM12.5 bilion oleh bank pusat dalam setahun tanpa "impact" yang buruk?

Memperolehi keuntungan pada masa yang lalu bukanlah justifikasi untuk rugi antara RM16.5 bilion hingga RM25.6 bilion dalam tempoh dua tahun, khususnya pada masa sekarang apabila akibat kerugian besar nilai bersih, Bank Negarasudah berada dalam keadaan "insolvent" dengan nilai bersih negatif. Bagaimanakah Bank Negara boleh kerugian RM712 juta akibat memerangi inflasi pada tahun 1993, jika ia boleh memerangi inflasi dengan berjaya pada tahun 1992 dan masih mencatat keuntungan melebihi RM1 bilion? Mengapa pada tahun 1993 adalah begitu luar biasa sehinggakan oleh kerana memerangi inflasi Bank Negara terpaksa kerugian RM712 juta?

Tan Sri Jaffar berkata pada April tahun lalu bahawa "paper losses" dalam tukaran asing adalah disebabkan oleh ringgit yang lebih kukuh, oleh kerana ringgit yang lebih kukuh akan membawa kepada kerugian dalam rizab antarabangsa. Nilai ringgit naik sebanyak 5.6% dari segi "composite basket" dalam tahun 1992. Tan Sri Jaffar berkata kenaikan sedemikian adalah sebab mengapa kerugian tukaran asing telah dialami. Oleh yang demikian, kita menjangkakan Bank Negara akan memperolehi keuntungan tukaran asing jika nilai ringgit jatuh. Ringgit kukuh, rugi. Kalau begitu, nilai ringgit jatuh, untung. Menurut Laporan Bank Negara 1993, nilai ringgit jatuh sebanyak 5.22% dari segi "composite basket" pada tahun 1993.

Tetapi Bank Negara tetap mengalami kerugian di antara RM6.4 bilion hingga RM12.5 bilion dan bukan mencatat keuntungan tukaran asing. (*Tepuk*) Ini hanya menunjukkan bahawa spekulasi besar-besaran atau perjudian dalam pasaran tukaran asing telah mengakibatkan kerugian dan telah menghapuskan sebarang keuntungan yang diperolehi dari Ringgit yang lebih lemah. Berapa banyakkah tukaran asing hadapan kita? Apakah amaun forward trading yang kita ada? Ia mesti di antara RM30 bilion atau RM40 bilion supaya ia dapat mengakibatkan kerugian sebanyak RM5.7 bilion pada 1993 sebagaimana yang diakui oleh Bank Negara. Position mesti melibatkan RM30 bilion atau RM40 bilion di mana Bank Negara mengambil position forward forex trading. Apakah hak yang memberi kuasa kepada seorang atau dua untuk menjadikan begitu banyak wang dalam pasaran tukaran asing? (*Tepuk*) Bukan RM3 juta atau RM4 juta tetapi RM30 bilion atau RM40 bilion diambil position untuk speculative play with fire. Main api dengan RM30 bilion atau RM40 bilion wang rakyat Malaysia.

Peniaga tukaran asing Bank Negara beroperasi dengan lot yang besar dalam pasaran tukaran asing. Sementara kebiasaan

pasaran adalah diurus di dalam US\$1 juta, US\$5 juta atau US\$10 juta. Bank Negara beroperasi dengan cara yang agresif iaitu dengan US\$50 juta.

Saya difahamkan bahawa terdapat ketika apabila Bank Negara beroperasi dengan US\$500 juta untuk satu call (*Disampuk*) — US\$500 juta. Perlu adasatusiasatan. Perkara ini wang rakyat dan oleh sebab itu perlu ada satu siasatan. Adakah benar, adakah selamat, adakah prudent US\$500 juta untuk satu call? Mungkin lah, harap boleh mendapat keuntungan berpuluh-puluh juta Ringgit. Tetapi kalau tidak, akhirnya "Back Hole Bank Negara." (*Ketawa*) Rakyat Malaysia berhak mengetahui fakta sepenuh skandal kerugian tukaran asing Bank Negara.

Saya telah menyeru supaya ditubuhkan satu Suruhanjaya Siasatan DiRaja pada tahun lepas dan saya ingin mengulangi seruan ini. (*Tepuk*) Tadi Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri berkata bahawa Kerajaan boleh menubuhkan Suruhanjaya DiRaja kaiaulah benda-benda atau perkara-perkara itu tepat dan kena pada tempatnya. Inilah kena pada tempatnya. (*Sorak*) (*Tepuk*) Adakan Suruhanjaya DiRaja mengenai kerugian raksasa (*mega losses*).

Pertama kali Suruhanjaya Siasatan DiRaja harus menentukan jumlah sebenar kerugian tukaran asing yang dialami oleh Bank Negara sejak 1992. Saya telah berkata bahawa untuk kedua-dua tahun 1992 dan 1993, kerugian tukaran asing Bank Negara boleh jadi adalah dalam lingkungan RM16.5 bilion hingga RM25.6 bilion. (*Sorak*) Tentu Yang Berhormat Menteri sendiri akan nafi. Diapun nafi dalam tahun lalu bahawa tiada kerugian RM10.1 juta, barulah RM9.3 juta dan bukan kerugian yang sebenar, paper losses sahaja. Tugas dan peranan Menteri Kewangan ialah menafikan—nafi sungguh pun benar. Tetapi ini sudah menjadi satu isu yang begitu besar melibatkan RM10, RM20, RM30 bilion.

Baiklah ada satu siasatan yang bebas untuk memastikan apa yang sebenarnya. Di sini apa yang menyentuh ialah kredibiliti—kredibiliti Kerajaan dan kredibiliti Bank Negara. Oleh kerana dalam dua tahun ini daripada jaminan-jaminan yang kosong dalam ucapan-ucapan yang mengelirukan, rakyat tidak boleh lagi yakin dalam perkara ini, selain daripada mengadakan satu Suruhanjaya Siasatan DiRaja.

Adayang mengatakan mungkin kerugian duatahun dalam lingkungan RM16.5 bilion hingga RM25.6 bilion. Jumlah kerugian tukaran asing boleh jadi lebih tinggi apabila kita mengambilkira tanggungan kontingen (*contingent liability*) RM1.4 bilion untuk 1994 akibat komitmen tukaran asing hadapan. Lagi satu item RM1.4 bilion contingent liability untuk tahun depan. Tentu Yang Berhormat Menteri Kewangan akan berdiri dan berkata, "Itu contingent liability—belum tahu. Mungkin gain, mungkin rugi, mungkin untung atau mungkin square semacam tahun lalu." Masa itu ada contingent liability RM2.7 juta. Masa itu kita tahu, bukan confirm, tetapi mungkin lah. Kalau kita mengambilkira itu, angka jadi lebih besar. Mungkin terdapat kerugian tukaran asing yang tersembunyi dan dirahsiakan dalam akaun Bank Negara 1992 dan 1993, selain daripada apa yang telah dibincangkan. Mungkin ada lagi. Mungkin pun boleh disembunyikan di lain-lain tempat.

Saya akan beri contoh lagi—satu kemungkinan. Bank Negara telah pun dituduh, misalnya, meletakkan jumlah wang yang besar ke dalam pasaran pada penghujung 1993 untuk membeli dolar Amerika, mengakibatkan satu kejatuhan besar Ringgit. Tindakan ini telah memperbaiki kedudukan kewangan akhir tahun Bank Negara dengan meningkatkan nilai matawang dan rizab emas dari ukuran Ringgit. Oleh kerana dump ringgit, angka-angka Bank Negara (*end-of-the-year figures*) look nice—sangat tinggi.

Adalah menarik jika kita perhatikan bahawa pada 30hb. November, 1993, emas dan tukaran asing dan lain-lain rizab Bank Negara termasuk SDR bernilai RM60 bilion. 30hb. November—RM60 bilion. Tetapi dalam tempoh satu bulan, pada 31 hb. Disember, 1993 ialah end of the year account, menurut Laporan 1993 Bank Negara, ia telah meningkat sebanyak RM16.4 bilion kepada RM76.4 bilion. Kenaikan sebesar 26% dalam satu bulan. 26% dalam satu bulan. Adakah pernah berlaku dalam Januari, Februari, Mac, April, Mei, Jun, Julai, Ogos, September, Oktober atau November? Tidak ada! Disember naik 26%.

Emas dan tukaran wang asing dan lain-lain rizab Bank Negara, termasuk SDR pada akhir 1992 ialah RM46.2 bilion. Jika ia telah meningkat pada kadar 26% sebulan, seperti yang berlaku dalam satu bulan pada Disember 1993, emas dan tukaran wang asing dan lain-lain rizab Bank Negara akan berlipat ganda kepada satu angka yang mustahil, iaitu RM587 bilion—that will be number one in the whole world—mungkinlah, kalau 26% meningkat setiap bulan untuk tahun lalu, tetapi kenapa bulan Disember? Itulah satu "manoeuvre" khas untuk akaun Bank Negara 1993. Oleh yang demikian, adalah mungkin bahawa kenaikan RMI6.4 bilion dalam emas dan tukaran wang asing dan lain-lain rizab boleh menyembunyikan kerugian tukaran wang asing yang lain, menjadikan kerugian tukaran wang asing kepada melebihi RM30 bilion sejak tahun 1992.

Tugas pertama Suruhanjaya Siasatan DiRaja ialah memastikan sama ada kerugian tukaran wang asing Bank Negara sejak tahun 1992 boleh melebihi RM30 bilion.

Tugas kedua Suruhanjaya Siasatan DiRaja ialah menentukan sama ada terdapat apa-apa kecurangan kewangan dan penyalahgunaan kuasa memandangkan penjelasan tentang kerugian besar tukaran wang asing yang tidak konsisten dan

bercanggah, "so many loopholes", begitu banyak masalah. Adalah tidak masuk akal bagi Bank Negara menyalahkan kelewatan serahan komputer yang "sophisticated" (*Ketawa*) kerana kerugian besar tukaran wang asing. Sesungguhnya bagaimanakah Bank Negara dapat bukan sahaja tidak rugi, malah memperolehi keuntungan pada masa yang lepas tanpa komputer yang "sophisticated" ini? Dan bagaimanakah Bank Pusat di lain-lain negara yang tidak ada komputer yang canggih tidak mengalami kerugian yang begitu besar dalam operasi tukaran wang asing hadapan?

Ketiga, Suruhanjaya Siasatan DiRaja harus menentukan bagaimana Bank Negara boleh mengalami kerugian yang begitu besar, Sebenarnya Yang Berhormat Menteri harus berupaya memberitahu Parlimen pada hari ini apakah saiz dan butir-butir kerugian tukaran wang asing Bank Negara dengan memberikan butir-butir urusanniaga asing Bank Negara dalam komposisi rizabnya, aspek operasi, campurtangan, komitmen hadapan dalam berbagai mata wang.

Pada bulan April yang lalu, Tan Sri Jaffar berkata bahawa untuk memberikan butir-butir sepertimana saya sebutkan tadi ialah "I must show my hand" dan beliau kata, jika bank tidak lagi terlibat dalam perniagaan tukaran wang asing, maka tidak ada masalah—"no problem" kalau tidak ada lagi "take position" untuk mendedahkan maklumat-maklumat tersebut. Pendirian ini pun dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam Dewan ini pada 19hb. Julai—tak boleh tunjuk tangan oleh kerana masih "exposed". Baik, sekarang Bank Negara telah mengumumkan bahawa ia telah memberhentikan semua transaksi tukaran wang asing hadapan, stopped already, no more exposed position dan semua urusanniaga telah pun selesai. Yang Berhormat Menteri sepatutnya tunjuk tangan *sekaranglah....(Ketawa)* Show your

hand! Bukan kepada kita, tetapi kepada rakyat! (*Beberapa Ahli DAP: Ya!*)(*Tepuk*) Tunjuk tangan yang bersih! Ada orang kata bahawa tangan dia yang paling bersih di dunia! (*Ketawa*) Sama ada benar atau tidak benar, tak tahulah! (*Ketawa*) Atau tangan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan lebih bersih atau kurang bersih? (*Beberapa Ahli: Boo!*) Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan sepatutnya.....

**Tuan Yim Chee Chong:** (*Bangun*).

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat berdiri untuk apa? Saya minta Yang Berhormat dari Tanjong, Yang Berhormat hendak beri jalankah? Yang Berhormat, dia tak beri jalan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Dia tak faham lah.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** (*Kepada Tuan Yim Chee Chong*) Sila duduk, ya. Baik, teruskan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Yang Berhormat Menteri Kewangan sepatutnya tidak ada sebab enggan membekalkan semua butiran tentang kerugian besar tukaran wang asing kepada Parlimen.

Apa yang menarik perhatian saya ialah kedudukan Nor Mohamad Yakop, orang yang mengawal selia secara langsung urusan tukaran wang asing Bank Negara dan oleh yang demikian, bertanggungjawab secara langsung kepada kerugian besar tukaran wang asing Bank Negara. Walaupun Nor Mohamad telah serahkan surat perletakan jawatannya yang akan dikuat-kuasakan pada 10hb. Julai, selepas 3 bulan bercuti, tetapi kononnya beliau akan di-pindahkan ke satu jawatan yang berhubung rapat dengan Kerajaan serta bertanggungjawab tinggi, dan Lapangan

Terbang Kuala Lumpur (KLIA) yang baru adalah disebut-sebutkan sebagai tempat di mana beliau akan ditempatkan.

Selepas laporan Bank Negara tentang kerugian tukaran wang asing yang bernilai antara RM10.1 bilion hingga RM13.1 bilion diumumkan, Nor Mohamad telah dilantik sebagai Senior Advisor. Selepas Laporan 1992 diterbitkan, Nor Mohamad telah dilantik sebagai Penasihat Kanan kepada Bank Negara, selepas RM9.3 bilion sehingga RM10.1 bilion losses, Dan beliau juga dianugerahkan darjah Johan Setia Mahkota (JMN) sempena Hari Keputeraan Yang di-Pertuan Agong pada 5hb. Jun, 1993. Rakyat Malaysia memang ingin tahu sama ada budaya "accountability" yang dikata-katakan oleh Kerajaan selepas Tan Sri Jaffar Hussein meletak jawatan cuma merupakan satu "farce", rugi RM10 bilion hingga RM20 bilion boleh dianugerahkan dan dapat promosi.

Kerajaan Barisan Nasional mestilah tahu bahawa Bank Negara adalah kepunyaan keseluruhan rakyat Malaysia dan kerugian-kerugian tersebut langsung tidak boleh diabaikan sebagai perkara yang remeh-temeh dan tidak penting. Sebagai pemegang-pemegang saham, semua rakyat Malaysia berhak untuk menuntut "accountability" dan bertanggungjawab yang sepenuhnya daripada mereka yang bertanggungjawab ke atas kerugian, credibility kewangan antarabangsa dan dana yang kita tubuhkan selama 37 tahun, biar pun dia adalah Gabenor atau Menteri Kewangan.

Tan Sri Jaffar telah berkata dalam kuliahnya di New Delhi pada tahun 1989 bahawa apabila beliau menyertai Bank Negara pada tahun 1985 dari sektor swasta, dia diberitahu bahawa tujuan utama pengurusan rizab di Bank Negara adalah untuk memelihara nilai yang kita ada dan pertimbangan yang utama adalah keselamatan "liquidity". Beliau berkata

bahawa dia telah mendapat dimensi yang ketiga dan keempat ialah "optimum pro fitability" dan "kepakaran pasaran", kerana kegagalan kedua-dua dimensi barulah yang menyebabkan kerugian tukaran wangasing begitu besar dan peninggalan secara malu oleh Tan Sri Jaffar Hussein.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, nampaknya masa sudah hampir habis. Jam itu rosak ya! *(Ketawa)* *(Jam Dewan menunjukkan pukul 5.51 petang)*

**Tuan Lim Kit Siang:** Belum.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Saya lihat jam itu tadi rosak.

**Tuan Lim Kit Siang:** Jam saya belum rosak, ada lagi 3 minit.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Jam itu tak betul, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bukan, saya ikut jam saya.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Bahawa saya hendak memberitahu Yang Berhormat ada masa 3 minit, kemudian disokong ucapan itu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, saya ikut jam saya. *(Ketawa)* Bank Negara pun macam ini! *(Ketawa)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, sila teruskan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Okay. Kerajaan masih perlu menyakinkan rakyat bahawa ia adalah serius mengenai kerugian tukaran wang asing yang raksasa yang mana akan

melebihi RM30 bilion sejak tahun 1992. Dengan RM30 bilion Kerajaan boleh mengumumkan "cuti" untuk semua orang Malaysia daripada membayar cukai pendapatan individu selama 7 hingga 8 tahun. Biarlah Kerajaan membuktikan keseriusan dengan menubuhkan satu Suruhanjaya Siasatan DiRaja untuk menyiasat skandal kewangan yang terbesar di Malaysia dan bagi semua yang terlibat, bermula dengan Yang Berhormat Menteri Kewangan, *(Tepuk)* melangkah ke depan untuk menanggung tanggungjawab terhadap skandal kerugian tukaran wang asing Bank Negara yang raksasa.

Saya telah sebut dalam Parlimen dahulu bahawa di Mongolia, dua orang bekas Gabenor Bank Pusat dan tiga orang kakitangan mereka telah didakwa di dalam mahkamah kerana kelalaian serta bertindak diluar batasan kuasa apabila berjudi selama dua tahun dalam pasaran mata wang asing dunia yang menyebabkan kerugian sebanyak US\$90 juta sahaja. Angka ini adalah satu angka yang amat kecil berbanding dengan RM30 bilion yang mungkin dialami oleh Bank Negara sejak tahun 1992.

Adalah amat dikesali bahawa Kerajaan Pusat tidak menyokong cadangan agar ditubuhkan sebuah Suruhanjaya DiRaja dalam kerugian besar yang dialami oleh Bank Negara dalam urusan matawang asing. Malah Kementerian Kewangan dan Bank Negara telah enggan membenarkan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) untuk menjalankan satu penyiasatan yang penuh ke dalam kerugian besar matawang asing dan Tan Sri Jaffar pun tidak menghadiri mesyuarat tahun lalu. Kini dengan kerugian yang dialami pada tahun kedua berturut-turut, pihak PAC masih tidak boleh bergerak dan bermesyuarat disebabkan ia tidak mempunyai seorang Pengerusi disebabkan bekas Pengerusinya sudah dilantik sebagai Setiausaha Parlimen.

Saya menyeru Timbalan Perdana Menteri untuk mengemukakan satu usul untuk melantik seorang Pengerusi PAC yang baru tanpa berlengah-lengah supaya Jawatankuasa tersebut dapat bermesyuarat dengan segera mengenai kerugian Bank Negara dalam urusan matawang asing dalam tahun 1993. (*Tepuk*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, masa sudah cukup.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya sudah habis...Jemaah Menteri dan Parlimen harus menerima Konvensi Parlimen yang "established" dalam Parlimen-parlimen Komanwel yang lain dengan melantik seorang Ahli Pembangkang untuk mem-pengerusikan PAC untuk menunjukkan "transparency." (*Tepuk*) Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Saya minta seorang menyokong, tetapi tiada masa untuk membahaskan.

**Tuan Ahmad bin Nor:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Saya minta Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menjawab.

6.02ptg.

**Timbalan Perdana Menteri (Dato' Seri Anwar bin Ibrahim):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ketua Pembangkang kerana membawa usul dan memberi ruang kepada kita untuk memberi penjelasan.

Dalam Ordinan Bank Pusat, Bank Negara mempunyai kuasa dan kebebasan sepenuhnya dalam menguruskan Rizab

Antarabangsa. Kenyataan ini harus difahami. Apabila saya dimaklumkan penglibatan Bank Negara dalam urusan hadapan pertukaran asing serta kerugian yang dialami, saya telah mengarahkan Bank Negara Malaysia memberhentikan urusan sedemikian dan mengambil langkah-langkah perlu untuk mengurangkan kerugian. Sejak dari itu Bank Negara telah mengambil langkah untuk menamatkan secara berperingkat, unwind dengan izin, segala kedudukan hadapan (*forward position*) yang dibuat dalam tahun 1992 dan awal 1993. Soal jaminan saya di Dewan ini pada tahun lalu itu tidak timbul kerana saya telah berusaha untuk memastikan Bank Negara tidak berurusan hadapan.

Sejak jaminan yang saya lakukan di Dewan ini, tidak ada sebarang urusan hadapan yang dilakukan oleh Bank Negara dan saya pertahankan kenyataan ini. (*Tepuk*) Apa yang berlaku ialah keputusan dalam tempoh satu tahun yang diberikan dari "financial year" sebelumnya sehingga "financial year" sekarang untuk Bank Negara "unwind its position". Ketua Pembangkang harus tahu "basic economics" dalam "monetary transactions". (*Tepuk*) Kalau Bank Negara *dibenarkan... (Disampuk)*—pihak Pembangkang cuba belajar dengar! Saya dengar dengan sabar selama lebih kurang satu setengah jam dan hormat sedikit kepada Peraturan Parlimen dan beri saya peluang memberikan penjelasan dan selepas itu kalau hendak debat, silakan. (*Disampuk*).

Saya katakan, kalaulah kita gopoh menerima muslihat yang dibuat oleh Ketua Pembangkang, kerugian kita tentunya akan lebih besar. Kita tidak boleh "unwind position" dalam satu masa. Kita mesti "unwind position" bila urusan perniagaan itu "matures", tigabulan, enam bulan, sembilan bulan dan berikutnya. Tetapi arahan saya di

Dewan ini jelas — "no more". Dengan maksud, tidak ada lagi urusan baru yang dibuat oleh Bank Negara Malaysia. (Tepuk)

Soalnya, mengapa Gabenor meletak jawatan sekarang dan tidak tahun lalu? Gabenor Bank Negara memang mengusulkan untuk meletakkan jawatan tahun lalu. Saya melarang, kerana saya mengatakan, "kerugian ini ada; selesaikan masalah; kemudian letak jawatan". Itu yang berlaku.

Andai kata saya dengar nasihat Ketua Pembangkang, dan Gabenor Bank Negara meletakkan jawatan tahun lalu, Gabenor sekarang terpaksa mengemukakan laporan tahunan dengan kerugian yang baru dan tanggungjawab beliau akan lebih rumit lagi. Sebab itulah kita berikan penjelasan tentang perkara ini.

Soal yang dibawa, dalam akaun Laporan Tahunan mengapa ada Contingent liability RM1.4 bilion tahun ini selain daripada RM5.7 bilion kerugian yang dialami? Contingent liability itu digunakan untuk akaun suku tahun pertama untuk menyelesaikan sehingga 31hb. Mac, 1994. Kira-kira kita dan jaminan kita ialah untuk "unwind position" untuk satu tahun. Jadi, bukan ada. Sebab itu sekarang ini kalau ditanya pengakuan, memang benar saya bagi pengakuan supaya kita monitor tiap minggu, memang benar ada urusan niaga hadapan. Saya akui itu berlaku tahun lalu dan saya katakan "no more". Kemudian saya minta supaya berperingkat-peringkat "unwind position" supaya sehingga sekarang, tiada lagi period urusan niaga hadapan.

Tetapi kita mesti ingat, jangan kita hanya sebut tentang kerugian RM5.7 bilion. Ketua Pembangkang memang menyebut dalam dua bulan, satu bulan kadang-kadang naik RM16 bilion, kadang-kadang naik RM5 bilion dalam dua tahun yang lalu. Dan dalam tahun 1993, kita laporkan kerugian

RM5.7 bilion. Dalam tempoh yang sama ada tambahan rizab kita sebanyak RM46 bilion. Mengapa ini tidak disebut dan tidak diambil kira sama sekali? (Tepuk) Kerugian RM5.7 bilion dicanangkan di seluruh negara. Tambahan rizab RM46 bilion langsung tidak diambil kira dan tidak disebut. Apakah ini keadilan? (Tepuk)

Kerugian "operating losses" yang disebut oleh Ketua Pembangkang RM712 juta, memang betul. Tetapi mengapa Bank Negara rugi RM712 juta. Itu adalah disebabkan kerana tanggungjawab Bank Negara "mop up excess liquidity in the system" dengan izin. Oleh kerana kecairannya bertambah, maka kos Bank Negara mop-up ialah RM3 bilion—rugi RM712 juta. Siapa yang akan tanggung kos itu? Kerajaan? Ketua Pembangkang? Bank Negara yang harus menanggung kos itu! Sebab itu orang tidak pertikaikan kerugian RM712 juta. Kalau ditanya, mengapa tahun 1992 tidak rugi? Wahai Ketua Pembangkang, bacalah Laporan tahun 1992, sebab kos "mopping-up excess liquidity in the system" ialah RM1 bilion. Jadi ia tidak rugi. Kalau kos tahun 1993 ialah RM2 bilion, Bank Negara masih untung lagi. Tetapi kos ini untuk menyelamatkan kewangan kita, mempertahankan ringgit kita dan mengurangkan tekanan inflasi RM3 bilion lebih. Rugi RM712 juta adalah tanggungjawab Bank Negara. Ini harus disempurnakan.

Tuan Yang di-Pertua, ini kira-kira Ketua Pembangkang. Mana dia belajar akaun, saya pun tak tahu. Saya fikir dia belajar di Kamunting dahulu! (Ketawa) Saya pun belajar juga di Kamunting tetapi tidak rosak macam ini! (Ketawa) Tahun 1993 naik kerugian, diacampur semua. Dia buka akaun ini di halaman akhir, bukan payah bacasemua. Ini masalahnya! Belajar sedikit, tidak habis! Dia tengok muka surat akhir ini, kemudian dia kira semua sekali rugi. Jadi, dia kata rugi lebih kurang RM12.5

bilion. Sebabnya, dimasukkan "operating loss RM0.7 bilion" yang saya sebutkan tadi yang menyebabkan "mopping-up exercise" yang sebenarnya tidak ada kena mengena dengan rizab. Dia campurkan yang itu. Dia campur "reported loss" RM5.7 bilion yang memang masuk. Dia campur "increase in other assets" RM6.1 bilion, dia kira-kira, jadi RM12.5 bilion. Ini kira apa, Tuan Yang di-Pertua? Saya terpaksa rujuk kepada Laporan Tahunan.

Jadi, saya harapkan Ketua Pembangkang berlaku adil. Saya tidak pertahankan. Aset kita dipenghujung tahun 1993 lebih RM100 bilion. Jangan diperkecilkan! Tidak ada negara yang sedang membangun yang mempunyai aset yang sedemikian! (*Tepuk*) Suka tak suka, itu soal lain. Kerana ini kejayaan Kerajaan Barisan Nasional; Ketua Pembangkang tidak setuju, itu soa! lain. Tetapi fakta mesti diterima.

Saya umumkan, umpamanya rizab antarabangsa RM76.4 bilion di akhir tahun 1993. Ketua Pembangkang mahu tahu berapa rizab kita sekarang? Lebih RM90 bilion! (*tepu*) Bekas Menteri Kewangan—memang dia tidak ada disini, bukan Menteri Kewangan yang satu lagi, tetapi yang satu lagi itu, yang ikut mazhab lain! Dalam akhbar *Harakah*, dia kata, mana ada rizab! Tidak ada rizab! Saya hairan besar, bekas Menteri Kewangan yang pernah menduduki Bank Bumiputera. Patutlah banyak skandal berlaku di masa dia, sebab dia tidak tahu dan dia menafikan bahawa ada rizab. Memanglah akhbar *Harakah*, kita fahamlah dia tidak berapa nak faham bab ini, memanglah dia kata tidak ada rizab. Saya tidak salahkan akhbar *Harakah* kerana ia tidak berani hendak pertikaikan pendapat ketuanya, mufti besar dia, Pengerusi '46.

Agak memeranjatkan untuk bekas Menteri Kewangan menafikan ada rizab, sebab kata dia: "Rizab ini bukan rizab, ini cuma basil eksport." Memang betul, ada

dua perkara. Bila saya sebut rizab, ini simpanan yang adadalam pelbagai wang asing, sekuriti Kerajaan asing, "triple ace" bukan pakai beli sekuriti negeri-negeri yang tidak tentu arah ini—tidak. "Triple ace" dan juga emas. Dan ini disahkan "verified by depositories", bukan agak-agak ini—tidak. Dan institusi luar negeri yang menyimpan rizab kita. Jadi RM90 bilion ini "real money" atau "gold" atau simpanan tetap dalam sekuriti Kerajaan asing yang ada. Kalau dicampur apa yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Gua Musang iaitu "export receipts" yang disebut itu sebenarnya tidak ada. Yang ada Amerika, Jerman,—wah! dia ini kagum dengan Amerika dan Jerman. Dia tidak percaya bahawa Menteri Kewangan sekarang lebih baik daripada Menteri Kewangan semasa dia. (*Tepuk*).

Jadi, dia fikir mustahil ada rizab. Saya hendak sebut kepada Ahli Yang Berhormat dari Gua Musang, kalau dicampur "export receipts" RM90 bilion "real cash" yang ada, kalau dicampur "export receipts" yang dia katakan ada tambahan (plus) RM120 bilion lagi yang ada di Malaysia. (*Tepuk*) Allahuakbar!

Tuan Yang di-Pertua, ini masalah penipuan, kenyataan, pembohongan yang berlaku. Soal kerugian—kita akui. Soal tanggungjawab Bank Negara dalam menguruskan perkara ini—kita akui. Saya yang mengarahkan Bank Negara untuk menghentikan urusan pasaran ini. Dan ini memang saya buat secara terbuka. Saya tidak menunjukkan saya puas hati atau senang dengan urusan perdagangan ini kerana sementara kita harus mengakui hak Bank Negara, jangan kita tertipu dalam kes ini. Kalau kita adarizab RM90 bilion, Ketua Pembangkang kata: "Kita mahu tahu bagaimana kedudukannya?" RM90 bilion tentulah disimpan dalam Dollar, dalam Deutschemark, dalam Yen, dalam Pound Sterling—bagaimana kita hendak beri tahu? Kalau kita beritahu seluruh dunia tahu. Dan

kita akan rugi, negara kita akan rugi—bukan sahaja Bank Negara akan rugi, sebab itu buat sementara "excessive trading" tidak dibenarkan, satu bentuk perdagangan atau "hedging" itu diperluakan.

Ahli Yang Berhormat dari Gua Musang kata: "Tidak pernah berlaku dalam zaman dia". Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebut di sini, di masa Menteri Kewangan itu Ahli Yang Berhormat dari Gua Musang memang ada trading dalam "foreign exchange" negara kita. Ini kenyataan—mahu bukti, saya keluarkan bukti. Tidak ada pula orang S.46 berani cabar.

**Berberapa Ahli:** (*Menyampuk*)

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, bukan setakat itu, sejak tahun 1981 sehingga tahun 1984, sementara Ahli Yang Berhormat dari Gua Musang menjadi Menteri Kewangan iaitu bakal Perdana Menteri kepada Ketua Pembangkang—boleh tunggulah. Dari tahun 1981 sehingga 1984 kerugian yang dialami oleh Bank Negara kerana mempertahankan ringgit, dasar yang didukung oleh Menteri Kewangan pada masa itu ialah RM9.5 bilion. (*Tepuk*).

Menteri Kewangan pada masa itu bertanggungjawab semata-mata hendak menjaga imej beliau dan kedudukan ringgit, menyebabkan kerugian RM9.5 bilion. Soalnya mengapakah kerugian pada masa itu yang merupakan 30% dari keseluruhan rizab antarabangsa tidak di laporkan? Mengapakah kerugian pada tahun 1967, apabila kita mengalami kerugian akibat dari kejatuhan Sterling dan juga tahun 1972, bila Sterling diapungkan—1973 bila dollar Amerika diturun, semua Bank Negara mengalami masalah dan kerugian. Tetapi tidak dihebahkan, tidak dilaporkan. Ini membuktikan bahawa pengurusan Bank Negara sekarang bertanggungjawab lebih

"transparent" dalam seluruh sejarah kita, lebih "transparent" kerana lebih telus kerana kita tahu kedudukan kewangan, kerugian dan keuntungan. Saya kira kita harus akui kenyataan ini. (*Tepuk*).

Saya hendak bertanya Ketua Pembangkang, dia sebut "Mongolia". Saya hendak tanya dia: "Mana—urusan Bank Negara Pusat mana yang menunjukkan laporan sepertimana yang kita tunjukkan?" Lebih dari itu meminta mala petaka daripada kita. Meminta laporan yang lebih detail, yang tidak pernah dibuat oleh Bank pusat mana pun. Sila teliti Laporan Bank Pusat ASEAN? Teliti Bank Pusat Eropah dan Amerika? Melainkan satu, dua—Bundes Bank sedikit, Fed Reserve Amerika Syarikat—sedikit.

Tetapi saya teliti puluhan laporan Bank Pusat tidak ditunjukkan, kerana apa? Kerana ini dianggap satu keadaan yang cukup kritikal—nadi kepada ekonomi dan nilai matawang negara berkenaan.

Bank Negara Malaysia memilih untuk memberi penjelasan yang cukup bertanggungjawab, untuk menafikan seluruh kekuatan mereka dan rizab yang besar berbanding dengan rizab tahun-tahun sebelumnya, menafikan keupayaan ketelusan Bank Negara. Ini saya kira tidak adil samasekali.

Sekali lagi saya ulangi, apa yang sebut tahun lalu, saya tidak berhasrat untuk mempertahankan apajuga kelemahan yang ada. Tetapi untuk menafikan seluruh kekuatan, menghina dan mempermainkan kewibawaan dan kredibiliti Bank Negara, saya fikir tidak adil sama sekali. Prinsip pertanggungjawaban diterima oleh Tan Sri Jaffar Hussein. Saya akui beliau merupakan salah seorang Gabenor Bank Pusat yang berjaya, dihormati di rantau kita dan juga di dunia antarabangsa. (*Tepuk*)

Kesilapan diakui kerana beliau tahu maklumat terperinci telah tidak pernah dikemukakan kepada saya atau kepada Perdana Menteri. Beliau tahu dan saya tahu. Kita diberitahu maklumat itu hanya sebelum akaun 1992 hendak dibentangkan. Pada masa itu baru kita tahu. Tetapi pada masa itu "forward position"nya besar, sebab itu saya memberi pengakuan selain daripada hendak menyelesaikan masalah "forward position" yang ada, "no more", tidak ada lagi "trading" baru yang dibuat oleh Bank Negara, dan ini diteliti. Dan kita tentukan dalam jawatankuasa Bank Negara dan wakil Perbendaharaan—itu sahajasejak saya menjadi Menteri Kewangan di mana Perbendaharaan duduk dalam Jawatankuasa Pengurusan (*Operation*) Bank Negara. Sebab saya memberi pengakuan di Dewan Rakyat yang mulia ini, kalau tidak saya tidak bersetuju untuk Perbendaharaan campur tangan dalam urusan "operational" Bank Negara, sebab kita mahu tahu Bank Negara itu mempertahankan "semblance of independence" untuk mengurus kewangan dan mempertahankan kredibilitinya, untuk mempertahankan nilai ringgit dan mengawal inflasi di negara kita.

Kejayaan menyelesaikan masalah-masalah seperti mana disebutkan oleh Ketua Pembangkang, masalah koperasi—pada satu ketika, pertengahan 80an di mana kredibiliti institusi kewangan negara kita dan Sistem Perbankan kita dipertikaikan, Bank Negara khususnya Gabenor datang sebagai penyelamat memberi keyakinan baru, memberikan harapan baru, memberi kredibiliti kepada Sistem Kewangan Negara kita, rizab yang bertambah besar, kedudukan Ringgit yang lebih stabil dan juga keyakinan masyarakat kewangan antarabangsa dan sebagainya, untuk membangkitkan sama ada solvent atau tidak—tidak berbangkit. Bank Negara itu menjadi tanggungjawab Kerajaan sepenuhnya.

Hari ini Bank Negara tidak memerlukan campur tangan berlebihan untuk menambah modal berbayar. Oleh kerana rizabnya sekarang ini enam kali "currency in circulation". Tolong sebut kepada saya,

berapa negara—kita boleh sebut dengan jari tangan kanan yang boleh catat rekod kita, bahawa enam kali "currency in circulation" dari jumlah rizab kita. Itu cukup memberi keyakinan. International Monetary Fund (IMF) minta Bank Negara untuk menambah allocation kepada ESA Fund untuk membantu negara-negara membangun.

Jadi, soal Ketua Pembangkang mengatakan orang tidak menaruh keyakinan, dia tidak menaruh keyakinan, tetapi dunia masih tetap menaruh keyakinan kepada Bank Negara kita. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua, saya juga harus akui tentang pengurusan, tentang memperkenalkan kaedah Bank Islam dan Sistem Perbankan Tanpa Faedah yang merupakan satu "experience" dan pengalaman yang unik dalam sejarah sistem kewangan dan institusi kewangan di dunia. Dan ini saya harus berikan kredit kepada Gabenor dan pengurusan Bank Negara. Sementara itu saya harus terima dengan berat hati tanggungjawab yang beliau pikul dan kesediaan beliau untuk melepaskan jawatan dan menerima "responsibility". Tetapi ini tidak boleh menyebabkan kita Wakil-wakil Rakyat menolak dan cuba meletakkan dan cuba merendahkan martabat Bank Negara kerana Bank Negara mesti ada "moral authority". Bank Negara mesti dipertahankan oleh Kerajaan dan mesti ada "moral authority" untuk terus mengawal, menyelia dan menjalankan fungsi bank dan institusi kewangan di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah saya harap penjelasan ini akan dapat memberikan keyakinan kerana seluruh alasan dan hujah yang dibuat oleh Ketua Pembangkang itu ialah jaminan yang saya berikan di Parlimen ini, tidak ada lagi urusan perdagangan pasaran hadapan oleh Bank Negara. Dan ini saya mempertahankan,

tidak ada sama sekali, melainkan untuk unwind kedudukan hadapan yang sudah sedia ada semasa akaun itu ditutup, pertama.

Kedua, saya jelaskan bahawa kedudukan ekonomi rizab dan kedudukan ringgit kita masih kukuh. Dan tunjukkan dan keyakinan kita kepada Bank Negara akan tetap kita pertahankan. Saya telah menemui bakal....

**Tuan Lim Kit Siang:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Hendak beri jalankah Yang Amat Berhormat?

**Date' Seri Anwar bin Ibrahim:** ....Gabenor Bank Negara, saudara Ahmad Mohamad Don, memberitahu pada beliau bahawa Kerajaan akan memberikan kepercayaan kepada beliau sepenuhnya dan memberikan garis panduan dan meminta supaya beliau menjadikan tugas pertamanya menjamin supaya pengurusan kewangan dipertahankan di peringkat yang cukup cemerlang supaya trading di dalam foreign exchange tidak berlaku lagi. Tetapi ini tidak bermakna kita tidak boleh "hedge" kalau negara entah negara mana yang ada RM10 juta atau RM20 juta rizab, itu soal lain. Kalau kita ada RM90 bilion rizab, kalau kita tidak pandai urus kewangan kita, kalau kita tidak pertahankan kepentingan wang rizab di negara kita, saya fikir kita akan menghadapi masalah. Cuma saya akui harus ada pengawasan. Saya beri jaminan di Dewan ini dan saya akan pertahankan jaminan itu. Tidak timbul masalah baru sejak jaminan saya tahun lepas. Oleh kerana semua masalah ini cuba diberes dan diselesaikan, saya fikir tidak perlu....

**Beberapa Ahli:** (*Menyampuk*)

**Tuan Lim Kit Siang:** Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan ada kata bahawa dia beri jaminan dalam Dewan ini

dan dia ada menunaikan jaminan ini. Sebenarnya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tidak pernah memberi jaminan dalam Dewan ini bahawa dia sudah memberhentikan semua "forward forex trading," tidak pernah. Kita tak tahu jaminan yang diberi yang ada saya sebut dalam bulan Julai tahun lalu ialah bahawa tidak ada kerugian daripada tukaran asing yang baru yang ditambahkan. Itulah apa yang ditunjukkan daripada Laporan Bank Negara bahawa tak benar.

Mengenai arahan yang dikeluarkan untuk memberhentikan "forward forex trading" ia tidak pernah membuat jaminan ini dalam Dewan, dan kita tidak tahu sehingga seminggu lalu. Tetapi mengenai perkara itu, kalau benar bahawa dalam tahun 1992 arahan sudah diberi untuk memberhenti semua "forward forex trading" dan memberi masa untuk "unwind" kenapa ada RM1.4 bilion "contingent liability" untuk tahun 1994. Sepatutnya semua telah diselesaikan pada akhir tahun 1993.

Akhirnya, tadi Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kata ini mungkin untuk tempoh suku tahun ini, selepas itu tidak ada. Kalau begitu, tentulah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tahu sama ada "contingent liability" RM1.4 itu sudah ditunjukkan berlaku atau sudah dapat keuntungan, square atau apa. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang tiap-tiap minggu ada meneliti, tentu ada angka itu.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, tahun lalu bila kita sebut kerugian atas kertas RM9.3 bilion ialah sebab kita tahu jumlah position ke hadapan yang dibuat oleh Bank Negara. Sebab itu saya katakan pada masa itu position belum ditutup. Akaun ditutup, "forward position" RM10 bilion yang disebut berapa, ada. Saya kata saya tidak mampu sebut lebih daripada itu, "denomination" dan "currency" mana,

dan jumlah mana kerana ia menjejaskan kedudukan simpanan dan "foreign exchange" yang kita simpan, itu tahun lalu. Kemudian, saya kata tidak ada "forward trading" baru. Soalan dari Ketua Pembangkang saya sudah jawab ialah mengapa ada contingent liability dalam akaun 1993 RM1.4 bilion. Saya jawab yang contingent liability itu kerana kita ambil kira "forward position" maturitinya bila? 3 bulan, 6 bulan atau 1 tahun. Sebab itu kita yakin, akhir Mac, 1994 tarikh akhir bagi sebarang kemungkinan mana-mana "transaction" dalam "foreign exchange" dilakukan, sebab itu ianya dibuat.

Untuk tahun berikutnya, kita tidak buat "contingent liability" sebesar itu untuk "foreign exchange exercise" kerana sementara "hedging" dibolehkan—ini saya hendak jelaskan. Saya tidak mahu beri pengakuan di Parlimen seolah-olah kita mengatakan tidak boleh sama sekali kita simpan wang itu. Kerana kalau kita letakkan wang—ini saya tidak sebut tahun lalu. Kita simpan wang kita RM90 bilion rizab itu di luar negara, kemudian kita biar kedudukan begitu, ada besar kemungkinan kita menanggung kerugian "in ringgit terms," kerana "fluctuation" nilai pasaran wang antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat juga harus tahu bahawa kadang-kadang keputusan itu luar daripada pertimbangan kita. Tahun 1985/1986 keputusan dibuat oleh G-7 tentang Dollar Amerika dan Yen, kita terbabit kerana kita simpan dalam Yen dan Dollar Amerika dan beberapa currency lain. Tahun semasa mendiang Tun Tan Siew Sin jadi Menteri Kewangan, kita simpan pada masa itu hampir keseluruhannya dalam Pound Sterling. Chancellor of the Exchequer Callaghan devalued, kita rugi, ranap dalam tempoh satu hah hampir keseluruhan rizab kita. Jadi, bukan soal kepintaran pengurusan semata-mata. Kita tidak tahu kadang-

kadang ini permainan antarabangsa. Yang Berhormat dari Nilam Puri diajawab senang sahaja, "Buat apa simpan rizab di luar negeri". (*Ketawa*) Cukup logik, kalau untuk kempen PAS di Cawangan cukup sesuai. Tetapi dalam pengurusan kewangan dunia hari ini tak terbuatlah kita cara itu. Tetapi memang benar. Maknanya kalaulah...(*ketawa*) Jadi, kalaulah kita teruskan dengan sistem kewangan sekarang rizabnya bertambah besar untuk mempertahankan credibility, kewibawaan dan kekuatan ekonomi dan fundamentals ekonomi kita, masalah ini terpaksa dihadapi.

Sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bersetuju soal kerugian Bank Negara itu dianggap sebagai kerugian dalam kebiasaan kita membuat penilaian syarikat kewangan ataupun syarikat perniagaan seperti yang diberi contoh, tidak betul. Saya sebut sekali lagi kerugian RM712 juta itu bukan pilihan Bank Negara. Bank Negara boleh enggan, mop-up dengan kos RM3 bilion dalam tunjuk keuntungan, tetapi yang rugi ialah negara kerana inflasi meningkat. Kita berikan arahan tanggungjawab Bank Negara dari segi polisi pertahankan ringgit, kawal inflasi, kosnya RM3 bilion Bank Negara tanggung, rugi Bank Negara tanggung, dan Kerajaan harus memberikan sokongan dan dukungan sekiranya Bank Negara mengalami apa-apa masalah. Inilah pengakuan yang kita berikan.

**Tuan Lim Kit Siang:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Hendak beri?

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Sudah cukup tempoh, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Masa ada satu minit.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, saya akan hanya simpulkan dengan harapan supaya kita berlaku adil dalam perkara ini, dan oleh yang demikian memadai penjelasan kita, dan kita tidak perlulah diadakan suruhanjaya siasatan lagi, kerana kalau kita ikut cadangan suruhanjaya ini saya fikir setiap hari kita ada suruhanjaya atas cadangan Pembangkang. Jadi, lamakelamaan mimpi pun suruhanjaya. Jadi, adalah munasabahnyanya kalau kita ada buat penjelasan — tetapi saya setuju, sebab itu bersetuju penjelasan diberikan setakat yang kita mampu.

Ahli-ahli Yang Berhormat harus sedar tidak ada negara, tidak ada Bank Negara pusat yang memberi kenyataan seperti ini. Kalau Yang Berhormat dari Kota Melaka mengatakan tidak ada Bank Negara atau bank pusat yang rugi seperti itu, saya minta maaf, nampaknya jahil benar tentang perjalanan institusi kewangan. Lebih besar rizab....

**Tuan Lim Guan Eng:** *(Menyampuk)*

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Ya, ada, baca sahaja surat khabar tiga hari yang lalu kita tahu salah satu bank di Afrika pun insolvent.

**Tuan Lim Guan Eng:** *(Menyampuk)*

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tengok bagaimana Yang Berhormat dari Kota Melaka pusing. Dia tanya saya mana ada satu bank di dunia, central bank yang insolvent. Saya jawab, tetapi dia kata, itu Afrika. *(Ketawa)*

**Tuan Lim Guan Eng:** *(Menyampuk)*

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, saya boleh jawab begini memang benar Yang Berhormat dari Kota Melaka jarang berlaku mana-mana bank pusat yang mempunyai aset melebihi

RM100 bilion. Jarang berlaku mana-mana bank pusat yang mempunyai RM90 bilion in reserved. Saya rasa tak sampai RM5 bilion, kalau negara yang sedang membangun. Ini saya kira satu keadaan yang cukup membanggakan. Soal Bank Negara insolvent tidak berbangkit sama sekali kerana Perbendaharaan dan Kerajaan cukup upaya untuk menyelesaikan sebarang masalah sekiranya berbangkit. Hari ini kita tidak perlu membuat lebih daripada yang disebut.

Saya harap Ketua Pembangkang dan rakan-rakan, keluarga dan suka-sakatnya *(Ketawa)* haruslah bersikap adil dalam perkara ini. Saya telah memilih untuk menjawab di Dewan yang mulia ini dan berikan keterangan, memang benar saya pilih juga untuk memberi jawapan kepada persoalan yang dibangkitkan dalam isu *Harakah* oleh bekas Menteri Kewangan kerana saya anggap kenyataan daripada seorang bekas Menteri Kewangan itu sepatutnya diberi perhatian. Oleh kerana beliau menganggap tidak ada rizab, dan seolah-olah beliau tidak terlibat sama sekali dalam apa-apa masalah, sebab itulah saya sebut dimasa beliau jadi Menteri Kewangan kita luput RM9.5 bilion, Yang Berhormat dari Tanjong, dan tidak ada rekod yang dikeluarkan dalam laporan tahunan. Sekurang-kurangnya saya ini buruk-buruk saya di pandangan Yang Berhormat dari Tanjong saya ceritakan habis, dan telus habis.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.  
*(Tepuk)*

## USUL

### PENANGGUHAN MESYUARAT

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang (Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa dengan tidak menghiraukan peruntukan Peraturan Mesyuarat 18(4), Dewan ini mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 hendaklah ditangguhkan sekarang.

**Menteri Permahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Dr Ting Chew Peh):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli-ahli Yang Berhormat, cadangan supaya Majlis ini ditangguhkan dengan tidak menghiraukan peruntukan Peraturan Mesyuarat 18(4) hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa dengan tidak menghiraukan peruntukan Peraturan Mesyuarat 18(4), Dewan ini mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 hendaklah ditangguhkan sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.34 petang.*